



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA


TAHUN 2017

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI
SELANGOR

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

NEGERI SELANGOR SIRI 1

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	<u>BAHAGIAN I</u>
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor
24	JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR Pengurusan Taman Kekal Pengeluaran Makanan
52	MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR Pengurusan Hartanah
86	PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR PI Brilliant Berhad
106	MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN) Communication Corporation Sdn. Bhd.
	<u>BAHAGIAN II</u>
	PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
127	PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)
159	PENGAUDITAN MENGEJUT
171	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpanduan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun 2017 Siri 1 ini mengandungi dua (2) bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri


3. Laporan ini mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di dua (2) Jabatan, satu (1) Agensi dan dua (2) Syarikat Kerajaan Negeri. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di 15 Jabatan/Agensi Negeri serta Pengauditan Mengejut di 23 Jabatan/Agensi Negeri. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 37 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan

Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

12 Jun 2018



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

1. Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor

- a. Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) ditubuhkan di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi melaksanakan pendidikan integrasi tahfiz dengan menawarkan tiga (3) kurikulum iaitu Tahfiz, Azhari dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula daripada tingkatan satu (1) hingga lima (5). Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan empat (4) buah MITS di daerah Kuala Langat, Klang, Sabak Bernam dan Sepang yang masing-masing mula beroperasi pada tahun 2008, 2009, 2013 dan 2014. MITS diselaraskan oleh Seksyen MITS, Unit Pengurusan Sekolah, Sektor Pengurusan Pendidikan Islam, JAIS bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran yang teratur. Pengurusan MITS di peringkat JAIS diketuai oleh Penolong Pengarah yang dibantu oleh Penyelia Kanan dan Pembantu Tadbir. Pengurusan di peringkat MITS pula terdiri daripada Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Kanan Akademik dan Pentadbiran, Penolong Kanan Kokurikulum serta kakitangan sokongan pelbagai jawatan dan gred. JAIS telah mengagihkan peruntukan mengurus kepada MITS bagi bekalan makanan bermasak pada tahun 2014 hingga 2017 berjumlah RM12.88 juta (1.3%) daripada peruntukan keseluruhan JAIS berjumlah RM1,019.79 juta dan telah membelanjakan sebanyak RM10.64 juta bagi tujuan tersebut. Bekalan makanan bermasak adalah perkhidmatan yang diberikan oleh JAIS kepada pelajar. Pengurusan bekalan makanan bersih dan berkualiti adalah penting kepada pelajar di sekolah berasrama dan perlu dilaksanakan dengan baik dan teratur mengikut peraturan yang ditetapkan bagi menjamin makanan yang disediakan adalah baik, berkualiti dan bersesuaian kepada pelajar. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017 terdapat 3,228 pelajar dari tingkatan satu (1) hingga lima (5) di MITS. Program bekalan makanan bermasak di MITS menasaskan penyediaan makanan berkhasiat berdasarkan Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia (2005) iaitu antara 2,000 hingga 2,600 kilo kalori sehari yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Program

Program bekalan makanan bermasak di MITS menyasarkan penyediaan makanan berkhasiat berdasarkan Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia (2005) iaitu antara 2,000 hingga 2,600 kilo kalori sehari yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Disember 2017 mendapati JAIS telah mengguna pakai menu sekolah berasrama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah diluluskan oleh KKM dan kontraktor telah membekalkan makanan bermasak mengikut hari persekolahan yang ditetapkan oleh MITS. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati prestasi pengurusan menu tidak efisien kerana terdapat kekerapan pertukaran menu pada tahun 2016 dan tahun 2017 iaitu masing-masing sebanyak 991 kali dan 144 kali. Perkara ini berlaku disebabkan tiada garis panduan yang jelas disediakan untuk rujukan MITS. Pertukaran menu tersebut menyebabkan pengambilan nutrien oleh pelajar tidak dapat dipastikan telah mengikut Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia (2005).

ii. Pengurusan Program

Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak di MITS daripada aspek perancangan perolehan dan pelantikan kontraktor telah diuruskan dengan cekap dan teratur. Bagaimanapun, tahap kecekapan pengurusan pesanan dan bekalan makanan bermasak masih boleh dipertingkatkan.

iii. Pihak Audit menggariskan beberapa kelemahan penting yang ditemui sehingga tarikh pengauditan pada bulan Disember 2017 yang perlu diambil tindakan oleh pihak JAIS adalah seperti berikut:

- kegagalan menyediakan borang pesanan makanan untuk dikemukakan kepada kontraktor sebelum pembekalan telah mengakibatkan kerugian di pihak JAIS apabila kontraktor dibayar bagi bekalan yang melebihi bilangan sebenar pelajar bagi tempoh 2014 hingga 2017 berjumlah RM222,550; dan
- JAIS telah membuat bayaran bagi bekalan makanan yang tidak mengikut sajian ditetapkan dalam kontrak bagi tempoh 2014 hingga 2017 berjumlah RM666,030.

iv. Selain daripada isu prestasi di atas, terdapat beberapa isu pematuhan syarat kontrak dan peraturan kewangan seperti berikut:

- kontrak ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa;
- kesilapan catatan tahun dalam kontrak dan Surat Setuju Terima; dan

- kelewatan menerima invoie daripada MITS menyebabkan proses pembayaran di peringkat JAIS lewat dibuat.
- c. Bagi memastikan pengurusan perkhidmatan bekalan makanan bermasak dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, adalah disyorkan Jabatan Agama Islam Selangor mengambil tindakan berikut:
- i. mengambil tindakan terhadap tahap kebersihan dewan makan bagi memastikan persekitaran dewan makan yang lebih bersih dan selesa;
 - ii. menyediakan SOP bagi pengurusan bekalan makanan bermasak di MITS dan mengkaji semula SOP bagi proses pembayaran di peringkat JAIS untuk memudah dan mempercepatkan proses pembayaran;
 - iii. memastikan semua pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab menguruskan dewan makan diberi penerangan atau kursus berkaitan pengurusan dewan makan termasuk pengurusan bekalan makanan bermasak;
 - iv. memastikan semua MITS menerima sesalinan penuh kontrak yang telah ditandatangani serta mewujudkan Garis Panduan Pembekalan Makanan Bermasak bagi memudahkan rujukan dan pemantauan terhadap kontraktor; dan
 - v. mewujudkan mekanisme pemantauan secara berkala bagi memastikan MITS dibekalkan dengan makanan mengikut menu yang ditetapkan dalam kontrak.

JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR

2. *Pengurusan Taman Kekal Pengeluaran Makanan*

- a. Pada bulan November 1994, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) telah bersetuju dengan konsep pelaksanaan Taman Agroteknologi Negeri Selangor. Program Taman Agroteknologi yang sekarang dikenali sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah mula dilaksanakan di Negeri Selangor pada tahun 1996. Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor bagi pembangunan keseluruhan TKPM di Negeri Selangor telah ditandatangani pada 30 Oktober 2000 untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara. Program TKPM juga merupakan satu strategi di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk mentransformasikan sektor pertanian dengan menggalakkan pelaksanaan projek pertanian berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta. Objektif utama TKPM adalah untuk membangunkan usahawan yang berdaya maju dan mampu menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan mewujudkan zon kekal hasil pertanian bagi pengeluaran makanan dan

mengamalkan amalan pertanian yang baik. Pembangunan TKPM di Negeri Selangor melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan peserta yang terpilih. Berdasarkan Memorandum Persefahaman yang ditandatangani, Kerajaan Persekutuan akan membiayai kos pembangunan infrastruktur sementara Kerajaan Negeri Selangor akan menyediakan kawasan tanah bersesuaian dan mewartakannya sebagai tapak TKPM. Manakala peserta yang dipilih perlu menandatangani perjanjian sewaan TKPM yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor (JPNS) serta menyediakan sumber kewangan, tenaga kerja, peralatan, input pertanian dan perlu mengusahakan jenis tanaman seperti yang telah dipersetujui. Sehingga bulan November 2017, sejumlah 14 TKPM telah dibangunkan merangkumi kawasan fizikal seluas 1,403.15 hektar dengan bilangan peserta seramai 368 orang. Sebanyak 12 daripada 14 TKPM masih aktif mengeluarkan produk pertanian.

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2017 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Program

Objektif program TKPM berhubung pengeluaran hasil tanaman dicapai pada tahap antara 94.4% dan 97.1% berbanding sasaran kuantiti dan nilai pengeluaran hasil tanaman yang ditetapkan bagi tahun 2014 hingga 2017. Bagaimanapun, objektif program untuk membangunkan usahawan yang berdaya maju dan mampu menjana purata pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan masih belum tercapai berikutan peratus usahawan yang berjaya menjana pendapatan seperti ditetapkan adalah pada tahap antara 33.5% hingga 36% bagi tahun 2014 hingga 2017. Selain itu, prestasi berhubung aspek amalan pertanian baik melalui skim pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP) sehingga bulan November 2017 adalah rendah berikutan sejumlah 226 peserta (72.4%) daripada 312 sasaran permohonan yang ditetapkan masih belum mengemukakan permohonan. Sejumlah 51 (59.3%) daripada 86 peserta yang memohon pensijilan MyGAP telah berjaya memperoleh sijil MyGAP manakala baki 35 peserta (40.7%) masih dalam proses pensijilan.

ii. Pengurusan Program

Pengurusan program TKPM belum mencapai tahap kecekapan yang optimum berikutan kelemahan aspek pengurusan pengambilan peserta baru dan kelewatan tindakan penamatan peserta yang tidak mematuhi syarat perjanjian. Selain itu, kelemahan pengurusan penyewaan lot turut menjejaskan kecekapan pengurusan program ini.

- iii. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:
- pengambilan 13 peserta baharu bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017 mengambil masa antara 98 hingga 550 hari;
 - kelewatan mengemukakan syor penamatan terhadap 12 peserta yang tidak mematuhi syarat perjanjian dan tidak menunjukkan minat mengusahakan tanaman antara 98 hingga 1,917 hari;
 - sejumlah 40 lot tanah yang diperuntukkan bagi pelaksanaan Kumpulan Bimbingan Khas serta 11 lot tanah bagi tujuan Penyelidikan dan Pembangunan yang melibatkan kawasan seluas 35.40 hektar di TKPM Hulu Chuchuh tidak dilaksanakan secara teratur; selain itu tiada perjanjian ditandatangani dan syarat penggunaan tanah tidak ditetapkan serta bayaran sewa tidak dikenakan ke atas pengusaha. Anggaran hasil sewa yang tidak dikenakan sejak tahun 1996 hingga 2017 adalah sejumlah RM389,400;
 - pengurusan sewaan TKPM adalah tidak cekap kerana tunggakan sehingga bulan November 2017 adalah berjumlah RM1.12 juta dengan tempoh tunggakan yang lama selain prestasi kutipan sewa tahunan yang rendah; dan
 - sebanyak 25 (78.1%) daripada 32 peserta TKPM yang telah ditamatkan kontrak atau menarik diri mempunyai tunggakan sewa berjumlah RM189,705 dengan tempoh tunggakan sejak tahun 2003 hingga bulan November 2017.
- iv. Selain daripada isu prestasi dan pengurusan program, terdapat beberapa ketidakpatuhan berhubung syarat pelaksanaan program, perjanjian sewaan dan peraturan kewangan seperti berikut:
- pengurangan sewa tahunan berjumlah RM12,250 bagi empat (4) daripada lima (5) peserta di TKPM Sungai Panjang tanpa kelulusan Kerajaan Negeri;
 - ketidaktepatan pelaporan Akaun Belum Terima yang dikemukakan kepada Bendahari Negeri; dan
 - sebanyak 11 pembayaran berjumlah RM86,822 (5.08%) daripada RM1.71 juta merupakan perbelanjaan yang tidak mengikut maksud peruntukan.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan program TKPM di masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Pertanian Negeri Selangor mengambil tindakan seperti

berikut bagi meningkatkan prestasi dan tahap kecekapan pengurusan program TKPM:

- i. meningkatkan pemantauan dan menjalankan penilaian semula secara menyeluruh berhubung pembahagian keluasan tanah yang disewakan kepada peserta bagi memastikan peserta mampu menjana pendapatan bersih RM3,000 sebulan selaras dengan objektif yang ditetapkan;
- ii. menggalakkan peserta untuk memperoleh pensijilan MyGAP dan bantuan teknikal supaya produk pertanian yang dihasilkan berkualiti dan dapat berdaya saing dalam pasaran tempatan dan global;
- iii. menambah baik dan memperincikan prosedur operasi standard (SOP) berhubung aspek pengambilan dan penamatan peserta agar kecekapan pengurusan program dapat dipertingkatkan;
- iv. tindakan perlu diambil untuk mendapatkan serta menuntut kembali sewa yang terkurang kutip serta tertunggak daripada peserta yang telah menarik diri atau ditamatkan kontrak; dan
- v. mewujudkan mekanisme pemantauan yang terperinci terhadap pelaksanaan program dan perancangan perbelanjaan yang teratur bagi memastikan perbelanjaan dibuat mengikut maksud peruntukan yang ditetapkan.

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

3. *Pengurusan Hartanah*

- a. Berdasarkan Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan satu entiti Pertubuhan Perbadanan (*corporate body*). Manakala menurut Seksyen 7(1) Enakmen yang sama antara lain turut menyatakan MAIS berkewajipan untuk menggalak dan mengusahakan ekonomi serta sosial masyarakat Islam di negeri Selangor selaras dengan hukum syarak. Bagi menunaikan kewajipannya, MAIS menjalankan juga aktiviti komersial dan perindustrian serta kegiatan komersial secara usaha sama yang melibatkan hartanah. MAIS melalui Sektor Hartanah telah menyusun strategi memperkasa ekonomi serta pengurusan harta melalui pembangunan hartanah miliknya yang terdiri daripada tanah, bangunan dan pelbagai sumber di atasnya untuk mencapai misi dalam membangunkan ekonomi ummah di Negeri Selangor. Mengikut Senarai Tanah MAIS setakat 31 Disember 2017, MAIS memiliki 151 bidang tanah bernilai RM848.66 juta dengan keluasan berjumlah 674.59 ekar di seluruh negeri Selangor yang diperoleh daripada pemberimilikan oleh Kerajaan Negeri Selangor, pembahagian faraid, zakat dan pembelian hartanah. Merujuk

kepada objektif MAIS, Sektor Hartanah diberi peranan untuk merancang, melaksana dan menguruskan hartanah MAIS supaya mendatangkan pulangan kepada MAIS secara optimum serta menguruskan projek pembangunan, penyenggaraan dan kontrak perkhidmatan secara terancang, cekap dan berkesan.

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut.

i. Prestasi Pembangunan dan Pengurusan Hartanah

Prestasi pembangunan dan pengurusan hartanah meliputi tiga (3) perkara iaitu menyiapkan setiap projek pembangunan mengikut tempoh ditetapkan, mencapai 80% hingga 90% bilangan premis yang disewakan serta memastikan sekurang-kurangnya 90% sewaan hartanah berjaya dikutip berbanding dengan sasaran hasil sewaan. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2017 mendapati dua (2) daripada tiga (3) perkara tersebut tidak disiapkan dalam tempoh ditetapkan iaitu hanya 83.3% projek pembangunan dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan serta kutipan hasil hartanah bagi tempoh 2015 dan 2016 masing-masing hanya mencapai 78.8% dan 89.7%. Selain itu bilangan premis yang disewakan telah mencapai sasaran pada tahun 2015 dan 2017 iaitu masing-masing sebanyak 93.1% dan 90.2%.

ii. Pengurusan Hartanah dan Pembangunan

Pengurusan hartanah MAIS daripada aspek perancangan dan pemantauan projek serta penyenggaraan premis adalah baik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek sewaan dan penjualan, pencapaian *outcome* projek, pentadbiran kontrak dan pemantauan yang menjejaskan tahap kecukupan pengurusan hartanah MAIS.

- iii. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut.

- sebanyak 45 (9.8%) daripada 461 premis tidak disewakan antara empat (4) hingga 69 bulan menyebabkan MAIS kehilangan hasil sewaan hartanah berjumlah RM9.06 juta;
- berlaku peningkatan tunggakan hasil sewaan antara RM145,405 hingga RM290,803 bagi tahun 2014 hingga 2016 serta tunggakan hasil sewaan sebelum tahun 2000 yang tidak dapat dikesan penyewanya berjumlah RM171,808;

- terdapat hartanah masih belum berjaya dijual selama empat (4) hingga 29 bulan dari tarikh kelulusan penjualan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MAIS;
 - sebanyak enam (6) daripada tujuh (7) projek telah beroperasi kecuali Baitul Islah yang masih belum beroperasi selama 434 hari dari tarikh Perakuan Kerja Siap;
 - kualiti pembinaan bagi dua (2) projek yang siap dibina pada tahun 2016 dan 2017 adalah kurang memuaskan;
 - semua dokumen kontrak projek pembangunan telah lewat ditandatangani antara 63 hingga 1,122 hari dari tempoh yang ditetapkan; dan
 - pengurusan pemantauan hartanah kurang berkesan kerana masih berlaku pencerobohan tanah di Daerah Gombak dan Klang.
- iv. Selain daripada isu prestasi di atas, terdapat beberapa isu pematuhan syarat kontrak dan peraturan kewangan seperti berikut:
- tiada penguatkuasaan dilaksanakan terhadap pelanggaran kontrak oleh penyewa premis; dan
 - berlaku pertindihan hak milik bagi sebahagian lot tanah di Daerah Gombak.
- c. Bagi memastikan pengurusan pembangunan hartanah dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, adalah disyorkan Majlis Agama Islam Selangor mengambil tindakan berikut:
- i. memastikan tindakan pemantauan disusuli hingga selesai bagi setiap isu yang ditemui;
 - ii. meningkatkan bilangan pegawai dan pemantauan serta penguatkuasaan kutipan tunggakan sewaan terutama terhadap premis yang telah tertunggak melebihi setahun;
 - iii. meningkatkan bilangan pegawai dan pemantauan terutama di kawasan yang telah berlaku pencerobohan dan meningkatkan kawalan di lokasi yang berisiko tinggi; dan
 - iv. mempertingkatkan promosi hartanah yang hendak dijual dan sewa melalui media cetak dan media elektronik supaya hartanah dapat disewakan serta mengelakkan kehilangan hasil yang berterusan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

4. *PI Brilliant Berhad*

- a. PI Brilliant Berhad (PIB) ditubuhkan pada 8 Mei 1993 di bawah Akta Syarikat 1965. Pada awal penubuhannya, PIB adalah sebuah syarikat berhad menurut syer dengan nama PKNS Infra Sdn. Bhd. Pada 5 Mei 1995, syarikat ini telah bertukar kepada syarikat awam dengan nama PKNS Infra Berhad. Seterusnya pada 31 Mei 2017, PKNS Infra Berhad telah membuat pertukaran nama kepada PI Brilliant Berhad. PIB beroperasi di Petaling Jaya, Selangor serta mempunyai modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM10 juta dan RM6 juta. Pemegang saham berbayar terbesar adalah syarikat induk iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berjumlah RM5.42 juta atau 90.3% dan baki 9.7% berjumlah RM581,147 dipegang oleh dua (2) pemegang saham lagi iaitu anggota PKNS dan PIB. Syarikat PIB memiliki sebuah syarikat subsidiari iaitu Excelon Sdn. Bhd. Objektif penubuhan adalah untuk menjalankan perniagaan dalam bidang pembinaan, agen pembangunan hartanah dan perniagaan lain yang membawa keuntungan kepada syarikat. PIB menjalankan aktiviti sebagai kontraktor pembinaan, pembangunan hartanah dan perkhidmatan kejuruteraan. PIB tersenarai sebagai Kontraktor Kelas A (PKK) dengan Kementerian Kerja Raya Malaysia dan Kategori G7 dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2017 merumuskan perkara seperti berikut:

i. **Kedudukan Kewangan**

Kedudukan kewangan PIB adalah stabil yang mana jumlah pendapatan PIB menunjukkan trend yang meningkat bagi tiga (3) tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM32.57 juta bagi tahun 2014, RM70.12 juta bagi tahun 2015 dan RM93.59 juta bagi tahun 2016. Nisbah hutang atas ekuiti PIB adalah baik iaitu pada 31.5% bagi tahun 2016 berbanding 3% nisbah bagi industri yang sama. Ini menunjukkan syarikat tidak bergantung kepada liabiliti jangka panjang dan mempunyai sumber kewangan dalaman yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti syarikat.

ii. **Pengurusan Aktiviti**

Objektif penubuhan syarikat adalah untuk menjalankan perniagaan dalam bidang pembinaan, agen pembangunan hartanah dan perniagaan lain yang membawa keuntungan kepada syarikat. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2017 mendapati syarikat telah menjalankan perniagaan dalam bidang pembinaan yang menyumbang peratusan paling tinggi kepada

pendapatan utama syarikat iaitu 86.2% bagi tahun 2016, 88.5% bagi tahun 2015 dan 71.6% bagi tahun 2014. Bagaimanapun prestasi penyertaan tender oleh syarikat bagi tahun 2017 adalah kurang cekap iaitu 22% manakala tahap pencapaian penganugerahan kontrak bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 adalah kurang cekap iaitu 44.2%. Selain itu, prestasi perolehan projek bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 pula didapati cekap iaitu pencapaian sebanyak 63.4% daripada sasaran yang ditetapkan.

iii. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus PIB adalah baik kecuali Lembaga Pengarah berstatus bukan bebas.

- iv. Pengurusan pelaksanaan aktiviti perniagaan dalam bidang pembinaan bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 daripada aspek spesifikasi, kualiti kerja dan keselamatan di tapak adalah kurang cekap namun masih boleh dipertingkatkan dengan memberikan perhatian kepada pematuan spesifikasi kerja, peningkatan tahap kualiti kerja dan pemantauan keselamatan di tapak.
- c. Bagi memantapkan pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan supaya PIB mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. meningkatkan kedudukan kewangan dengan mengurangkan liabiliti semasa dan meningkatkan kecekapan mengutip balik hutang dari penghutang bagi memastikan aliran tunai yang cukup untuk belanja operasi agar tidak bergantung kepada pembiayaan dari luar;
 - ii. meningkatkan penyertaan tender bagi mendapatkan lebih banyak peluang untuk penganugerahan kontrak. Selain itu, meningkatkan pemantauan dan pematuan spesifikasi, kualiti kerja dan keselamatan di tapak;
 - iii. mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan amalan tadbir urus korporat syarikat bagi memastikan kecemerlangan operasi syarikat; dan
 - iv. mempertimbangkan komposisi Lembaga Pengarah berdasarkan amalan terbaik agar pengawasan yang lebih berkesan terhadap pihak pengurusan syarikat.

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

5. *Communication Corporation Sdn. Bhd.*

- a. Syarikat Communication Corporation Sdn. Bhd. (CCSB) merupakan syarikat milik penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] dengan modal saham dibenarkan dan berbayar berjumlah RM5 juta. CCSB telah diperbadankan di bawah

Akta Syarikat 1965 dan mula beroperasi pada 18 Februari 2009 di Seksyen 13, Shah Alam. CCSB adalah syarikat yang terlibat dalam aktiviti yang tidak bermotifkan keuntungan di bawah jenama Media Selangor. CCSB melaksanakan aktiviti melalui sumber kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui MBI. Objektif penubuhan syarikat adalah untuk menguruskan komunikasi antara Kerajaan Negeri dan rakyat. Aktiviti utama syarikat adalah memberikan khidmat rangkaian komunikasi umum, pengiklanan media massa serta perkhidmatan perunding dan latihan. Perniagaan rangkaian komunikasi umum terdiri daripada surat khabar, televisyen, laman sesawang dan media sosial iaitu *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*. Komunikasi melalui surat khabar iaitu *Selangor Kini* dikeluarkan dalam versi Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil secara bercetak dan dalam talian di alamat <https://selangorkini.my>.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2017 merumuskan perkara seperti berikut:

i. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan CCSB adalah stabil yang mana CCSB mempunyai sumber dana yang mencukupi bagi memenuhi obligasi liabilitinya pada masa diperlukan kerana jumlah asetnya melebihi jumlah liabiliti sepanjang tempoh tiga (3) tahun. Selain itu, CCSB juga mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai yang tinggi berjumlah RM432,139 pada akhir tahun 2016 berbanding RM23,949 bagi tahun 2015 dan RM302,876 bagi tahun 2014.

ii. Pengurusan Aktiviti

Objektif penubuhan syarikat adalah untuk menguruskan komunikasi antara Kerajaan Negeri dan rakyat. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2017 mendapati objektif penubuhan syarikat secara umumnya telah dicapai yang mana syarikat telah memulakan operasinya pada tahun 2009. Bagi tahun 2015 hingga bulan Ogos 2017, syarikat telah menghasilkan sebanyak 24.04 juta naskhah *Selangor Kini*. Ini menunjukkan geran berjumlah RM28 juta yang disalurkan bagi tahun 2014 hingga 2016 oleh Kerajaan Negeri melalui MBI bagi menjalankan operasi syarikat telah digunakan untuk memberikan manfaat kepada rakyat Negeri Selangor. Prestasi penerbitan bagi tahun 2015 hingga bulan November 2017 adalah cepak. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:

- pelantikan pembekal perkhidmatan tidak mematuhi SOP dan kontrak formal tidak disediakan;

- kelompok sasar tidak ditetapkan, kajian terperinci bagi menetapkan bilangan naskhah dan lokasi Selangor Kini tidak dijalankan, kaedah pelaksanaan serta pemantauan pengedaran Selangor Kini perlu dipertingkatkan; dan
- pemantauan melalui kajian bersama penyelidik berwibawa bagi mendapatkan maklum balas rakyat berhubung aktiviti komunikasi yang dijalankan belum dilaksanakan.

5.5.3. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus adalah kurang memuaskan kerana SOP dan prestasi pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta Pelan Perniagaan tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Selain itu, tiada surat pelantikan CEO dan semua Lembaga Pengarah CCSB adalah berstatus bukan bebas.

- c. Bagi memastikan penubuhan CCSB memenuhi tujuan penubuhannya, adalah disyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah memberi pertimbangan terhadap perkara seperti berikut:
 - i. mengurangkan perbelanjaan serta meningkatkan kecekapan penggunaan sumber serta pendapatan operasi syarikat;
 - ii. memantau pelaksanaan KPI dan Pelan Perniagaan syarikat bagi memastikan syarikat mencapai hala tuju yang ditetapkan;
 - iii. menambah baik kaedah pelaksanaan pelantikan pembekal perkhidmatan melalui pematuhan dan penambahbaikan SOP serta meningkatkan keberkesanan pengedaran melalui penetapan kelompok sasar dan kajian terperinci terhadap keperluannya; dan
 - iv. melaksanakan amalan tadbir urus yang baik agar selaras dengan amalan terbaik terutamanya pemantauan oleh Lembaga Pengarah dan menambah baik SOP bagi aktiviti utama syarikat.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

6. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

- a. Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 15 Jabatan/Agensi Negeri untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan

peraturan kewangan yang berkaitan. Pengauditan ini telah ditambah baik menggunakan pendekatan baru iaitu berasaskan risiko dan impak. Pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi pengurusan kewangan tahun 2017 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelum. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan enam (6) Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap Cemerlang, lapan (8) Jabatan/Agensi Negeri tahap Baik dan satu (1) Jabatan tahap Memuaskan.

- b. Jabatan/Agensi yang perlu meningkatkan dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
 - i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
 - ii. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
 - iii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
 - iv. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;
 - v. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
 - vi. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut;
 - vii. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius; dan

viii. pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

7. Pengauditan Mengejut

- a. Pengauditan mengejut yang telah dijalankan terhadap 23 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri mendapati prestasi pematuhan terhadap pengurusan kewangan berkaitan pengauditan mengejut adalah memuaskan. Empat (4) Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan kewangan manakala 19 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri lain mempunyai kelemahan yang memerlukan penambahbaikan. Penglibatan dan penyeliaan oleh Ketua Jabatan/Agensi Negeri perlu dipertingkatkan terutamanya mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan berkaitan dengan membuat pemeriksaan berkala dari semasa ke semasa.
- b. Sehubungan itu, semua PTJ/PK dan pejabat di setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
 - i. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
 - ii. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
 - iii. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
 - iv. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
 - v. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
 - vi. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
 - vii. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



BAHAGIAN I

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

1. PENGURUSAN BEKALAN MAKANAN BERMASAK DI MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) ditubuhkan di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi melaksanakan pendidikan integrasi tahfiz dengan menawarkan tiga (3) kurikulum iaitu Tahfiz, Azhari dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula daripada tingkatan satu (1) hingga lima (5). Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan empat (4) buah MITS di daerah Kuala Langat, Klang, Sabak Bernam dan Sepang yang masing-masing mula beroperasi pada tahun 2008, 2009, 2013 dan 2014.

1.1.2. MITS diselaraskan oleh Seksyen MITS, Unit Pengurusan Sekolah, Sektor Pengurusan Pendidikan Islam, JAIS bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran yang teratur. Pengurusan MITS di peringkat JAIS diketuai oleh Penolong Pengarah yang dibantu oleh Penyelia Kanan dan Pembantu Tadbir. Pengurusan di peringkat MITS pula terdiri daripada Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Kanan Akademik dan Pentadbiran, Penolong Kanan Kokurikulum serta kakitangan sokongan pelbagai jawatan dan gred. JAIS telah mengagihkan peruntukan mengurus kepada MITS bagi bekalan makanan bermasak pada tahun 2014 hingga 2017 berjumlah RM12.88 juta (1.3%) daripada peruntukan keseluruhan JAIS berjumlah RM1,019.79 juta dan telah membelanjakan sebanyak RM10.64 juta bagi tujuan tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KESELURUHAN JAIS DAN
BEKALAN MAKANAN BERMASAK DI MITS BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)		PERBELANJAAN			
	MENGURUS	BEKALAN MAKANAN BERMASAK	MENGURUS		BEKALAN MAKANAN BERMASAK	
			(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
2014	229.39	2.75	229.37	100.0	2.27	82.5
2015	236.64	2.94	232.64	98.3	2.20	74.8
2016	264.04	3.45	261.02	98.9	3.01	87.2
2017	289.72	3.74	281.11	97.0	3.16	84.5
JUMLAH	1,019.79	12.88	1,004.14	98.5	10.64	82.6

Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor

1.1.3. Bekalan makanan bermasak adalah perkhidmatan yang diberikan oleh JAIS kepada pelajar. Pengurusan bekalan makanan bersih dan berkualiti adalah penting kepada pelajar di sekolah berasrama dan perlu dilaksanakan dengan baik dan teratur mengikut peraturan yang ditetapkan bagi menjamin makanan yang disediakan adalah baik, berkualiti dan bersesuaian kepada pelajar. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017 terdapat 3,228 pelajar dari tingkatan satu (1) hingga lima (5) di MITS. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.2
BILANGAN PELAJAR BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2017

MITS	TAHUN				JUMLAH
	2014	2015	2016	2017	
Sabak Bernam	143	192	230	314	879
Klang	294	290	288	294	1,166
Kuala Langat	143	287	288	294	1,012
Sepang	-	-	57	114	171
JUMLAH	580	769	863	1,016	3,228

Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor

Nota : TB – Tidak Berkenaan Kerana MITS Sepang Belum Memulakan Sesi Pembelajaran

1.2. OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan bekalan makanan bermasak di asrama MITS telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan meliputi dua (2) bidang Audit utama (key area) iaitu prestasi bekalan dan pengurusan bekalan makanan bermasak di semua asrama MITS bagi tahun 2014 hingga 2017. Terdapat kekangan pengauditan disebabkan oleh ketiadaan maklumat bagi tahun 2014 dan 2015 untuk dinilai oleh pihak Audit.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen serta rekod kewangan yang berkaitan dengan pengurusan bekalan makanan bermasak di MITS. Analisis terhadap 885 maklum balas yang diterima daripada pelajar telah dibuat bagi menilai keberkesanan pengurusan bekalan makanan bermasak. Selain itu, temu bual dengan penyelia dan warden asrama serta pelajar dan kontraktor juga telah diadakan bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh mengenai pengurusan bekalan makanan bermasak.

1.5. RUMUSAN AUDIT

1.5.1 Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Program

Program bekalan makanan bermasak di MITS menyasarkan penyediaan makanan berkhasiat berdasarkan Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia (2005) iaitu antara 2,000 hingga 2,600 kilo kalori sehari yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Disember 2017 mendapati JAIS telah menggunakan pakai menu sekolah berasrama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah diluluskan oleh KKM dan kontraktor telah membekalkan makanan bermasak mengikut hari persekolahan yang ditetapkan oleh MITS. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati prestasi pengurusan menu tidak efisien kerana terdapat kekerapan pertukaran menu pada tahun 2016 dan tahun 2017 iaitu masing-masing sebanyak 991 kali dan 144 kali. Perkara ini berlaku disebabkan tiada garis panduan yang jelas disediakan untuk rujukan MITS. Pertukaran menu tersebut menyebabkan pengambilan nutrien oleh pelajar tidak dapat dipastikan telah mengikut Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia (2005).

b. Pengurusan Program

Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak di MITS daripada aspek perancangan perolehan dan pelantikan kontraktor telah diuruskan dengan cekap dan teratur. Bagaimanapun, tahap kecekapan pengurusan pesanan dan bekalan makanan bermasak masih boleh dipertingkatkan.

1.5.2. Pihak Audit menggariskan beberapa kelemahan penting yang ditem sehingga tarikh pengauditan pada bulan Disember 2017 yang perlu diambil tindakan oleh pihak JAIS adalah seperti berikut:

- i. kegagalan menyediakan borang pesanan makanan untuk dikemukakan kepada kontraktor sebelum pembekalan telah mengakibatkan kerugian di pihak JAIS apabila kontraktor dibayar bagi bekalan yang melebihi bilangan sebenar pelajar bagi tempoh 2014 hingga 2017 berjumlah RM222,550; dan
- ii. JAIS telah membuat bayaran bagi bekalan makanan yang tidak mengikut sajian ditetapkan dalam kontrak bagi tempoh 2014 hingga 2017 berjumlah RM666,030.

1.5.3. Selain daripada isu prestasi di atas, terdapat beberapa isu pematuhan syarat kontrak dan peraturan kewangan seperti berikut:

- i. kontrak ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa;
- ii. kesilapan catatan tahun dalam kontrak dan Surat Setuju Terima; dan
- iii. kelewatan menerima invois daripada MITS menyebabkan proses pembayaran di peringkat JAIS lewat dibuat.

1.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas Jabatan Agama Islam Selangor dibincangkan dalam *exit conference* pada 13 April 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

1.6.1. Prestasi Bekalan Makanan Bermasak

Pihak Audit telah meneliti dua (2) aspek pengurusan bekalan makanan bermasak meliputi pengurusan menu makanan dan penilaian keberkesanan pengurusan bekalan makanan bermasak. Semakan Audit terhadap prestasi bekalan makanan bermasak mendapati perkara seperti berikut:

1.6.1.1. Prestasi Pengurusan Menu Makanan

- a. Merujuk kontrak bekalan makanan bermasak di MITS, JAIS telah menyediakan sajian berdasarkan menu sekolah berasrama KPM yang mengambil kira keperluan bagi seorang pelajar mengikut Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia (2005) iaitu antara 2,000 hingga 2,600 kilo kalori sehari bagi setiap pelajar. Bahan makanan yang dicadangkan dalam menu ini tertakluk kepada kesesuaian, mudah diperolehi dan juga selera masyarakat setempat atau negeri masing-masing serta kontraktor boleh menggantikan bahan makanan tersebut kepada jenis bahan makanan yang lebih sesuai. Mengikut Fasal 13 dan 14 dalam kontrak, pertukaran menu tidak dibenarkan sama sekali kecuali diberitahu 24 jam lebih awal dan sebab pertukaran adalah munasabah dengan persetujuan JAIS. Kontraktor tidak boleh membekalkan makanan yang sama untuk tempoh dua (2) hari berturut-turut. Makanan yang dibekalkan hendaklah mengikut sukatan yang ditetapkan dalam kontrak.
- b. Semakan Audit mendapati pihak MITS ada menyediakan laporan dewan makan bagi tahun 2016 dan 2017. Bagaimanapun, penyediaan laporan itu

merupakan inisiatif MITS sendiri untuk tujuan pemantauan dalaman. Berdasarkan kepada laporan tersebut, berlaku pertukaran menu pada tahun 2016 dan 2017 iaitu masing-masing berjumlah 991 (67.3%) dan 144 (10%) seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.3
STATISTIK PERTUKARAN MENU PADA TAHUN 2014 HINGGA 2017

MITS	2014	2015	2016				2017			
			BIL. HARI	BIL. MENU	BIL. MENU DITUKAR	(%)	BIL. HARI	BIL. MENU	BIL. MENU DITUKAR	(%)
Kuala Langat	TM	TM	TM	TM	TM	TM	72	340	0	0
Klang	TM	TM	TM	TM	TM	TM	43	203	59	29.1
Sabak Bernam	TM	TM	61	305	185	60.6	74	470	85	18.1
Sepang	TB	TB	261	1,167	806	69.1	84	420	0	0
JUMLAH	TM	TM	322	1,472	991	67.3	273	1,433	144	10.0

Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor

Nota: TM – Tiada Maklumat Kerana Tiada Laporan Dewan Makan Disediakan

TB – Tidak Berkenaan Kerana MITS Sepang Belum Memulakan Sesi Pembelajaran

- c. Berdasarkan temu bual dengan Penyelia MITS, setiap pertukaran menu di semua MITS dibuat atas persetujuan bersama secara lisan antara Pengetua MITS dengan kontraktor serta tiada garis panduan disediakan oleh pihak JAIS untuk rujukan setiap MITS. Antara sebab pertukaran menu dibuat adalah mengambil kira aspek pembaziran makanan yang berlaku apabila makanan yang dihidangkan tidak memenuhi selera majoriti pelajar.

Maklum Balas JAIS yang Diterima pada 19 April 2018

JAIS akan mengadakan bengkel pada bulan Mei 2018 bagi menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan pengurusan bekalan makanan bermasak di MITS yang meliputi kelulusan perubahan menu.

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan menu tidak efisien kerana tidak dapat dipastikan bahawa nutrien yang ditetapkan mengikut Saranan Pengambilan Nutrien Malaysia (2005) dicapai kerana kekerapan pertukaran menu dan tiada laporan bertulis atau persetujuan mengenai perubahan yang dilakukan.

1.6.1.2. Penilaian Keberkesanan Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak

- a. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 963 pelajar di semua MITS bagi mendapatkan maklum balas mengenai tahap kepuasan pelajar serta keberkesanan pengurusan bekalan bahan bermasak di MITS. Penilaian dibuat terhadap empat (4) perkara utama iaitu menilai sama ada kualiti dan kuantiti makanan bermasak yang dibekalkan di dewan makan adalah memuaskan, keadaan persekitaran dewan makan dalam keadaan bersih, peralatan makanan adalah bersih serta pemantauan ke atas dewan makan dilaksanakan oleh pihak MITS seperti di perenggan berikut:
- b. Pihak Audit telah menerima 885 (91.9%) maklum balas daripada 963 soal selidik yang diedarkan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.4
BILANGAN BORANG SOAL SELIDIK PENILAIAN KEPUASAN PELAJAR

MITS	BORANG SOAL SELIDIK KEPADA PELAJAR MITS				
	EDARAN	DIKEMBALIKAN		TIDAK DIKEMBALIKAN	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)
Sabak Bernam	269	259	96.3	10	3.7
Klang	286	255	89.2	31	10.8
Kuala Langat	293	277	94.5	16	5.5
Sepang	115	94	81.7	21	18.3
JUMLAH	963	885	91.9	78	8.1

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Analisis terhadap 885 maklum balas daripada borang soal selidik dalam kalangan pelajar mendapati penilaian pelajar terhadap kualiti dan kuantiti makanan bermasak yang dibekalkan di dewan makan serta peralatan makanan adalah pada tahap kurang memuaskan. Penilaian terhadap persekitaran dewan makan serta pemantauan pula pada tahap tidak memuaskan. Ringkasan penilaian adalah seperti di jadual dan dijelaskan dalam perenggan berikutnya:


JADUAL 1.5
ANALISIS PENILAIAN KEPUASAN PELAJAR

PENILAIAN	MEMUASKAN		TIDAK MEMUASKAN		TIDAK PASTI	
	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
Kualiti dan kuantiti makanan bermasak	563	63.6	263	29.7	59	6.7
Persekitaran dewan makan	446	50.4	340	38.4	99	11.2
Peralatan makanan	594	67.1	291	32.9	0	0
Pemantauan	516	58.3	369	41.7	0	0
PURATA PERATUSAN		59.8		35.7		4.5

Sumber: Jabatan Audit Negara

i. Kualiti dan Kuantiti Makanan Bermasak

- Penilaian terhadap kepuasan pelajar berkaitan kualiti dan kuantiti makanan bermasak adalah untuk memastikan sama ada menu makanan yang dipamerkan dalam kawasan dewan makan, disediakan mengikut menu dan waktu yang ditetapkan, mencukupi, dan bersih serta makanan sunnah seperti kismis, kurma dan madu dihidangkan pada setiap hari.
- Analisis mendapati 563 responden bersetuju bahawa kualiti dan kuantiti makanan bermasak yang dibekalkan di dewan makan adalah seperti yang telah ditetapkan dalam menu makanan asrama, 263 responden pula tidak bersetuju, manakala 59 responden menyatakan tidak pasti dengan kualiti atau kuantiti makanan tersebut. Butiran lanjut analisis mengikut MITS adalah seperti di carta berikut:



Sumber: Jabatan Audit Negara


- Berdasarkan komen yang diberikan pada borang soal selidik antara sebab ketidakpastian responden terhadap kualiti atau kuantiti makanan adalah kerana terdapat pelajar yang tidak makan pada setiap waktu sajian di dewan makan. Selain itu, terdapat pelajar di MITS Sabak Bernam yang tidak mengetahui tentang menu yang sepatutnya dihidangkan kerana senarai menu tidak dipamerkan dalam kawasan dewan makan.

ii. Persekitaran Dewan Makan

- Penilaian kepuasan pelajar berkaitan persekitaran dewan makan adalah untuk memastikan sama ada persekitaran dewan makan adalah bersih, kemudahan seperti singki, sabun pencuci tangan, tong

sampah, kerusi dan meja telah disediakan serta pengendali makanan/pekerja sentiasa memakai apron dan tudung kepala.

- Analisis mendapati 446 responden bersetuju bahawa persekitaran dewan makan adalah bersih, 340 responden pula tidak bersetuju, manakala 99 responden menyatakan tidak pasti. Butiran lanjut analisis adalah seperti di carta berikut:




Sumber: Jabatan Audit Negara

- Analisis Audit selanjutnya terhadap komen pada borang soal selidik mendapati antara sebab responden menyatakan bahawa persekitaran dewan makan adalah kurang bersih kerana terdapat longgokan kotak dan kerusi terpakai di luar dewan makan serta banyak najis burung di kawasan dewan makan yang terbuka walaupun kerap dibersihkan oleh pekerja dewan makan di MITS Sabak Bernam, manakala di MITS Kuala Langat pula terdapat sofa lama diletakkan di luar dewan makan, terdapat banyak lalat dalam dewan makan walaupun kontraktor telah memasang alat perangkap lalat, singki rosak tidak dapat digunakan serta kawah rosak dan berlubang diletakkan di dinding luar dewan makan. Selain itu, terdapat limpahan air dari longkang yang telah menimbulkan bau yang kurang menyenangkan di MITS Klang.

iii. Peralatan Makanan

- Penilaian kepuasan pelajar terhadap peralatan makanan dibuat untuk memastikan sama ada peralatan seperti dulang makanan, pinggan, sudu, gelas, cawan adalah mencukupi dan dalam keadaan bersih.

- Analisis mendapati 594 responden bersetuju bahawa peralatan makanan adalah mencukupi dan bersih, manakala 291 responden tidak bersetuju kerana terdapat cawan dan sudu yang tidak dibasuh bersih dan masih berminyak. Butiran lanjut analisis adalah seperti di carta berikut:




Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Pemantauan

- Penilaian kepuasan pelajar terhadap pemantauan adalah untuk memastikan pihak MITS telah melaksanakan pemantauan pada setiap waktu sajian makan iaitu sarapan, makan tengah hari, minum petang, makan malam dan minum malam. Berdasarkan Senarai Tugas, pelaksanaan pemantauan diberikan kepada penyelia atau warden asrama.
- Analisis Audit mendapati 516 responden telah bersetuju bahawa pemantauan ada dilaksanakan oleh pihak MITS, manakala 369 responden menyatakan pemantauan tidak dilaksanakan kerana ketiadaan warden asrama atau penyelia pada setiap waktu sajian dihidangkan di semua MITS. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

**CARTA 1.4
PELAKSANAAN PEMANTAUAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- Pemantauan yang tidak dilaksanakan sepenuhnya telah menyebabkan laporan berkaitan bekalan makanan bermasak tidak dapat disediakan dengan lengkap bagi memastikan hidangan disajikan mengikut kuantiti, kualiti dan tempoh yang telah ditetapkan.
- Semakan Audit mendapati tiada mekanisme pemantauan disediakan oleh pihak MITS mahupun JAIS bagi pelaksanaan pemantauan yang berkesan terhadap pengurusan bekalan makanan bermasak di MITS.

Maklum Balas JAIS yang Diterima pada 19 April 2018

MITS Sabak Bernam telah membuat tempahan papan tanda menu makanan asrama untuk dipamerkan di Dewan Makan dan buat sementara waktu, menu berkenaan dipamerkan di atas meja makan Dewan Makan. Selain itu, MITS Sabak Bernam dan Kuala Langat telah mengalihkan barangan terpakai ke tempat yang sepatutnya serta mengemukakan surat kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan masalah lalat dan burung di MITS, manakala MITS Klang telah menyelesaikan masalah limpahan air dari longkang yang berkenaan. Pengetua setiap MITS akan menyelaras tugas pemantauan Dewan Makan antara Penyelia Asrama dan Warden bermula bulan Mei 2018.

Pada pendapat Audit berdasarkan rumusan soal selidik, secara keseluruhannya didapati 30% pelajar MITS tidak berpuas hati dengan pengurusan bekalan makanan bermasak yang tidak efisien. Justeru, pemantauan terhadap pengurusan makanan bermasak yang berkesan adalah penting bagi memastikan pelajar MITS mendapat makanan yang bersih dan berkualiti.

1.6.2. Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak

Pengurusan bekalan makanan bermasak hendaklah dilaksanakan dengan efisien bagi memastikan makanan bermasak yang dibekalkan adalah berkualiti dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

1.6.2.1. Perancangan Perolehan

- a. Perancangan bagi setiap perolehan hendaklah dibuat dengan teliti dengan mengambil kira faktor peruntukan kewangan, kajian keperluan dan kelulusan pihak berkuasa melulus pelaksanaan perolehan berdasarkan kepada 1Pekeliling Perbendaharaan(1PP).
- b. Semakan Audit terhadap dokumen perolehan mendapati JAIS telah merancang perolehan bekalan makanan bermasak MITS berdasarkan kepada keperluan dan peruntukan yang mencukupi bagi keseluruhan MITS. JAIS melalui Bahagian Pendidikan Islam telah menyediakan kertas kerja anggaran makanan asrama MITS dan diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Berdasarkan kertas kerja tersebut JAIS telah menetapkan had bumbung bagi anggaran kos seorang pelajar bernilai RM13.50 sehari bersamaan RM4,050 setahun dan anggaran jumlah pelajar di setiap MITS adalah antara 60 hingga 300 orang dalam tempoh setahun.

1.6.2.2. Pelantikan Kontraktor

- a. Pelantikan kontraktor dan pentadbiran kontrak yang cekap serta teratur memainkan peranan yang penting dalam perolehan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. Pengurusan pelantikan kontraktor hendaklah berdasarkan kepada prosedur yang ditetapkan dalam 1Pekeliling Perbendaharaan(1PP).
- b. Semakan Audit terhadap dokumen sebut harga dan tender JAIS mendapati Unit Perolehan JAIS telah melaksanakan perolehan secara sebut harga dan tender mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan bagi tempoh 2014 hingga 2017. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Harga telah dilantik di kalangan pegawai JAIS, manakala keputusan pemilihan 11 kontraktor bekalan makanan bermasak di MITS bagi tempoh tahun 2012 hingga 2018 dilaksanakan oleh Jawatankuasa Perolehan di peringkat pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mengikut *Adjusted Cut Off System* yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

1.6.2.3. Pesanan Bekalan Makanan Bermasak

- a. Merujuk kepada Fasal 4 dalam kontrak, pesanan sebenar bekalan makanan bermasak akan dibuat secara rasmi oleh JAIS atau MITS dan dikemukakan kepada kontraktor dalam tempoh tidak kurang daripada 48 jam sebelum tarikh, masa dan tempoh bekalan makanan bermasak dikehendaki. Selain itu, JAIS tidak menjamin atau terikat dengan apa-apa juga syarat bahawa anggaran bilangan pelajar yang akan makan seperti yang dinyatakan di dalam kontrak adalah sepenuhnya. Borang pesanan makanan merupakan dokumen penting dalam penyediaan makanan bermasak oleh kontraktor kerana borang inilah yang akan menentukan kuantiti sebenar bekalan makanan bermasak yang perlu disediakan pada setiap waktu sajian. Melalui borang pesanan ini, pembaziran dalam penyediaan makanan dapat dielakkan.
- b. Semakan Audit semasa pemeriksaan fizikal di semua MITS pada bulan Mac dan April 2017 mendapati tiada borang pesanan yang dikemukakan kepada kontraktor sebelum pembekalan dilaksanakan. Perkara ini berlaku kerana tiada salinan kontrak dikemukakan oleh JAIS kepada MITS sebagai rujukan yang mengakibatkan pihak MITS tidak maklum mengenai keperluan untuk mengemukakan borang pesanan tersebut. Selain itu, tiada Standard Prosedur Operasi (SOP) berkaitan pengurusan bekalan bermasak disediakan sebagai garis panduan pelaksanaan di MITS juga menyebabkan pihak MITS tidak dapat menentukan pegawai yang bertanggungjawab menguruskan borang pesanan tersebut.
- c. Ketiadaan Borang pesanan tersebut menyebabkan terdapat kontraktor yang telah membuat tuntutan pembayaran mengikut anggaran bilangan pelajar yang dinyatakan dalam kontrak tanpa mengambil kira bilangan sebenar pelajar. Perkiraan Audit berdasarkan bilangan pelajar yang direkodkan dalam borang tuntutan pembekalan untuk proses bayaran yang disediakan oleh kontraktor pada setiap awal bulan berikutnya, berbanding penyata bulanan yang disediakan oleh MITS mendapati tuntutan pembayaran melebihi bilangan sebenar pelajar bagi tempoh 2014 hingga 2017 berjumlah RM222,550. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.6
JUMLAH LEBIHAN TUNTUTAN BAYARAN OLEH
KONTRAKTOR MENGIKUT PERKIRAAN AUDIT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

MITS	TAHUN	JUMLAH PELAJAR		JUMLAH LEBIHAN	
		SEBENAR	DIBAYAR	BIL. PELAJAR	*RM
Kuala Langat	2014	407,617	420,600	12,983	27,279
	2015	404,833	422,400	17,567	36,911
	2016	402,624	419,100	16,476	37,779
	2017	347,495	355,500	8,005	26,417
		JUMLAH		55,031	128,386
Klang	2014	389,860	389,860	0	0

MITS	TAHUN	JUMLAH PELAJAR		JUMLAH LEBIHAN	
		SEBENAR	DIBAYAR	BIL. PELAJAR	*RM
	2015	385,722	385,722	0	0
	2016	364,340	362,795	1,545	3,245
	2017	375,859	375,859	0	0
	JUMLAH			1,545	3,245
Sabak Bernam	2014	195,252	199,436	4,184	11,729
	2015	261,498	275,774	14,276	37,138
	2016	322,800	309,828	12,972	33,735
	2017	371,992	369,633	2,359	5,816
	JUMLAH			33,791	88,418
Sepang	2014	TB	TB	TB	TB
	2015	TB	TB	TB	TB
	2016	12,768	13,155	387	1,123
	2017	12,888	13,312	424	1,378
	JUMLAH			811	2,501
JUMLAH BESAR				94,341	*222,550

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota : * – Kiraan Adalah Berdasarkan Kadar Yang Ditetapkan Di Dalam Kontrak Mengikut MITS

TB – Tidak Berkenaan Kerana MITS Sepang Belum Memulakan Sesi Pembelajaran

- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap baucar bayaran mendapati pengesahan perkhidmatan yang dibuat oleh Unit Perolehan JAIS adalah berdasarkan invoice daripada kontraktor yang telah disahkan oleh pihak MITS, tanpa membuat semakan terhadap penyata bulanan MITS. Oleh yang demikian, MITS telah menyebabkan kerugian di pihak JAIS apabila kontraktor dibayar bagi bekalan yang melebihi bilangan sebenar pelajar.

Maklum Balas JAIS yang Diterima pada 19 April 2018

JAIS akan menyediakan borang pesanan untuk digunakan oleh pihak MITS mulai bulan Mei 2018 bagi memastikan pengurusan pesanan bekalan makanan bermasak adalah lebih teratur. Setiap MITS telah mengemukakan surat perakuan berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Audit iaitu tidak diberi sesalinan kontrak sebagai rujukan dan tiada penerangan khusus atau bengkel mengenai pengurusan bekalan makanan bermasak.

Pada pendapat Audit, kegagalan membuat semakan dan pengesahan terhadap bilangan sebenar pelajar kepada kontraktor menyebabkan berlakunya pembayaran bagi bekalan makanan bermasak yang tidak mengikut keperluan sebenar.

1.6.2.4. Bekalan Makanan Mengikut Kontrak

Merujuk kepada Fasal 2.1 dokumen perjanjian, pihak kontraktor akan membekal dan menyajikan makanan kepada Kerajaan mengikut menu seperti dalam Menu

Makanan Asrama (Bahagian VI Dokumen Tender) dan hendaklah menepati sukatan dan semua penentuan seperti yang ditentukan dalam Dokumen Tender tersebut. Fasal 11 dokumen perjanjian pula menyatakan bahawa denda 45% daripada jumlah harga makanan yang sepatutnya dibekalkan pada waktu sajian berkenaan boleh dikenakan jika makanan yang disajikan tidak sepenuhnya seperti dalam menu pada waktu sajian atau sukatan kurang. Penemuan Audit berkaitan perkara ini adalah seperti perenggan berikut:

a. Spesifikasi Bekalan Bahan Mentah

- i. Mengikut Dokumen Tender Bahagian IV Spesifikasi Kerja, kontraktor hendaklah membekalkan bahan makanan mengikut jenis dan gred yang telah ditetapkan seperti daging lembu gred A (*topside* dan *silverside*) tanpa tulang, lemak dan bahan lain, telur baru gred A serta makanan sunnah seperti madu asli (10 ml setiap hari), kurma dari jenis Mariami gred A (35 gram setiap hari) serta kismis dari jenis hitam gred A (15 gram setiap hari).
- ii. Semakan Audit terhadap invoice bahan mentah dan hasil pemerhatian semasa pemeriksaan fizikal yang dilaksanakan di semua MITS pada bulan Mac dan April 2017 mendapati kontraktor di semua MITS telah membekalkan bahan makanan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti di jadual. Selain itu, semakan lanjut terhadap baucar bayaran mendapati tiada pemotongan bayaran kepada kontraktor bagi bekalan yang tidak menepati spesifikasi dan telah menyebabkan kerugian kepada JAIS.

JADUAL 1.7
PEMBEKALAN BAHAN MENTAH DAN MAKANAN YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

BAHAN MENTAH/MAKANAN		MITS YANG TERLIBAT
MENGIKUT SPESIFIKASI	YANG DIBEKAL	
Kismis Jenis Hitam Gred A	Kismis Kuning	Kuala Langat, Sabak Bernam dan Sepang
Kurma Jenis Mariami Gred A	Bukan Mariami Gred A (Jenis Tidak Dapat Ditentukan)	Kuala Langat, Sabak Bernam dan Sepang
Madu Jenis <i>Stick</i>	Madu Dalam Botol	Sepang
Telur Ayam Gred A	Telur Ayam Gred B	Semua MITS
Daging Lembu Gred A	Daging Kerbau Kiub	Kuala Langat

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Bekalan Sajian Sarapan

- i. Pihak kontraktor hendaklah membekalkan makanan berdasarkan perjanjian pada kadar harga makanan sehari bagi setiap pelajar adalah antara RM10.50 hingga RM14.50 berbeza mengikut MITS. Manakala kadar harga bagi sarapan, minum pagi, makan tengah hari, minum

petang, makan malam dan minum malam adalah antara RM1.20 hingga RM4.50. Mengikut perjanjian yang ditandatangani pembayaran hendaklah berdasarkan kepada makanan yang dibekalkan. Pemeriksaan fizikal Audit pada bulan Mac dan April 2017 terhadap sajian sarapan dan makan tengah hari pada setiap hari Khamis dan bulan Ramadhan mendapati kontraktor tidak membekalkan sajian tersebut seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak kerana kebanyakan pelajar berpuasa. Namun semakan terhadap baucar bayaran pula mendapati kontraktor di semua MITS telah membuat tuntutan bayaran penuh termasuk sajian sarapan pada setiap hari Khamis dan bulan Ramadhan.

- ii. Penyelia kesemua MITS memaklumkan bahawa pihak MITS telah memberikan arahan secara lisan kepada kontraktor untuk tidak menyediakan sajian sarapan dan makan tengah hari kerana pihak MITS telah menetapkan hari Khamis sebagai hari wajib berpuasa kepada semua pelajar MITS dan meminta kontraktor untuk membekalkan sajian makan tengah hari pada waktu pelajar bersahur serta menambah nilai sajian makan malam dengan tambahan kadar peruntukan sajian sarapan dan minum petang. Bagaimanapun, tiada maklumat direkodkan oleh kesemua MITS mengenai pertukaran menu yang dinyatakan.
- iii. Analisis Audit mendapati tuntutan bayaran oleh kontraktor bagi sajian minum pagi di semua MITS pada tahun 2014 hingga 2017 adalah berjumlah RM1,456 seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.8
SAJIAN SARAPAN YANG TIDAK DIBEKALKAN PADA TAHUN 2014 HINGGA 2017

MITS	TAHUN	KADAR (RM)	BIL. HARI	JUMLAH (RM)
Kuala Langat	2014	1.75	64	112
	2015	1.75	64	112
	2016	1.79	63	113
	2017	1.80	50	90
	JUMLAH			427
Klang	2014	1.63	64	104
	2015	1.75	62	109
	2016	1.79	57	102
	2017	1.80	52	94
	JUMLAH			409
Sabak Bernam	2014	1.90	63	120
	2015	2.00	66	132
	2016	2.00	53	106
	2017	1.64	39	64
	JUMLAH			422
Sepang	2014	TB	TB	0

MITS	TAHUN	KADAR (RM)	BIL. HARI	JUMLAH (RM)
	2015	TB	TB	0
	2016	2.00	50	100
	2017	2.00	48	98
	JUMLAH			198
JUMLAH KESELURUHAN				1,456

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: TB – Tidak Berkenaan Kerana MIT Sepang Belum Memulakan Sesi Pembelajaran

c. Bekalan Sajian Minum Petang

- i. Selaras fasal 2.1 dokumen perjanjian, sajian minum petang juga perlu disediakan di semua MIT. Pemeriksaan Audit terhadap sajian minum petang di empat (4) MIT mendapati kontraktor tidak membekalkan sajian tersebut seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak. Semakan terhadap baucar bayaran pula mendapati kontraktor telah membuat tuntutan bayaran penuh termasuk kadar sajian minum petang pada setiap bulan. Analisis Audit mendapati bilangan tuntutan bayaran bagi sajian minum petang yang tidak dibekalkan di MIT Kuala Langat, Sabak Bernam dan Sepang pada tahun 2014 hingga 2017 adalah melibatkan kos sebanyak RM664,574 seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.9
BILANGAN DAN NILAI SAJIAN MINUM PETANG YANG TIDAK DIBEKALKAN
DI MIT KUALA LANGAT, SABAK BERNAM DAN SEPANG PADA TAHUN 2014 HINGGA 2017

MIT	2014		2015		2016		2017		JUMLAH	
	HARI	RM	HARI	RM	HARI	RM	HARI	RM	HARI	RM
Kuala Langat	290	67,680	291	68,112	286	99,198	265	104,110	1132	339,100
Sabak Bernam	283	65,229	281	66,679	272	78,065	255	87,165	1091	297,138
Sepang	TB	TB	TB	TB	242	28,336	0	0	242	28,336
JUMLAH	573	132,909	572	134,791	800	205,599	520	191,275	2,465	664,574

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota : TB – Tidak Berkenaan Kerana MIT Sepang Belum Memulakan Sesi Pembelajaran

- ii. Perkara ini berlaku kerana kurangnya pemantauan oleh pihak MIT terhadap pembekalan makanan atau bahan mentah di MIT serta Penyelia MIT tidak maklum mengenai spesifikasi yang telah ditetapkan dalam dokumen tender disebabkan tiada salinan kontrak dikemukakan oleh JAIS kepada MIT sebagai rujukan. Perkara ini telah menyebabkan Kerajaan membayar bekalan yang tidak mengikut spesifikasi dan sajian yang telah ditetapkan.

Maklum Balas JAIS yang Diterima pada 19 April 2018

JAIS akan menyediakan SOP bagi pengurusan bekalan makanan bermasak di MITS pada bulan Mei 2018 bagi memastikan pengurusan yang lebih teratur serta mengelakkan masalah pembayaran bagi bekalan yang tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak. Selain itu, Penyelia Asrama akan dihantar berkursus berkaitan pengurusan bekalan makanan bermasak dengan kerjasama KPM dalam tempoh terdekat. Setiap MITS telah mengemukakan surat perakuan yang mengesahkan bahawa bekalan sajian minum petang telah dibawa ke sajian minum malam serta bekalan sajian sarapan pada hari berpuasa telah dibawa ke sajian minum malam, manakala sajian tengah hari pada hari berpuasa telah dibawa ke waktu bersahur.

Pada pendapat Audit, bayaran bagi bekalan atau perkhidmatan yang tidak mengikut spesifikasi dan bilangan sajian ditetapkan telah menyumbang kepada berlakunya *improper payment*.

1.6.3. Pematuhan Terhadap Kontrak dan Peraturan Kewangan

Beberapa aspek ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan diperhatikan seperti berikut:

1.6.3.1. Pentadbiran Kontrak

- a. Pentadbiran kontrak yang cekap dan teratur amat penting dalam perolehan bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. Dokumen kontrak hendaklah disediakan dengan lengkap dan tepat serta ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit terhadap 11 dokumen kontrak mendapati kontrak telah disediakan dengan terperinci termasuk penetapan nilai anggaran had bumbung perjanjian bagi setiap kontrak serta klausa yang menjamin kepentingan JAIS. Butiran lanjut mengenai kontrak bekalan makanan bermasak di MITS adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.10
KONTRAK BEKALAN MAKANAN BERMASAK DI MITS BAGI TEMPOH 2012 HINGGA 2018

MITS	NAMA KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	KADAR SEHARI PELAJAR (RM)	ANGGARAN HAD BUMBUNG PERJANJIAN	
				BIL. PELAJAR	(RM)
Kuala Langat	Shokri Services	01.05.2012 – 30.04.2014	10.50	300	2,642,640
	Miz Padu Sdn. Bhd.	01.05.2014 – 30.04.2016	10.50	300	1,890,000
	Kembara Cekal Enterprise	01.05.2016 – 30.04.2018	12.00	300	2,160,000
Klang	S.H.O.K.R.I Catering	01.01.2012 – 31.03.2014	10.00	300	2,409,000
	F&A Ikhlas Venture Sdn. Bhd.	01.04.2014 – 31.03.2016	10.50	300	1,890,000
	D Sweet Catering	01.05.2016 – 30.04.2018	12.20	300	2,196,000
Sabak Bernam	J.A. Enterprise	01.01.2014 – 31.12.2014	14.00	160	672,000
	T.A.S Niaga Services Sdn. Bhd.	01.01.2015 – 31.12.2016	13.00	270	2,106,000
	Kubu Sejagat Resources	01.01.2017 – 31.12.2017	12.25	280	1,029,000
Sepang	Gerbang Dian Sdn. Bhd.	01.01.2016 – 31.12.2016	14.50	60	261,000
	DS Food Industries Sdn. Bhd.	01.01.2017 – 31.12.2017	13.00	120	468,000

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Semakan lanjut terhadap dokumen kontrak mendapati terdapat penemuan yang perlu diberi perhatian bagi sembilan iaitu 81.8% daripada 11 kontrak yang telah ditandatangani seperti berikut:

i. Pegawai yang Menandatangani Kontrak

Merujuk 1PP PK 4, semua kontrak Kerajaan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal atau pegawai lain yang dinamakan atas jawatan. Semakan terhadap pewartaan penurunan kuasa di bawah Seksyen 3 Akta Kontrak Kerajaan 1949 mendapati Pengarah JAIS telah diberi kuasa untuk menandatangani kontrak yang bernilai sehingga RM5 juta. Semakan seterusnya terhadap 11 kontrak mendapati kontrak telah ditandatangani oleh Pengarah JAIS kecuali enam (6) kontrak yang ditandatangani oleh Timbalan Pengarah JAIS dan Ketua Penolong Pengarah tanpa diberikan surat kuasa sebagai penandatangan kontrak. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.11
PEGAWAI YANG MENANDATANGAN KONTRAK

BIL.	MITS	NAMA SYARIKAT	TAHUN KONTRAK	PEGAWAI YANG MENANDATANGAN KONTRAK	KUASA MENANDATANGAN KONTRAK
1.	Kuala Langat	Kembara Cekal Enterprise	2016	Pengarah	√
2.	Klang	D Sweet Catering	2016	Pengarah	√
3.	Sepang	Gerbang Dian Sdn Bhd	2016	Pengarah	√
4.	Sabak Bernam	Kubu Sejagat Resources	2017	Pengarah	√
5.	Sepang	DS Food Industries Sdn. Bhd.	2017	Pengarah	√
6.	Kuala Langat	Miz Padu Sdn Bhd	2014	Timbalan Pengarah	X

BIL.	MITS	NAMA SYARIKAT	TAHUN KONTRAK	PEGAWAI YANG MENANDATANGAN KONTRAK	KUASA MENANDATANGAN KONTRAK
7.	Klang	F&A Ikhlas Venture Sdn Bhd	2014	Timbalan Pengarah	X
8.	Sabak Bernam	J.A. Enterprise	2014	Timbalan Pengarah	X
9.	Sabak Bernam	T.A.S Niaga Services Sdn Bhd	2015	Timbalan Pengarah	X
10.	Kuala Langat	Shokri Services	2012	Ketua Penolong Pengarah	X
11.	Klang	S.H.O.K.R.I Catering	2012	Ketua Penolong Pengarah	X

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: ✓ - Diberi Kuasa Menandatangani Kontrak

X - Tiada Kuasa Menandatangani Kontrak

ii. Kesilapan Catatan Tarikh Kontrak dan Surat Setuju Terima

Semakan Audit terhadap tiga dokumen kontrak mendapati berlaku kesilapan catatan tahun bagi tarikh dua (2) kontrak yang ditandatangani bagi MITS Kuala Langat dan Klang. Kontrak tersebut telah ditandatangani pada 1 Mei 2016 tetapi telah dicatatkan tarikhnya pada 1 Mei 2018. Selain itu, terdapat juga kesilapan catatan tahun bagi tarikh tandatangan surat setuju terima bagi MITS Sabak Bernam. Butiran kontrak dan SST adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.12
KESILAPAN TARIKH KONTRAK DAN SURAT SETUJU TERIMA

MITS	NAMA SYARIKAT	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH TANDATANGAN SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH KONTRAK
Kuala Langat	Kembara Cekal	06.05.2016	10.05.2016	01.05.2018 (tarikh sepatutnya 01.05.2016)
Klang	D Sweet Catering	06.05.2016	10.05.2016	01.05.2018 (tarikh sepatutnya 01.05.2016)
Sabak Bernam	J.A. Enterprise	24.12.2013	02.01.2013 (tahun sepatutnya 2014)	01.01.2014

Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Kelewatan Pembayaran Kepada Kontraktor

- Pembayaran bagi perkhidmatan atau bekalan yang telah disempurnakan oleh kontraktor perlu diuruskan dengan teratur dan cekap. Merujuk Arahan Perbendaharaan 103(a), Ketua Jabatan hendaklah meminta supaya semua bil dan tuntutan disampaikan dengan segera dan memastikan bil dibayar dengan segera tidak lewat 14 hari dari tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna oleh Unit Kewangan.
- Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati pembayaran kepada kontraktor bagi bekalan makanan bermasak walaupun telah berjaya dibuat dalam tempoh 14 hari daripada tarikh dokumen sokongan yang lengkap diterima oleh Unit Kewangan JAIS, namun

pada hakikatnya berlaku kelewatan dalam proses penerimaan dokumen.

- Semakan Audit selanjutnya terhadap invois yang merupakan salah satu dokumen sokongan tersebut mendapati berlaku kelewatan yang ketara dalam tempoh penerimaan invois di Unit Kewangan yang telah memberi kesan kewangan kepada pihak kontraktor. Analisis menunjukkan tempoh penerimaan invois oleh Unit Kewangan mengambil masa antara empat (4) hingga 200 hari bagi tempoh 2014 hingga 2017 yang melibatkan 163 baucar bayaran berjumlah RM10.79 juta adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.13
TEMPOH PENERIMAAN INVOIS OLEH
UNIT PEROLEHAN DAN UNIT KEWANGAN PADA TAHUN 2014 HINGGA 2017

MITS	PENERIMAAN INVOIS MENGIKUT TAHUN															
	2014				2015				2016				2017			
	i	ii	iii	iv	i	ii	iii	iv	i	ii	iii	iv	i	ii	iii	iv
Kuala Langat	12	0.89	2 – 15	8 – 51	12	0.89	3 – 15	5 – 60	12	1.01	7 – 29	14 – 107	11	0.92	2 – 40	7 – 48
Klang	12	0.81	3 – 9	7 – 87	12	0.81	2 – 15	6 – 127	12	0.96	6 – 199	8 – 200	11	0.95	4 – 39	7 – 45
Sabak Bernam	12	0.57	2 – 23	4 – 39	12	0.72	3 – 25	6 – 84	12	0.85	8 – 126	25 – 162	11	0.85	14 – 29	14 – 41
Sepang	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	12	0.21	4 – 48	9 – 87	10	0.35	12 – 85	31 – 135
JUMLAH	36	2.27			36	2.42			48	3.03			43	3.07		

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: i – Bilangan Baucar Bayaran

ii – Nilai (RM Juta)

iii – Tempoh Invois Diterima Oleh Unit Kewangan Daripada Unit Perolehan (Hari)

iv – Tempoh Invois Diterima Oleh Unit Kewangan Berbanding Tarikh Invois (Hari)

TB – Tidak Berkenaan Kerana MITS Sepang Belum Memulakan Sesi Pembelajaran

- Berdasarkan semakan Audit terhadap waran perjawatan JAIS mendapati Seksyen Perolehan JAIS yang terdiri daripada seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik gred M44, seorang Ketua Pembantu Tadbir gred N26, empat (4) orang Pembantu Tadbir (P/O) gred N17 dan seorang Pembantu Operasi N11 diberi tanggungjawab untuk menguruskan kesemua perolehan JAIS termasuk pemantauan terhadap pengurusan kontrak. Pihak Audit mendapati invois yang dikemukakan oleh kontraktor kepada MITS akan diserahkan terlebih dahulu kepada Seksyen MITS di JAIS sebelum dipanjangkan kepada Unit Perolehan dan seterusnya kepada Unit Kewangan. Analisis menunjukkan tempoh penyerahan invois oleh Unit Perolehan ke Unit Kewangan mengambil masa antara dua (2) hingga 199 hari.

Maklum Balas JAIS yang Diterima pada 19 April 2018

JAIS akan memastikan setiap kontrak yang disediakan adalah teratur dan lengkap serta mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa. Selain itu, SOP bagi proses pembayaran di JAIS akan dikemas kini bagi mempercepatkan proses pembayaran.

Pada pendapat Audit, proses sedia ada bagi pengurusan pembayaran adalah kurang cekap dan kurang berkesan kerana menyebabkan kelewatan pembayaran kepada kontraktor bagi perkhidmatan atau bekalan yang telah disempurnakan.

1.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perkhidmatan bekalan makanan bermasak dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, adalah disyorkan Jabatan Agama Islam Selangor mengambil tindakan berikut:

- 1.7.1. mengambil tindakan terhadap tahap kebersihan dewan makan bagi memastikan persekitaran dewan makan yang lebih bersih dan selesa;
- 1.7.2. menyediakan SOP bagi pengurusan bekalan makanan bermasak di MITS dan mengkaji semula SOP bagi proses pembayaran di peringkat JAIS untuk memudah dan mempercepatkan proses pembayaran;
- 1.7.3. memastikan semua pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab menguruskan dewan makan diberi penerangan atau kursus berkaitan pengurusan dewan makan termasuk pengurusan bekalan makanan bermasak;
- 1.7.4. memastikan semua MITS menerima sesalinan penuh kontrak yang telah ditandatangani serta mewujudkan Garis Panduan Pembekalan Makanan Bermasak bagi memudahkan rujukan dan pemantauan terhadap kontraktor; dan
- 1.7.5. mewujudkan mekanisme pemantauan secara berkala bagi memastikan MITS dibekalkan dengan makanan mengikut menu yang ditetapkan dalam kontrak.

2. PENGURUSAN TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Pada bulan November 1994, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) telah bersetuju dengan konsep pelaksanaan Taman Agroteknologi Negeri Selangor. Program Taman Agroteknologi yang sekarang dikenali sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah mula dilaksanakan di Negeri Selangor pada tahun 1996. Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor bagi pembangunan keseluruhan TKPM di Negeri Selangor telah ditandatangani pada 30 Oktober 2000 untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara. Program TKPM juga merupakan satu strategi di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk mentransformasi sektor pertanian dengan menggalakkan pelaksanaan projek pertanian berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta. Objektif utama TKPM adalah untuk membangunkan usahawan yang berdaya maju dan mampu menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan mewujudkan zon kekal hasil pertanian bagi pengeluaran makanan dan mengamalkan amalan pertanian yang baik.

2.1.2. Pembangunan TKPM di Negeri Selangor melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan peserta yang terpilih. Berdasarkan Memorandum Persefahaman yang ditandatangani, Kerajaan Persekutuan akan membiayai kos pembangunan infrastruktur sementara Kerajaan Negeri Selangor akan menyediakan kawasan tanah bersesuaian dan mewartakannya sebagai tapak TKPM. Manakala peserta yang dipilih perlu menandatangani perjanjian sewaan TKPM yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor (JPNS) serta menyediakan sumber kewangan, tenaga kerja, peralatan, input pertanian dan perlu mengusahakan jenis tanaman seperti yang telah dipersetujui.

2.1.3. Bagi tahun 2014 hingga 2017, JPNS telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masing-masing berjumlah RM2.69 juta dan RM3.19 juta. Peruntukan yang diterima telah dibelanjakan bagi menaik taraf infrastruktur seperti jalan ladang, sistem perparitan dan penyediaan kemudahan seperti pagar keselamatan dan baik pulih kesuburan tanah bagi TKPM sedia ada. Peratus perbelanjaan berbanding peruntukan yang diterima bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN TKPM BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN NOVEMBER 2017

TAHUN	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM)			PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (RM)					
	PERSEKUTUAN	NEGERI	JUMLAH	PERSEKUTUAN	(%)	NEGERI	(%)	JUMLAH	(%)
2014	460,000	408,600	868,600	450,077	97.8	387,726	94.9	837,803	96.5
2015	1,400,000	900,000	2,300,000	1,399,980	99.9	896,248	99.6	2,296,228	99.8
2016	150,000	650,000	800,000	141,952	94.6	638,537	98.2	780,489	97.6
2017	675,000	1,230,000	1,905,000	518,591	76.8	768,867	62.5	1,287,458	67.6
JUMLAH	2,685,000	3,188,600	5,873,600	2,510,600	93.5	2,691,378	84.4	5,201,978	88.6

Sumber: JPNS

2.1.4. Sehingga bulan November 2017, sejumlah 14 TKPM telah dibangunkan merangkumi kawasan fizikal seluas 1,403.53 hektar dengan bilangan peserta seramai 368 orang. Sebanyak 12 daripada 14 TKPM masih aktif mengeluarkan produk pertanian adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.2
MAKLUMAT TKPM DI NEGERI SELANGOR SEHINGGA BULAN NOVEMBER 2017

BIL.	TKPM	TAHUN PENUBUHAN	KELUASAN FIZIKAL (Hektar)	KELUASAN BERTANAM (Hektar)	BIL. PESERTA	BIDANG USAHA UTAMA
1.	Hulu Chuchuh, Sepang	1996	115.80	70.40	24	Umbisi, Sayur
2.	Semenyih, Hulu Langat	1997	36.67	26.51	8	Buah, Cendawan
3.	Sungai Panjang, Sabak Bernam	1998	81.70	44.75	5	Kelapa, Pisang
4.	Bukit Changgang, Kuala Langat	1999	61.06	31.60	14	Sayur, Buah, Bunga
5.	Batu Arang, Gombak	2000	146.76	98.00	30	Buah
6.	Sungai Blankan, Sepang	2001	383.89	339.33	153	Umbisi
7.	Sungai Kelambu, Kuala Langat	2003	80.00	76.00	19	Nenas, Tanaman Kontan
8.	Serdang, Petaling	2004	13.10	6.10	18	Sayur, Buah
9.	Kundang, Kuala Langat	2006	121.70	117.80	41	Umbisi
10.	Hulu Yam, Hulu Selangor	2006	220.36	120.78	37	Sayur, Buah
11.	Sungai Batangsi, Hulu Langat	2006	65.11	50.12	13	Buah
12.	Jalan Kebun, Klang	2015	10.00	7.20	6	Sayur, Buah
13.	Bestari Jaya, Kuala Selangor	1998	57.00	Ditamatkan pada tahun 2015		
14.	Kalumpang, Hulu Selangor	2017	10.38	Masih peringkat penyediaan kawasan		
JUMLAH			1,403.53	988.59	368	

Sumber: JPNS

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program TKPM telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi program dan pengurusan program. Prestasi program dinilai berdasarkan tiga (3) perkara iaitu prestasi pengeluaran hasil tanaman, pendapatan peserta dan pensijilan amalan ladang baik Malaysia (MyGAP). Manakala pengurusan program pula meliputi empat (4) perkara iaitu pengurusan tanah TKPM, aspek sewaan, pengurusan peserta TKPM serta perolehan dan penyenggaraan infrastruktur TKPM. Pengauditan telah dijalankan di Jabatan Pertanian Negeri Selangor dan sembilan (9) TKPM terpilih iaitu TKPM Sungai Batangsi, Semenyih, Bukit Changgang, Kundang, Hulu Chuchuh, Sungai Blankan, Hulu Yam, Sungai Panjang dan Batu Arang.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan program TKPM. Lawatan dan pemeriksaan fizikal serta temu bual bersama pegawai yang terlibat juga telah diadakan.

2.5. RUMUSAN AUDIT

2.5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Program

Objektif program TKPM berhubung pengeluaran hasil tanaman dicapai pada tahap antara 94.4% dan 97.1% berbanding sasaran kuantiti dan nilai pengeluaran hasil tanaman yang ditetapkan bagi tahun 2014 hingga 2017. Bagaimanapun, objektif program untuk membangunkan usahawan yang berdaya maju dan mampu menjana purata pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan masih belum tercapai berikutan peratus usahawan yang berjaya menjana pendapatan seperti ditetapkan adalah pada tahap antara 33.5% hingga 36% bagi tahun 2014 hingga 2017. Selain itu, prestasi berhubung aspek amalan pertanian baik melalui skim pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP) sehingga bulan November 2017 adalah rendah berikutan sejumlah 226 peserta (72.4%) daripada 312 sasaran permohonan yang ditetapkan masih belum mengemukakan permohonan. Sejumlah 51 (59.3%) daripada 86 peserta yang memohon pensijilan MyGAP telah berjaya memperoleh sijil MyGAP manakala baki 35 peserta (40.7%) masih dalam proses pensijilan.

b. Pengurusan Program

Pengurusan program TKPM belum mencapai tahap kecekapan yang optimum berikutan kelemahan aspek pengurusan pengambilan peserta baru dan kelewatan tindakan penamatan peserta yang tidak mematuhi syarat perjanjian. Selain itu, kelemahan pengurusan penyewaan lot turut menjejaskan kecekapan pengurusan program ini.

2.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. pengambilan 13 peserta baharu bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017 mengambil masa antara 98 hingga 550 hari;
- ii. kelewatan mengemukakan syor penamatan terhadap 12 peserta yang tidak mematuhi syarat perjanjian dan tidak menunjukkan minat mengusahakan tanaman antara 98 hingga 1,917 hari;
- iii. sejumlah 40 lot tanah yang diperuntukkan bagi pelaksanaan Kumpulan Bimbingan Khas serta 11 lot tanah bagi tujuan Penyelidikan dan Pembangunan yang melibatkan kawasan seluas 35.40 hektar di TKPM Hulu Chuchuh tidak dilaksanakan secara teratur; selain itu tiada perjanjian ditandatangani dan syarat penggunaan tanah tidak ditetapkan serta bayaran sewa tidak dikenakan ke atas pengusaha. Anggaran hasil sewa yang tidak dikenakan sejak tahun 1996 hingga 2017 adalah sejumlah RM389,400;
- iv. pengurusan sewaan TKPM adalah tidak cekap kerana tunggakan sehingga bulan November 2017 adalah berjumlah RM1.12 juta dengan tempoh tunggakan yang lama selain prestasi kutipan sewa tahunan yang rendah; dan
- v. sebanyak 25 (78.1%) daripada 32 peserta TKPM yang telah ditamatkan kontrak atau menarik diri mempunyai tunggakan sewa berjumlah RM189,705 dengan tempoh tunggakan sejak tahun 2003 hingga bulan November 2017.

2.5.3. Selain daripada isu prestasi dan pengurusan program, terdapat beberapa ketidakpatuhan berhubung syarat pelaksanaan program, perjanjian sewaan dan peraturan kewangan seperti berikut:

- i. pengurangan sewa tahunan berjumlah RM12,250 bagi empat (4) daripada lima (5) peserta di TKPM Sungai Panjang tanpa kelulusan Kerajaan Negeri;
- ii. ketidaktepatan pelaporan Akaun Belum Terima yang dikemukakan kepada Bendahari Negeri; dan

- iii. sebanyak 11 pembayaran berjumlah RM86,822 (5.08%) daripada RM1.71 juta merupakan perbelanjaan yang tidak mengikut maksud peruntukan.

2.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui serta maklum balas JPNS dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 6 April 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

2.6.1. Prestasi Program TKPM

2.6.1.1. Prestasi Pengeluaran Hasil Tanaman

- a. Penetapan sasaran tahunan hasil pengeluaran TKPM diputuskan melalui Mesyuarat Pemantauan *Outcome/Impak* TKPM. Bagi tahun 2014 hingga 2017, sasaran pengeluaran yang ditetapkan adalah sejumlah 115,269.69 tan metrik dengan nilai pengeluaran berjumlah RM130.65 juta.
- b. Semakan Audit berdasarkan maklumat yang dikunci masuk ke dalam Sistem Maklumat Agris Geoportal yang diselenggarakan oleh JPNS bagi merekod pengeluaran hasil tanaman mendapati secara keseluruhannya, prestasi pencapaian jumlah pengeluaran hasil tanaman berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2014 hingga 2017 adalah baik dengan purata prestasi pencapaian daripada aspek kuantiti dan nilai pengeluaran masing-masing pada kadar 94.4% dan 97.1%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.3
PRESTASI PENCAPAIAN PENGELUARAN
HASIL TANAMAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN NOVEMBER 2017

TAHUN	SASARAN PENGELUARAN		PENGELUARAN SEBENAR		PENCAPAIAN SASARAN	
	KUANTITI (Tan Metrik)	NILAI (RM Juta)	KUANTITI (Tan Metrik)	NILAI (RM Juta)	KUANTITI (%)	NILAI (%)
2014	29,665.87	33.10	27,172.26	30.63	91.6	92.5
2015	29,181.20	30.72	27,789.96	32.22	95.2	104.9
2016	29,185.34	33.86	27,054.69	32.75	92.7	96.7
2017	27,237.28	32.97	26,777.52	31.21	98.3	94.7
JUMLAH	115,269.69	130.65	108,794.43	126.81	94.4	97.1

Sumber: JPNS

- c. Berdasarkan jadual di atas, pencapaian kuantiti pengeluaran hasil tanaman tertinggi berbanding sasaran ditetapkan dicatat pada tahun 2017 dengan 98.3% prestasi pengeluaran. Nilai pengeluaran hasil tanaman tertinggi direkodkan pada tahun 2015 dengan 104.9% pencapaian berbanding

sasaran. Manakala bagi tahun 2014, prestasi daripada aspek kuantiti dan nilai pengeluaran adalah masing-masing pada tahap 91.6% dan 92.5% berbanding sasaran yang ditetapkan.

2.6.1.2. Prestasi Pendapatan Peserta

- a. Pencapaian sasaran pendapatan peserta merupakan antara objektif utama pembangunan projek TKPM. Jabatan Pertanian Malaysia mensasarkan purata pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan bagi setiap peserta TKPM.
- b. Maklumat pendapatan bersih setiap peserta TKPM diperoleh melalui data pengeluaran hasil dan kos pengeluaran yang dikunci masuk ke dalam Sistem Maklumat Agris Geoportal. Semakan Audit berdasarkan data tersebut mendapati, prestasi purata pendapatan bersih peserta TKPM bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017 yang berjaya memperoleh pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan menunjukkan peningkatan namun masih rendah iaitu pada kadar antara 33.5% (121 peserta) hingga 36.0% (133 peserta). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.4
PRESTASI PENDAPATAN PESERTA TKPM
BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN NOVEMBER 2017

TAHUN	JUMLAH PESERTA	PENDAPATAN MELEBIHI RM3,000		PENDAPATAN KURANG RM3,000		BELUM BERHASIL	
		BIL. PESERTA	(%)	BIL. PESERTA	(%)	BIL. PESERTA	(%)
2014	370	126	34.1	231	62.4	13	3.5
2015	361	121	33.5	233	64.6	7	1.9
2016	363	129	35.5	227	62.6	7	1.9
2017	369	133	36.0	235	63.7	1	0.3

Sumber: JPNS

- c. Manakala prestasi peserta yang memperoleh purata pendapatan bersih di bawah RM3,000 sebulan bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017 adalah antara 62.4% (231 peserta) hingga 64.6% (233 peserta) dan bilangan peserta yang masih belum berhasil menjana pendapatan bagi tempoh yang sama adalah antara 0.3% (1 peserta) hingga 3.5% (13 peserta) berikutan peserta baharu menyertai program TKPM. Berdasarkan rekod Sistem Maklumat Agris Geoportal JPNS bagi tahun 2017 turut mendapati, purata pendapatan minimum dan maksimum sebulan yang dijana oleh peserta TKPM adalah sejumlah masing-masing RM70 dan RM24,000.
- d. Analisis lanjut berdasarkan laporan pengeluaran hasil tanaman dan kos pengeluaran yang dikunci masuk ke dalam Sistem Maklumat Agris Geoportal turut mendapati dua (2) daripada sembilan (9) TKPM terpilih iaitu TKPM Kundang Daerah Kuala Langat dan TKPM Sungai Blankan Daerah Sepang

mencatatkan lebih 80% daripada jumlah keseluruhan peserta, gagal mencapai sasaran pendapatan bersih RM3,000 sebulan. Antara faktor utama ketidakcapaian ini adalah berikutan pembahagian lot yang kecil berbanding jenis tanaman yang diusahakan bagi menjana pendapatan seperti yang ditetapkan. Hasil temu bual dengan pegawai bertanggungjawab di JPNS, keluasan minimum yang diperlukan bagi menjana pendapatan bersih RM3,000 sebulan bagi tanaman jenis umbisi (ubi keledek dan ubi kayu) adalah sekurang-kurangnya enam (6) hektar. Semakan Audit berdasarkan perjanjian sewaan TKPM Sungai Blankan dan Kundang yang mengusahakan tanaman umbisi mendapati, penyewaan lot bagi 69 (45.1%) daripada 153 peserta di TKPM Sungai Blankan adalah kurang daripada satu (1) hektar. Manakala 29 (70.7%) daripada 41 peserta di TKPM Kundang menyewa dengan keluasan lot antara satu (1) hingga dua (2) hektar. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.5
KELUASAN LOT TANAMAN PESERTA
DI TKPM KUNDANG DAN SUNGAI BLANKAN

TKPM	KELUASAN LOT TANAH DISEWA (Hektar)	BILANGAN PESERTA					JUMLAH
		KURANG 1 HEKTAR	1-2 HEKTAR	3-4 HEKTAR	5-6 HEKTAR	LEBIH 6 HEKTAR	
Kundang, Kuala Langat	120.00	0	29	5	7	0	41
Sungai Blankan, Sepang	345.31	69	53	21	3	7	153

Sumber: JPNS

- e. Selain itu, berdasarkan temu bual bersama penyelia TKPM faktor lain antaranya serangan penyakit, cuaca dan tahap kesuburan tanah turut memberi kesan terhadap prestasi pencapaian pendapatan bersih peserta.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 27 Mac 2018

Pada bulan Februari 2018, JPNS memutuskan untuk melaksanakan semakan semula terhadap keluasan lot tanah peserta TKPM yang tidak ekonomik bagi menjana pendapatan bersih RM3,000 sebulan seperti yang ditetapkan. JPNS bercadang melaksanakan inisiatif lain melalui pelaksanaan Projek Berkelompok melibatkan keluasan lot peserta yang kecil dengan penetapan sasaran pendapatan bersih peserta Projek Berkelompok sejumlah RM1,000 sebulan.

Pada pendapat Audit, berdasarkan kepada aspek kuantiti dan nilai pengeluaran berbanding sasaran yang ditetapkan, pencapaian objektif untuk

pendapatan bersih peserta pada kadar RM3,000 sebulan seperti yang ditetapkan oleh JPNS belum tercapai.

2.6.1.3. Prestasi Pensijilan Amalan Ladang Baik Malaysia

- a. Jabatan Pertanian Malaysia melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Amalan Pertanian Bil. 3 Tahun 2017 telah menetapkan semua peserta TKPM hendaklah memohon pensijilan MyGAP (*Malaysian Good Agricultural Practices*) dalam tempoh dua (2) tahun selepas menjadi peserta TKPM. Bagi tahun 2017, JPNS menetapkan sejumlah 312 peserta melibatkan sembilan (9) TKPM terpilih hendaklah mengemukakan permohonan pensijilan MyGAP selaras dengan arahan ditetapkan.
- b. Semakan Audit terhadap kedudukan permohonan pensijilan MyGAP bagi TKPM terlibat sehingga bulan November 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.6
KEDUDUKAN PERMOHONAN
PENSIJILAN MyGAP SETAKAT BULAN NOVEMBER 2017

BIL.	TKPM	SASARAN PERMOHONAN MyGAP	BILANGAN PERMOHONAN			BELUM MEMOHON
			BERJAYA	BELUM BERJAYA	JUMLAH	
1.	Sungai Batangsi, Hulu Langat	11	2	7	9	2
2.	Semenyih, Hulu Langat	8	4	2	6	2
3.	Hulu Yam, Hulu Selangor	37	1	-	1	36
4.	Bukit Changgang, Kuala Langat	11	3	-	3	8
5.	Kundang, Kuala Langat	41	3	14	17	24
6.	Hulu Chuchuh, Sepang	24	5	-	5	19
7.	Sungai Blankan, Sepang	151	32	6	38	113
8.	Batu Arang, Gombak	25	-	6	6	19
9.	Sungai Panjang, Sabak Bernam	4	1	-	1	3
JUMLAH		312	51	35	86	226

Sumber: JPNS

- c. Analisis Audit berdasarkan sembilan (9) TKPM terpilih mendapati, prestasi sasaran permohonan pensijilan MyGAP yang ditetapkan oleh JPNS belum mencapai sasaran ditetapkan. Ini berikutan sejumlah 226 peserta (72.4%) daripada 312 sasaran permohonan yang ditetapkan masih belum mengemukakan permohonan pensijilan MyGAP. Sehingga bulan November 2017, sejumlah 51 (59.3%) daripada 86 peserta yang memohon pensijilan MyGAP telah berjaya memperoleh sijil manakala baki 35 peserta (40.7%) masih dalam proses pensijilan.

- d. Berdasarkan temu bual bersama penyelia TKPM, antara sebab utama prestasi pencapaian peserta dalam mendapatkan pensijilan MyGAP tidak mencapai sasaran adalah berikutan peserta yang terlibat masih belum menepati piawaian yang ditetapkan antaranya aspek penyimpanan rekod ladang, kaedah penyimpanan input pertanian serta keselamatan dan kebajikan pekerja ladang.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 27 Mac 2018

JPNS mengambil maklum perkara berbangkit dan pemantauan berterusan dijalankan bagi memastikan semua peserta memperoleh pensijilan MyGAP dalam tempoh dua (2) tahun selaras dengan keputusan Jawatankuasa Pelaksanaan Amalan Pertanian Jabatan Pertanian Malaysia pada bulan Oktober 2017.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi pensijilan Amalan Ladang Baik Malaysia bagi peserta TKPM masih belum tercapai.

2.6.2. Pengurusan Program TKPM

Beberapa kelemahan aspek kecekapan pengurusan program seperti berikut diperhatikan:

2.6.2.1. Pengurusan Peserta TKPM

a. Tempoh Pengambilan Peserta Baharu

- a. Berdasarkan SOP bagi proses pengambilan peserta baharu yang diguna pakai oleh JPNS, pihak Audit mendapati tiada tempoh pemprosesan ditetapkan berhubung pengambilan peserta selepas berlaku kekosongan lot di TKPM. Semakan Audit terhadap tempoh yang diambil bagi pemprosesan pengambilan peserta baharu sehingga bulan November 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.7
TEMPOH PEMROSESAN TAWARAN BAHARU BAGI LOT KOSONG

BIL.	TKPM	NO. LOT	KELUASAN (Hektar)	TARIKH PENAMATAN PESERTA LAMA	TARIKH TAWARAN PESERTA BAHARU	TEMPOH (Hari)
1.	Sungai Batangsi, Hulu Langat	6	4.19	02.07.2012	11.11.2013	497
2.	Semenyih, Hulu Langat	1	6.00	15.03.2016	21.06.2016	98
3.		2	6.00	07.10.2015	21.06.2016	258
4.	Bukit Changgang, Kuala Langat	F1 & F2	2.00	21.11.2016	18.05.2017	178

BIL.	TKPM	NO. LOT	KELUASAN (Hektar)	TARIKH PENAMATAN PESERTA LAMA	TARIKH TAWARAN PESERTA BAHARU	TEMPOH (Hari)
5.	Hulu Chuchuh, Sepang	A1	2.00	20.02.2014	30.09.2014	222
6.		A4	2.00	20.02.2014	30.09.2014	222
7.		C1	2.00	04.02.2015	24.08.2015	201
8.		C2	2.00	04.02.2015	24.08.2015	201
9.		R&D	1.20	20.02.2014	24.08.2015	550
10.	Batu Arang, Gombak	24 & 25	4.00	26.09.2014	24.11.2015	423
11.		2	4.00	13.03.2013	11.11.2013	243
12.		4	2.00	13.03.2013	11.11.2013	243
13.		11	4.00	09.06.2015	24.11.2015	168

Sumber: JPNS

- ii. Analisis Audit terhadap 13 pengambilan peserta baharu dari tahun 2014 hingga bulan November 2017 mendapati, tempoh masa yang diambil bagi pengambilan peserta baharu selepas peserta ditamatkan atau menarik diri adalah lama antara 98 hingga 550 hari.
- iii. Perkara ini berlaku berikutan tiada tempoh ditetapkan bagi pengambilan peserta baharu selepas berlaku kekosongan lot sewaan di TKPM. Selain itu, JPNS turut memaklumkan kerja pengosongan kawasan melibatkan peralatan dan tanaman yang diusahakan di lot peserta terdahulu yang belum selesai turut menjejaskan tempoh pengambilan dan kemasukan peserta baru walaupun JPNS mempunyai senarai peserta simpanan yang sedia mengambil alih kekosongan yang ada. Kekosongan lot yang boleh disewakan dalam tempoh yang lama menyebabkan lot terbiar tanpa pengeluaran hasil tanaman. Selain itu, anggaran kerugian hasil sewaan berdasarkan keluasan kawasan dengan kadar sewa tahunan RM500 sehektar bagi satu (1) lot tanah di TKPM Sungai Batangsi dan Hulu Chuchuh serta dua (2) lot tanah di TKPM Batu Arang dengan tempoh kekosongan melebihi 365 hari berjumlah RM4,695 merupakan suatu kerugian kepada Kerajaan.

Pada pendapat Audit, proses pengambilan peserta program TKPM baru selepas penamatan peserta lama adalah tidak cekap berikutan JPNS mengambil tempoh masa antara 98 hingga 550 hari bagi menawarkan kekosongan kepada pengusaha baru.

2.6.2.2 Penamatan Peserta

- i. Berdasarkan SOP di bawah perkara penamatan peserta, menyatakan bahawa proses penamatan bermula dengan penerimaan laporan daripada penyelia TKPM lot yang terlibat. JPNS menetapkan sejumlah tiga (3) kali surat peringatan dikeluarkan kepada peserta dalam tempoh 35 hari sebelum

cadangan penamatan diputuskan oleh jawatankuasa dilantik. Setelah keputusan penamatan dimuktamadkan oleh JPNS, peserta TKPM dibenarkan membuat rayuan berhubung keputusan tersebut.

- ii. Semakan Audit terhadap proses penamatan peserta TKPM bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.8
PROSES PENAMATAN PESERTA TKPM
BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN NOVEMBER 2017

BIL.	TKPM	NO. LOT	KELUASAN (Hektar)	BILANGAN SURAT PERINGATAN	TARIKH SYOR PENAMATAN		KELEWATAN (Hari)
					SEPATUT	SEBENAR	
1.	Sungai	12	3.60	2	25.02.2015	27.09.2017	945
2.	Batangsi,	13	3.81	3	19.02.2014	04.10.2017	1,323
3.	Hulu Langat	10	4.14	2	07.11.2014	04.10.2017	1,062
4.	Semenyih,	1	6.00	3	20.05.2014	24.11.2014	188
5.	Hulu Langat	2	6.00	3	20.05.2014	15.01.2015	240
6.	Bukit	F1 & F2	2.00	3	26.03.2016	19.10.2016	207
7.	Changgang, Kuala Langat	A2	1.00	3	27.12.2016	04.04.2017	98
8.	Hulu	A1	2.00	3	17.10.2008	16.01.2014	1,917
9.	Chuchuh,	A4	2.00	3	17.10.2008	16.01.2014	1,917
10.	Sepang	C1 & C2	4.00	2	15.05.2013	16.01.2014	246
11.	Batu Arang,	TM	1.00	3	30.12.2014	12.05.2015	133
12.	Gombak	11	4.00	3	30.12.2014	13.05.2015	134
JUMLAH			39.55				

Sumber: JPNS

Nota: TM - Tiada Maklumat

- iii. Analisis Audit berdasarkan jadual di atas mendapati syor penamatan peserta telah lewat dikeluarkan antara 98 hingga 1,917 hari selepas tempoh notis peringatan selama 35 hari berakhir.
- iv. Berdasarkan kepada SOP di bawah perkara penamatan peserta, Pegawai Pertanian Daerah hendaklah mengemukakan syor penamatan kepada Jawatankuasa yang dilantik untuk tindakan selanjutnya. Namun pihak Audit mendapati syor penamatan tersebut lewat dikemukakan kepada Jawatankuasa berkenaan.

Pada pendapat Audit, kelewatan mengambil tindakan mengemukakan syor penamatan ke atas peserta yang tidak menunjukkan minat dalam mengusahakan tanaman menyebabkan lot tanaman tidak diusahakan secara optimum dan menjejaskan pengeluaran hasil tanaman.

2.6.2.3. Perjanjian Peserta

- i. Mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disediakan oleh JPNS pada 6 Mei 2016, peserta perlu menandatangani perjanjian sewaan TKPM

yang ditetapkan. Dokumen perjanjian merupakan dokumen penting bagi memastikan peserta dan Kerajaan Negeri mempunyai ikatan perundangan yang jelas serta melindungi kepentingan Kerajaan Negeri. Berdasarkan surat tawaran kepada peserta TKPM, peserta perlu menandatangani penerimaan tawaran dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan dan seterusnya menghubungi Pegawai Pertanian Daerah yang berkenaan untuk menandatangani surat perjanjian penyewaan.

- ii. Semakan Audit terhadap tempoh perjanjian yang ditandatangani di antara peserta dengan Kerajaan Negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.9
PERJANJIAN LEWAT DITANDATANGANI

BIL.	TKPM	NO. LOT	TARIKH SURAT TAWARAN	TARIKH PERJANJIAN DITANDATANGAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari) *
1.	Sungai Batangsi, Hulu Langat	6	27.11.2013	06.02.2014	57
2.	Semenyih, Hulu Langat	1	21.06.2016	18.10.2016	105
3.		2	21.06.2016	30.09.2016	87
4.	Bukit Changgang, Kuala Langat	F1 & F2	18.05.2017	01.11.2017	153
5.	Batu Arang, Gombak	24 & 25	24.11.2015	12.02.2016	66
6.		2	27.11.2013	28.03.2014	107
7.		4	27.11.2013	12.02.2016	793
8.		11	24.11.2015	20.06.2017	560

Sumber: JPNS

Nota: * - Dikira Selepas 2 Minggu Daripada Tarikh Surat Tawaran

- iii. Analisis Audit mendapati perjanjian bagi lapan (8) daripada 13 peserta dengan Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017 lewat ditandatangani antara 57 hingga 793 hari. Kelewatan menandatangani perjanjian menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dapat dilindungi sekiranya peserta melanggar syarat perjanjian yang ditetapkan.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 27 Mac 2018

JPNS mengambil maklum perkara berbangkit. Tindakan penambahbaikan dengan menyemak dan memperincikan SOP berhubung proses pengambilan serta penamatan peserta. Selain itu, JPNS turut mengkaji semula tempoh menandatangani perjanjian yang akan dilaksanakan pada bulan April 2018.

Pada pendapat Audit, proses pengambilan peserta baharu dan penamatan peserta adalah tidak cekap di mana terdapat kelemahan dalam pengurusan program ini.

2.6.2.4. Pengurusan Penyewaan Lot TKPM

a. Penyewaan Lot

- i. Mengikut Artikel III, Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor yang ditandatangani pada 30 Oktober 2000, Kerajaan Negeri hendaklah menyewakan lot tanah TKPM kepada pihak swasta, usahawan dan petani yang berkecenderungan untuk mengusahakan aktiviti pertanian yang ditentukan. Kadar sewa yang ditetapkan adalah RM500 sehektar setahun.
- ii. Semakan Audit pada bulan November 2017 mendapati 292 lot atau 98.6% daripada 296 lot tanah TKPM telah disewakan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.10
PENYEWAAN LOT TANAH TKPM SETAKAT BULAN NOVEMBER 2017

BIL.	TKPM	JUMLAH LOT	LOT DISEWAKAN	LOT KOSONG
1.	Sungai Batangsi, Hulu Langat	13	10	3
2.	Semenyih, Hulu Langat	8	8	-
3.	Bukit Changgang, Kuala Langat	16	15	1
4.	Kundang, Kuala Langat	60	60	-
5.	Hulu Chuchuh, Sepang	30	30	-
6.	Sungai Blankan, Sepang	84	84	-
7.	Batu Arang, Gombak	43	43	-
8.	Sungai Panjang, Sabak Bernam	5	5	-
9.	Hulu Yam, Hulu Selangor	37	37	-
JUMLAH		296	292	4

Sumber: JPNS

- iii. Analisis Audit mendapati hanya empat (4) daripada 296 lot tanah TKPM adalah kosong dan masih belum disewakan berikutan tindakan penamatan peserta oleh JPNS, susulan daripada pelanggaran syarat penyewaan yang ditetapkan. Semakan lanjut mendapati tiga (3) peserta di TKPM Sungai Batangsi telah ditamatkan berkuatkuasa pada bulan Oktober 2017 manakala satu (1) lot kosong di TKPM Bukit Changgang telah ditamatkan sejak bulan Mei 2017. Pihak Audit mendapati JPNS sedang dalam proses pengambilan peserta baharu susulan kekosongan lot terlibat.

b. Lot Kumpulan Bimbingan Khas Serta Lot Penyelidikan dan Pembangunan di TKPM Hulu Chuchuh, Sepang

- i. Mengikut Artikel III Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor yang telah ditandatangani pada 30 Oktober 2000, Kerajaan Negeri berhak

menyewakan lot tanah dalam TKPM untuk mengendalikan aktiviti pertanian.

- ii. Semakan Audit mendapati sebahagian besar tanah seluas 115.80 hektar di TKPM Hulu Chuchuh yang diwartakan telah diusahakan dengan aktiviti pertanian. Bagaimanapun, terdapat lot tanah seluas 35.40 hektar (30.6%) di TKPM Hulu Chuchuh tidak disewakan untuk mengendalikan aktiviti pertanian. Semakan lanjut mendapati kawasan yang tidak disewakan tersebut adalah melibatkan masing-masing 40 lot tanah dengan keluasan 24 hektar dan 11 lot tanah seluas 11.40 hektar yang telah dijadikan lot tanah bagi Kumpulan Bimbingan Khas (KBK) dan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.11
LOT KUMPULAN BIMBINGAN KHAS SERTA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

BIL.	LOT	KELUASAN (Hektar)	JUMLAH LOT (Unit)	JUMLAH PENGUSAHA (Orang)
1.	KBK	24.00	40	24
2.	R&D	11.40	11	7
JUMLAH		35.40	51	31

Sumber: JPNS

- iii. Selain itu, semakan Audit berdasarkan senarai nama pengusaha di lot KBK dan R&D mendapati tiada perjanjian dibuat antara JPNS dengan 31 orang pengusaha dan tiada bayaran sewa dikenakan melibatkan kawasan seluas 35.40 hektar sejak daripada penubuhan TKPM Hulu Chuchuh pada tahun 1996 hingga bulan November 2017. Pemeriksaan fizikal Audit pada 29 November 2017 mendapati lot KBK dan R&D telah diusahakan dengan tanaman umbisi seperti lot lain yang disewakan kepada pengusaha di TKPM Hulu Chuchuh **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2** adalah berkaitan.

GAMBAR 2.1



TKPM Hulu Chuchuh, Sepang
- Sebahagian Daripada Lot Kumpulan
Bimbingan Khas
(29.11.2017)

GAMBAR 2.2



TKPM Hulu Chuchuh, Sepang
- Sebahagian Daripada Lot Penyelidikan
dan Pembangunan
(29.11.2017)

- iv. Berikutan tiada perjanjian ditandatangani dan syarat penggunaan lot KBK dan R&D seluas 35.40 hektar di TKPM Hulu Chuchuh tidak ditetapkan sejak tahun 1996 telah menyebabkan tiada sebarang sewa dikenakan ke atas pengusaha terlibat.
- v. Pihak Audit mendapati jumlah sewa tahunan menggunakan kadar RM500 sehektar berdasarkan keluasan lot tanah yang boleh disewakan di TKPM Hulu Chuchuh seluas 98.62 hektar daripada 115.80 hektar yang diwartakan adalah sejumlah RM49,310. Bagaimanapun, susulan lot KBK dan R&D seluas 35.40 hektar yang tidak disewakan sejumlah RM17,700 hasil sewa tidak dapat dipungut. Anggaran hasil sewa yang tidak dikenakan berdasarkan kadar sewa tahunan RM500 sehektar sejak tahun 1996 hingga 2017 adalah sejumlah RM389,400.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 27 Mac 2018

JPNS bercadang menjadikan Lot KBK dan R&D sebagai Projek Kelompok dan perjanjian sewaan akan disediakan dan ditandatangani antara JPNS dan peserta terlibat. Cadangan penambahbaikan ini akan diangkat untuk kelulusan Mesyuarat Pengurusan Dan Teknikal TKPM pada bulan April 2018.

Pada pendapat Audit, pengurusan Lot KBK dan R&D adalah tidak cekap kerana tiada perjanjian ditandatangani dan syarat penggunaan tanah ditetapkan serta bayaran sewa tidak dikenakan ke atas pengusaha.

c. Kutipan dan Tunggakan Sewa

- i. Mengikut perjanjian sewaan TKPM antara JPNS dengan peserta menyatakan kadar sewa yang perlu dibayar oleh peserta adalah RM500 sehektar setahun yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sejak bulan Januari 2002 dan perlu dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Tempoh sewaan ditetapkan adalah tidak melebihi 21 tahun. Selain itu, Kerajaan Negeri berhak mengkaji dan meminda kadar sewa mengikut keperluan dari semasa ke semasa.
- ii. Semakan Audit mendapati sehingga bulan November 2017, tunggakan sewa bagi lapan (8) TKPM bagi 247 daripada 285 peserta yang masih menyewa adalah berjumlah RM1.12 juta melibatkan tunggakan sewa bagi tahun 1998 hingga bulan November 2017. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.12
TUNGGAKAN SEWA SEHINGGA BULAN NOVEMBER 2017

BIL.	TKPM	BIL. PESERTA	TUNGGAKAN (RM)				JUMLAH (RM)
			1-4 TAHUN	5-8 TAHUN	9-12 TAHUN	MELEBIHI 12 TAHUN	
1.	Sungai Batangsi, Hulu Langat	9	32,573	17,800	510	-	50,883
2.	Semenyih, Hulu Langat	3	120	120	90	-	330
3.	Bukit Changgang, Kuala Langat	11	13,500	13,000	-	-	26,500
4.	Kundang, Kuala Langat	41	199,900	38,700	-	-	238,600
5.	Hulu Chuchuh, Sepang	19	34,837	14,000	19,350	14,350	82,537
6.	Sungai Blankan, Sepang	137	389,670	177,980	-	-	567,650
7.	Batu Arang, Gombak	25	99,000	14,600	2,500	-	116,100
8.	Sungai Panjang, Sabak Bernam	2	30,300	7,800	-	-	38,100
JUMLAH		247	799,900	284,000	22,450	14,350	1,120,700

Sumber: JPNS

- iii. Analisis Audit mendapati tunggakan tertinggi adalah melibatkan usia tunggakan antara tempoh satu (1) hingga empat (4) tahun iaitu sejumlah RM799,900. Selain itu, tunggakan sewaan paling lama adalah melibatkan tunggakan melebihi 12 tahun berjumlah RM14,350 di TKPM Hulu Chuchuh. Analisis lanjut terhadap kutipan sewaan tahunan di lapan (8) TKPM terpilih turut mendapati prestasi kutipan sewa adalah rendah iaitu antara 15.2% hingga 50.8%. *Trend* kutipan sewaan tahunan juga menunjukkan penurunan setiap tahun bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.13
TREND KUTIPAN SEWAAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN NOVEMBER 2017

TAHUN	KUTIPAN SEWA		PERATUS KUTIPAN (%)
	SEPATUTNYA TERIMA (RM)	TELAH TERIMA (RM)	
2014	363,567	184,547	50.8
2015	377,117	153,902	40.8
2016	379,117	109,497	28.9
2017	379,617	57,645	15.2

Sumber: JPNS

- iv. Kelemahan pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab dalam memastikan sewaan TKPM dibayar mengikut tempoh menyebabkan sewaan tahunan gagal dikutip dan tunggakan sewa semakin meningkat serta usaha memungut tunggakan sewa semakin sukar.

d. Tunggakan Sewaan Peserta Ditamatkan/Menarik Diri

- i. Seramai 32 peserta yang telah ditamatkan atau menarik diri dari menjadi peserta TKPM Sungai Batangsi, Semenyih, Bukit Changgang, Hulu Chuchuh, Batu Arang dan Sungai Panjang pada tahun 2011 hingga bulan November 2017.
- ii. Semakan Audit mendapati 25 daripada 32 peserta yang ditamatkan atau menarik diri dari menjadi peserta TKPM mempunyai tunggakan sewa berjumlah RM189,705 bagi tempoh 2003 hingga bulan November 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.14
TUNGGAKAN SEWA PESERTA DITAMATKAN
ATAU MENARIK DIRI SEHINGGA BULAN NOVEMBER 2017

BIL.	TKPM	NO. LOT	KELUASAN (Hektar)	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	TARIKH TAMAT	TEMPOH TUNGGAKAN
1.	Sungai Batangsi, Hulu Langat	10	4.14	14,490	30.10.2017	2011 - 2017
2.		12	3.60	7,200	30.10.2017	2011 - 2014
3.		13	3.81	5,715	30.10.2017	2008, 2016 - 2017
4.		11	4.06	4,060	31.10.2012	2011 - 2012
5.		8	4.07	4,070	31.10.2012	2011 - 2012
6.		4	3.97	4,170	31.10.2012	2009 - 2012
7.	Semenyih, Hulu Langat	1	6.00	12,000	15.03.2016	2011 - 2013, 2016
8.		2	6.00	18,000	07.10.2015	2011 - 2015
9.	Bukit Changgang, Kuala Langat	A2	1.00	2,500	22.05.2017	2013 - 2017
10.		F1, F2	2.00	2,000	21.11.2016	2015 - 2016
11.		F1, F2	2.00	500	09.02.2012	2012
12.		A4	1.00	500	30.03.2012	2012
13.		F5, F6	2.00	2,000	TM	2012 - 2013
14.		A3	1.00	500	12.10.2012	2012
15.	Hulu Chuchuh, Sepang	A1	2.00	4,000	20.02.2014	2011 - 2014
16.		C1, C2	4.00	13,000	04.02.2015	2007 - 2014
17.		A4	2.00	4,000	20.02.2014	2011 - 2014
18.	Batu Arang, Gombak	TM	1.00	500	09.06.2015	2014
19.		11	4.00	2,000	09.06.2015	2014
20.		28 & 29 (F1)	4.00	18,000	30.12.2011	2003 - 2011
21.		24, 25	4.00	18,500	TM	2006 - 2015
22.		1 & 6	4.00	14,000	TM	2003 - 2009
23.		26C & 27	4.00	16,000	30.12.2011	2003 - 2011
24.		8, 9	4.00	20,000	30.12.2011	2003 - 2011
25.		2 (F2)	4.00	2,000	TM	2013
JUMLAH			81.65	189,705		

Sumber: JPNS

Nota: TM – Tiada Maklumat

- iii. Pihak Audit turut mendapati surat penamatan yang dikemukakan oleh JPNS kepada 13 peserta yang mempunyai tunggakan sewaan sejumlah RM82,300 tidak menyatakan jumlah tunggakan yang perlu dijelaskan. Selain itu, tiada tindakan susulan diambil bagi mendapatkan semula tunggakan sewaan daripada peserta yang telah ditamatkan atau menarik diri. Tunggakan sewa yang tidak dikutip semula daripada peserta yang telah ditamatkan atau menarik diri ini adalah suatu kerugian kepada Kerajaan.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 27 Mac 2018

JPNS mengambil maklum perkara berbangkit dan surat peringatan telah dikeluarkan berhubung jumlah tunggakan sewa. Sehingga bulan Mac 2018, sejumlah RM234,758 bayaran tunggakan sewa telah diterima.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan sewaan TKPM adalah tidak cekap berikutan tempoh tunggakan yang lama dan prestasi kutipan sewa tahunan yang rendah. Selain itu, tiada mekanisme untuk tindakan awal dan tindakan susulan dibuat bagi mengutip semula tunggakan daripada peserta yang telah ditamatkan atau menarik diri.

e. Perbezaan Kadar Sewa pada Rekod Pembayaran Sewaan TKPM

- i. Semakan Audit terhadap rekod pembayaran sewa berbanding perjanjian sewaan TKPM mendapati 14 peserta yang terdiri daripada dua (2) peserta TKPM Bukit Changgang, 10 peserta TKPM Sungai Blakan dan dua (2) peserta TKPM Hulu Chuchuh telah terkurang rekod kadar bayaran sewa setahun berjumlah RM3,040 setahun. Manakala tujuh (7) peserta TKPM Sungai Blakan terlebih rekod kadar bayaran sewa setahun berjumlah RM1,845 setahun berbanding jumlah yang perlu dibayar mengikut keluasan lot di dalam perjanjian. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.15
PERBEZAAN REKOD BAYARAN SEWA DENGAN KADAR SEWA DI PERJANJIAN

BIL.	TKPM	NO. LOT	PERJANJIAN		BAYARAN SEWA SETAHUN (RM)			JUMLAH PERBEZAAN SEHINGGA TAHUN 2017 (RM)
			TARIKH	KELUASAN (Hektar)	SEPATUT	SEBENAR	PERBEZAAN	
KURANG REKOD KADAR BAYARAN SEWA TAHUNAN								
1.	Bukit Changgang, Kuala Langat	B6,B7,B8	23.07.2010	6.00	3,000	2,500	500	3,000
2.		F3,F4	23.07.2010	4.00	2,000	1,000	1,000	6,000

BIL.	TKPM	NO. LOT	PERJANJIAN		BAYARAN SEWA SETAHUN (RM)			JUMLAH PERBEZAAN SEHINGGA TAHUN 2017 (RM)
			TARIKH	KELUASAN (Hektar)	SEPATUT	SEBENAR	PERBEZAAN	
3.	Sungai Blankan, Sepang	39,50	01.03.2011	4.84	2,420	2,400	20	100
4.		18,54	01.03.2011	8.08	4,040	4,020	20	100
5.		9	01.03.2011	2.02	1,010	600	410	2,050
6.		26	01.03.2011	1.20	600	400	200	1,000
7.		88,53	01.03.2011	4.84	2,420	2,400	20	100
8.		62,66, 87	01.03.2011	4.04	2,020	2,000	20	100
9.		70,89, 90, 91	01.03.2011	7.27	3,635	3,620	15	75
10.		82	01.03.2011	1.20	600	400	200	1,000
11.		64,66	01.03.2011	1.80	900	800	100	500
12.		27	01.03.2011	1.20	600	400	200	1,000
13.	Hulu Chuchuh, Sepang	B1, C14	01.11.1997	4.00	2,000	1,675	325	6,500
14.		B2	01.03.2011	2.02	1,010	1,000	10	50
JUMLAH KURANGAN					26,255	23,215	3,040	21,575
LEBIH REKOD KADAR BAYARAN SEWA TAHUNAN								
1.	Sungai Blankan, Sepang	79,89	07.10.2010	5.20	2,600	2,715	115	690
2.		30,33, 77,78	01.03.2011	9.60	4,800	5,445	645	3,225
3.		75,79	01.03.2011	3.00	1,500	1,515	15	75
4.		10	01.03.2011	2.02	1,010	2,020	1,010	5,050
5.		34,43	01.03.2011	4.40	2,200	2,220	20	100
6.		55	01.03.2011	4.00	2,000	2,020	20	100
7.		57,67	01.03.2011	4.80	2,400	2,420	20	100
JUMLAH LEBIHAN					16,510	18,355	1,845	9,340

Sumber: JPNS

- ii. Perkara ini berlaku berikutan penyelenggaraan rekod yang lemah dan kesilapan pegawai bertanggungjawab merekod maklumat pembayaran sewa serta tidak mengikut keluasan di dalam perjanjian yang telah ditandatangani. Kesan daripada perbezaan rekod pembayaran sewa berbanding kadar yang sepatutnya dikenakan oleh peserta TKPM mengikut perjanjian menyebabkan rekod tunggakan dan notis tunggakan yang dikeluarkan kepada peserta adalah tidak tepat. Analisis Audit mendapati jumlah hasil sewa terkurang dikutip sepanjang tempoh penyewaan sehingga tahun 2017 berbanding anggaran dalam tempoh yang sama bagi TKPM Bukit Changgang, Sungai Blankan dan Hulu Chuchuh adalah berjumlah RM21,575 manakala jumlah hasil sewa terlebih dikutip berjumlah RM9,340 bagi TKPM Sungai Blankan.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 27 Mac 2018

JPNS telah mengambil tindakan mengemas kini kadar kenaikan sewa pada rekod sewa TKPM. Selain itu, JPNS juga telah mengambil tindakan mengeluarkan surat terkurang tuntutan kadar sewa kepada peserta terlibat.

Pada pendapat Audit, kelemahan pengurusan rekod dan ketidakcekan pegawai telah menyebabkan terdapat perbezaan pada rekod kadar sewaan berbanding kadar sewa dalam perjanjian yang ditandatangani dan menjejaskan ketepatan rekod tunggakan.

2.6.2.5. Lot Tanaman Peserta Tidak Disenggarakan Mengikut Syarat Perjanjian

- a. Penyelia TKPM di daerah terdiri daripada kakitangan JPNS daerah berkenaan yang bertanggungjawab melaksana dan memantau kemajuan peserta di tapak dari semasa ke semasa serta melaporkan perkara yang perlu diambil tindakan oleh peserta kepada Pegawai Pertanian Daerah. Penyelia juga berperanan mengenal pasti keperluan infrastruktur dan penyenggaraan TKPM. Selain itu, berdasarkan klausa 4.4 dan 4.6 dalam perjanjian peserta dikehendaki menjaga kebersihan lot dan mengusahakan lot yang disewa untuk tanaman seperti diluluskan serta mematuhi undang-undang Kerajaan berkaitan dengan alam sekitar.
- b. Pemeriksaan fizikal terhadap sembilan (9) TKPM terpilih mendapati lot tanaman telah diusahakan dan disenggarakan oleh peserta kecuali tiga (3) lot tanaman di TKPM Sungai Panjang dan masing-masing satu (1) lot tanaman di TKPM Sungai Batangsi dan Kundang. Pemeriksaan Audit ke tapak TKPM terlibat mendapati peserta tidak menguruskan lot tanaman dengan sempurna kerana kawasan tanaman ditumbuhi lalang, rumput tidak diracun serta dipenuhi semak samun adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.3



GAMBAR 2.4



**TKPM Sungai Panjang, Sabak Bernam
- Lot Tanaman Kelapa Dipenuhi Lalang
(08.11.2017)**

GAMBAR 2.5



**TKPM Sungai Batangsi, Hulu Langat
- Lot Tanaman Nangka Dipenuhi Lalang
(13.11.2017)**

GAMBAR 2.6



**TKPM Kundang, Kuala Langat
- Lot Tanaman Umbisi Dipenuhi Lalang
(28.11.2017)**

- c. Berdasarkan temu bual bersama penyelia TKPM, sungguhpun pemantauan ada dilakukan namun tiada tatacara yang khusus seperti jadual berkala pemantauan, senarai semak pemantauan serta laporan pemantauan didokumenkan. Selain itu, pihak Audit turut mendapati mesyuarat utama bagi membincangkan masalah berbangkit berkaitan pengurusan TKPM iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Teknikal TKPM Negeri Selangor juga tidak dijalankan secara berkala. Pihak Audit mendapati mesyuarat hanya diadakan sekali sahaja setahun bagi tahun 2015, 2016 dan 2017. Oleh yang demikian pemantauan secara menyeluruh dan tindakan segera tidak dapat diambil dengan berkesan.
- d. Selain itu, temu bual bersama penyelia TKPM turut menjelaskan keadaan lot tanaman tidak disenggarakan adalah berikutan peserta tidak menguruskan lot tanaman mengikut klausa perjanjian di mana peserta perlu menjaga kebersihan lot tanah yang disewa. Semakan Audit ke atas minit Mesyuarat Pemantauan *Outcome/Impak* TKPM mendapati, masalah pengurusan pekerja asing yang dihadapi oleh peserta turut menjejaskan penyenggaraan lot tanaman. Penyenggaraan yang tidak teratur ini boleh menjejaskan kualiti dan kuantiti hasil tanaman.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 27 Mac 2018

TKPM Sungai Panjang dan Kundang telah mengambil tindakan terhadap kerja penyenggaraan di lot tanaman yang terlibat. Bagi TKPM Sungai Batangsi pula, surat peringatan telah dikeluarkan kepada peserta berkenaan. Selain itu, JPNS mengambil maklum berhubung kekerapan mesyuarat utama TKPM dan telah mengambil tindakan menyediakan jadual perancangan mesyuarat secara berkala.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan lot tanaman oleh peserta TKPM telah disenggarakan mengikut syarat perjanjian yang ditetapkan kecuali bagi

tiga (3) lot tanaman di TKPM Sungai Panjang serta masing-masing satu (1) lot tanaman di TKPM Sungai Batangsi dan Kundang berikutan kurang kesungguhan dalam mengusahakan lot tanaman.

2.6.3. Pematuhan Terhadap Syarat Pelaksanaan Program, Perjanjian Sewaan dan Peraturan Kewangan

Beberapa aspek ketidakpatuhan syarat pelaksanaan program, perjanjian sewaan dan peraturan kewangan diperhatikan seperti berikut:

2.6.3.1. Pengurusan Tanah

a. Pewartaan Tanah

- i. Mengikut Artikel II, Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor yang telah ditandatangani pada 30 Oktober 2000, Kerajaan Negeri hendaklah mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk dijadikan Taman Kekal Pengeluaran Makanan atau Taman Teknologi Pertanian dan mewartakan bagi kegunaan tersebut.
- ii. Semakan Audit mendapati tanah bagi lapan (8) daripada 14 TKPM yang dibangunkan telah diwartakan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan atau Taman Agroteknologi antara tahun 2009 hingga 2016. Manakala TKPM Bestari Jaya dan Hulu Yam di Daerah Hulu Selangor telah dibangunkan di atas tanah milik syarikat berkaitan Kerajaan Negeri iaitu Kumpulan Darul Ehsan Bhd. (KDEB) dan Permodalan Negeri Selangor Bhd. (PNSB) masing-masing pada tahun 1998 dan 2006. Ini bertentangan dengan Artikel II, Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor menetapkan tanah yang dipilih hendaklah diwartakan bagi pembangunan TKPM.
- iii. Selain itu, semakan turut mendapati tanah yang dibangunkan di TKPM Sungai Kelambu seluas 80 hektar adalah merupakan sebahagian daripada Rizab Hutan Simpan Kuala Langat manakala tanah di TKPM Kalumpang seluas 20 hektar merupakan sebahagian daripada tanah yang telah dirizabkan sebagai Pusat Latihan Pertanian Negeri Selangor. Tanah di TKPM Serdang, Petaling dan TKPM Jalan Kebun, Klang adalah hak milik Kerajaan Persekutuan di bawah tanggungjawab Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

b. Permit Penggunaan Tanah Bagi TKPM Sungai Kelambu, Kuala Langat

- i. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) telah bersetuju mewartakan sebahagian kawasan rizab hutan di Sungai Kelambu sebagai TKPM pada bulan September 2002. Bagaimanapun, permohonan pewartaan tanah TKPM seluas 80 hektar di kawasan rizab Hutan Simpan Daerah Kuala Langat Selatan oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor tidak dapat dipertimbangkan oleh Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Langat pada bulan November 2011 kerana tanah berkenaan merupakan sebahagian rizab Hutan Simpan Daerah Kuala Langat.
- ii. Susulan kegagalan mewartakan tanah TKPM Sungai Kelambu yang terletak dalam rizab Hutan Simpan Daerah Kuala Langat, maka sebarang aktiviti yang dilaksanakan dalam hutan simpan tersebut adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 32, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menjalankan Program Pemutihan Ke Atas Penerokaan Hutan Secara Haram dan mencadangkan kelulusan Permit Penggunaan mengikut peraturan yang berkuatkuasa berhubung aktiviti pertanian melibatkan peserta TKPM Sungai Kelambu.
- iii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah mengemukakan permohonan Permit Penggunaan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di bawah program pemutihan yang dicadangkan bagi pihak 19 peserta TKPM Sungai Kelambu pada bulan November 2016. Sehingga bulan November 2017, Permit Penggunaan tersebut masih belum diluluskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor kerana masih dalam siasatan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor antara lain berikutan senarai peserta TKPM yang diragui.

Maklum Balas Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang Diterima pada 29 Mac 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor memaklumkan kertas cadangan bagi Kelulusan Permit Penggunaan melalui Program Pemutihan Pencerobohan dan Penerokaan Secara Haram di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan ditangguhkan sehingga selesai siasatan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Pada pendapat Audit, status tanah dan Permit Penggunaan di TKPM Sungai Kelambu yang masih belum dimuktamadkan merupakan

kehilangan hasil kepada Kerajaan berikutan kenaikan sewa dan permit tidak dapat dikutip daripada peserta.

c. Pengurangan Sewaan TKPM Tanpa Kelulusan Kerajaan Negeri

- i. Klausula 3.3 Perjanjian sewaan menetapkan kadar sewa yang perlu dibayar oleh setiap peserta adalah berjumlah RM500 sehektar setahun. Manakala klausula 3.4 dalam perjanjian yang sama menetapkan Kerajaan Negeri berhak mengkaji dan meminda kadar sewaan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.
- ii. Semakan Audit mendapati empat (4) daripada lima (5) peserta di TKPM Sungai Panjang, Sabak Bernam telah membuat permohonan pengurangan kadar bayaran sewa tahunan berjumlah RM12,250 berbanding RM26,100 seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Ini berikutan keluasan tanah sebenar yang boleh diusahakan oleh peserta berkurangan setelah mengambil kira keluasan kolam dan tanah yang digunakan untuk meninggikan batas bagi mengelakkan banjir.
- iii. Pihak Audit mendapati Pegawai Pertanian Daerah (PPD) Sabak Bernam telah membuat permohonan berhubung pengurangan kadar sewa yang dimohon oleh peserta kepada Pengarah JPNS pada bulan Januari 2012. Bagaimanapun, tiada maklum balas diterima berhubung permohonan tersebut sehingga bulan November 2017.
- iv. Semakan Audit selanjutnya berdasarkan rekod bayaran sewaan peserta di TKPM Sungai Panjang turut mendapati, bayaran sewaan tahunan bagi empat peserta tersebut telah mengguna pakai kadar sewa yang telah dikurangkan tanpa kelulusan Kerajaan Negeri sejak tahun 2010 hingga bulan November 2017.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 27 Mac 2018

JPNS mengambil maklum perkara berbangkit dan mengambil tindakan mengemukakan surat permohonan berhubung pengurangan kadar sewa peserta di TKPM Sungai Panjang untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, kutipan hasil berdasarkan kadar sewa yang tidak diluluskan di TKPM Sungai Panjang perlu dikaji semula memandangkan kekangan kawasan pertanian yang diusahakan. Permohonan pengurangan kadar hendaklah dibawa kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan selanjutnya.

2.6.3.2. Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan

a. Pelaporan Akaun Belum Terima

- i. Pekeliling 1PP - WP 10.6 mengenai Penyelenggaraan dan Pelaporan Akaun Belum Terima menetapkan Akaun Belum Terima (ABT) adalah hasil atau pendapatan yang berpunca daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Pelbagai Terimaan yang sepatutnya telah diterima tetapi belum diterima oleh Kerajaan. Semua Laporan ABT pada 30 Jun hendaklah dikemukakan kepada Bendahari Negeri selewat-lewatnya pada 31 Ogos tahun semasa. Manakala Laporan ABT pada 31 Disember hendaklah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun berikutnya. Jabatan yang tidak mempunyai ABT pada tarikh laporan, dikehendaki mengemukakan penyata berkenaan yang memaklumkan tiada ABT pada tempoh tersebut.
- ii. Semakan Audit berdasarkan Laporan ABT pada 30 Jun 2017 bagi lapan (8) TKPM yang disahkan oleh Pegawai/Penolong Pegawai Pertanian Daerah serta dikemukakan kepada Bendahari Negeri Selangor mendapati laporan ABT berkenaan menunjukkan Tiada Akaun Belum Terima direkodkan. Bagaimanapun, semakan lanjut berdasarkan rekod pembayaran sewa mendapati, tunggakan sebenar sewa TKPM adalah berjumlah RM1.25 juta pada 30 Jun 2017 dan ini bertentangan dengan pelaporan ABT yang telah dikemukakan kepada Bendahari Negeri.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 27 Mac 2018

JPNS mengambil maklum perkara berbangkit dan mengambil tindakan melaporkan tunggakan sewa TKPM dalam Laporan ABT pada 31 Disember 2018 kepada Bendahari Negeri.

Pada pendapat Audit, ketidaktepatan pelaporan Akaun Belum Terima kepada Bendahari Negeri akan menjejaskan kesahihan Penyata ABT Kerajaan Negeri.

b. Terimaan Sewa Lewat Dibankkan

- i. Arahan Perbendaharaan (AP) 78(a)(i) dan (ii) menetapkan pungutan tunai (kertas & syiling) melebihi RM500 atau jumlah pungutan (termasuk tunai, cek, wang pos, dan kiriman wang) melebihi RM2,000 yang ada di tangan perlulah dimasukkan ke dalam bank pada hari itu juga. Sekiranya

pungutan lewat, ia hendaklah dilakukan pada keesokan harinya. AP 78(b) menetapkan semua terimaan yang belum lagi dimasukkan ke bank hendaklah dibankkan pada hari kerja akhir dalam tempoh akaun bulanan.

- ii. Semakan Audit terhadap Penyata Pemungut bagi terimaan pada tahun 2014 hingga bulan November 2017 mendapati sebanyak 17 terimaan telah lewat dibankkan antara tujuh (7) hingga 181 hari berjumlah RM40,150.

Pada pendapat Audit, terimaan kutipan sewa yang lewat dibankkan merupakan penyimpangan terhadap peraturan.

c. Perbelanjaan yang Tidak Dibenarkan

- i. Mengikut belanjawan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan RMKe-11 bagi perbelanjaan pembangunan TKPM, anggaran kos pembangunan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri adalah meliputi kos menaik taraf infrastruktur dan menyediakan kemudahan asas seperti jalan ladang, perparitan dan sistem pengairan dan lain-lain kemudahan seperti stor MyGAP, bekalan elektrik serta air bersih. Kos pembangunan TKPM yang diperuntukkan juga turut melibatkan kos baik pulih kesuburan tanah seperti pembelian baja organik dan pembinaan bangsal bagi penyediaan baja kompos.
- ii. Semakan Audit mendapati 11 pembayaran berjumlah RM86,822 (5.08%) daripada RM1.71 juta merupakan perbelanjaan yang tidak dibenarkan kerana tidak digunakan bagi tujuan pembangunan infrastruktur, kemudahan asas dan baik pulih kesuburan tanah seperti yang ditetapkan. Kesemua perbelanjaan tersebut bagaimanapun tidak diberikan kelulusan khas oleh Ketua Jabatan untuk maksud peruntukan yang dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.16
PERBELANJAAN BUKAN UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR TKPM

BIL.	BAUCAR BAYARAN		PERIHAL PERBELANJAAN	AMAUN (RM)
	NOMBOR	TARIKH		
1.	V0001332	19.05.2014	Membekal baja fertigasi di Pusat Pembangunan Komoditi Serdang, Kompleks Pertanian Serdang	16,842
2.	V0003483	19.09.2014	Membekal dan menanam pelbagai jenis pokok di Pusat Informasi TKPM Hulu Yam	3,980
3.	V0004415	10.11.2014	Membekalkan makan minum bagi latihan pementapan vokal kumpulan koir JPNS	1,280
4.	V0005023	15.12.2014	Membekal pasu jenis plastik ke Pusat Pertanian Daerah Kuala Langat	2,800
5.	V0005057	15.12.2014	Membekalkan dan menghantar keperluan Mesyuarat Pemeriksaan Bajet JPNS	4,100

BIL.	BAUCAR BAYARAN		PERIHAL PERBELANJAAN	AMAUN (RM)
	NOMBOR	TARIKH		
6.	V0005371	22.12.2014	Membekalkan racun kulat ke Pejabat Pertanian Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor	10,350
7.	V0005539	22.12.2014	Membekal bahan RND pertanian bandar, hidroponik, bio organik dan lain-lain ke Pejabat Pertanian Daerah Gombak/Petaling	16,625
8.	V0005704	25.12.2014	Membekal dan memasang gril pintu, gril tingkap dan <i>awning</i> di Pusat Pertanian Daerah Klang	6,490
9.	V0005003	17.12.2015	Membekalkan alat <i>knapsack sprayer</i> (penyembur racun) kepada petani di TKPM Hulu Yam	6,930
10.	V0005026	17.12.2015	Kerja menanam pelbagai pokok herba dan landskap di Pejabat Informasi TKPM Hulu Yam	9,950
11.	V0005187	21.12.2015	Membekalkan racun rumpai <i>Ammo Supreme</i> di TKPM Sungai Panjang	7,475
JUMLAH				86,822

Sumber: JPNS

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 27 Mac 2018

JPNS mengambil maklum dan akur dengan teguran Audit serta telah mengedarkan Standard Operating Procedure (SOP) perbelanjaan kepada semua Pegawai Pertanian Daerah bagi mengelakkan salah faham berhubung penggunaan peruntukan TKPM.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan bagi pembangunan TKPM adalah bertentangan dengan peraturan kerana ia tidak dibelanjakan bagi menaik taraf kemudahan infrastruktur seperti yang ditetapkan.

2.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan program TKPM di masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Pertanian Negeri Selangor mengambil tindakan seperti berikut bagi meningkatkan prestasi dan tahap kecekapan pengurusan program TKPM:

2.7.1. meningkatkan pemantauan dan menjalankan penilaian semula secara menyeluruh berhubung pembahagian keluasan tanah yang disewakan kepada peserta bagi memastikan peserta mampu menjana pendapatan bersih RM3,000 sebulan selaras dengan objektif yang ditetapkan;

2.7.2. menggalakkan peserta untuk memperoleh pensijilan MyGAP dan bantuan teknikal supaya produk pertanian yang dihasilkan berkualiti dan dapat berdaya saing dalam pasaran tempatan dan global;

2.7.3. menambah baik dan memperincikan prosedur operasi standard (SOP) berhubung aspek pengambilan dan penamatan peserta agar kecekapan pengurusan program dapat dipertingkatkan;

2.7.4. tindakan perlu diambil untuk mendapatkan serta menuntut kembali sewa yang terkurang kutip serta tertunggak daripada peserta yang telah menarik diri atau ditamatkan kontrak; dan

2.7.5. mewujudkan mekanisme pemantauan yang terperinci terhadap pelaksanaan program dan perancangan perbelanjaan yang teratur bagi memastikan perbelanjaan dibuat mengikut maksud peruntukan yang ditetapkan.

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

3. PENGURUSAN HARTANAH

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Berdasarkan Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan satu entiti Pertubuhan Perbadanan (*corporate body*). Manakala menurut Seksyen 7(1) Enakmen yang sama antara lain turut menyatakan MAIS berkewajipan untuk menggalakkan dan mengusahakan ekonomi serta sosial masyarakat Islam di negeri Selangor selaras dengan hukum syarak. Bagi menunaikan kewajibannya, MAIS menjalankan juga aktiviti komersial dan perindustrian serta kegiatan komersial secara usaha sama yang melibatkan hartanah.

3.1.2. MAIS melalui Sektor Hartanah telah menyusun strategi memperkasa ekonomi serta pengurusan harta melalui pembangunan hartanah miliknya yang terdiri daripada tanah, bangunan dan sumber-sumber di atasnya untuk mencapai misi dalam membangunkan ekonomi ummah di Negeri Selangor. Mengikut Senarai Tanah MAIS setakat 31 Disember 2017, MAIS memiliki 151 bidang tanah bernilai RM848.66 juta dengan keluasan berjumlah 674.59 ekar di seluruh negeri Selangor yang diperoleh daripada pemberimilikan oleh Kerajaan Negeri Selangor, pembahagian faraid, zakat dan pembelian hartanah. Kesemua hartanah tersebut telah didaftarkan sebagai hak milik MAIS dan maklumat berkenaan juga telah direkodkan dengan lengkap dalam sistem yang dibangunkan sendiri oleh MAIS iaitu Sistem Maklumat Bergeografi (GIS). Butiran lanjut mengenai jumlah hartanah MAIS adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.1
JUMLAH HARTANAH MAIS SETAKAT 31 DISEMBER 2017

PEROLEHAN HARTANAH	JUMLAH HARTANAH (Lot)	KELUASAN (Ekar)	NILAI HARTANAH (RM Juta)
Pemberimilikan Oleh Kerajaan Negeri Selangor	89	561.92	790.94
Faraid	33	72.61	25.15
Zakat	23	28.17	0.66
Pembelian	6	11.89	31.91
JUMLAH	151	674.59	848.66

Sumber: MAIS

3.1.3. MAIS telah menjalankan projek pembinaan rumah dan bangunan komersial serta institusi untuk kegunaan masyarakat dan aktiviti keagamaan bagi hartanah yang dibangunkan. Projek yang telah siap dibina akan disewakan kepada pihak

swasta dan individu atau diserahkan bagi kegunaan kemasyarakatan dan agama seperti rumah mualaf, rumah anak yatim, masjid dan institusi pendidikan. Bagi tanah yang kosong pula, MAIS membuka tawaran untuk disewa atau diusahakan oleh pihak ketiga. Selain tanah, MAIS memiliki hartanah lain seperti premis komersial yang disewakan untuk menjana pendapatan.

3.1.4. Merujuk kepada objektif MAIS, Sektor Hartanah diberi peranan untuk merancang, melaksana dan menguruskan hartanah MAIS supaya mendatangkan pulangan kepada MAIS secara optimum serta menguruskan projek pembangunan, penyenggaraan dan kontrak perkhidmatan secara terancang, cekap dan berkesan.

3.1.5. Sektor Hartanah MAIS terdiri daripada dua (2) bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) dan Bahagian Pengurusan Projek (BPP). BPH berfungsi untuk menguruskan pelaburan dan pengurusan hartanah MAIS secara sistematik dan komprehensif, manakala BPP pula merancang dan mengurus projek pembangunan dalam memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual dan mengurus penyenggaraan bangunan milik MAIS supaya dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan serta dapat memberi keselesaan kepada pelanggan dan mematuhi syariah.

3.2. OBJEKTIF AUDIT

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan hartanah MAIS telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama iaitu prestasi pembangunan hartanah dan pengurusan hartanah. Prestasi hartanah dinilai berdasarkan prestasi projek pembangunan dan prestasi pengurusan hartanah. Pengurusan hartanah pula adalah meliputi hartanah dimanfaatkan sepenuhnya, sewaan hartanah, hartanah untuk dijual, pencapaian *outcome* projek, perancangan dan pelaksanaan projek, pentadbiran kontrak serta pemantauan projek dan hartanah. Pengauditan ini dijalankan di enam (6) daerah iaitu Petaling, Gombak, Klang, Hulu Langat, Sabak Bernam dan Hulu Selangor meliputi pengurusan hartanah MAIS bagi tahun 2014 hingga 2017.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail, dokumen kontrak dan dokumen hartanah lain yang berkaitan bagi 62 (41.1%) daripada 151 lot hartanah melibatkan 14 tanah dan 48 premis serta 50 (10.4%) daripada 480 fail sewaan premis. Lawatan fizikal juga dijalankan di 62 lokasi hartanah di sekitar Daerah Petaling,

Gombak, Klang, Hulu Langat, Sabak Bernam dan Hulu Selangor dengan kerjasama pegawai MAIS untuk mengesahkan kewujudan dan keadaan sebenar hartanah. Selain itu, temu bual bersama pegawai MAIS juga turut dilaksanakan bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh.

3.5. RUMUSAN AUDIT

3.5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut.

a. Prestasi Pembangunan dan Pengurusan Hartanah

Prestasi pembangunan dan pengurusan hartanah meliputi tiga (3) perkara iaitu menyiapkan setiap projek pembangunan mengikut tempoh ditetapkan, mencapai 80% hingga 90% bilangan premis yang disewakan serta memastikan sekurang-kurangnya 90% sewaan hartanah berjaya dikutip berbanding dengan sasaran hasil sewaan. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2017 mendapati dua (2) daripada tiga (3) perkara tersebut tidak disiapkan dalam tempoh ditetapkan iaitu hanya 83.3% projek pembangunan dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan serta kutipan hasil hartanah bagi tempoh 2015 dan 2016 masing-masing hanya mencapai 78.8% dan 89.7%. Selain itu bilangan premis yang disewakan telah mencapai sasaran pada tahun 2015 dan 2017 iaitu masing-masing sebanyak 93.1% dan 90.2%.

b. Pengurusan Hartanah dan Pembangunan

Pengurusan hartanah MAIS daripada aspek perancangan dan pemantauan projek serta penyenggaraan premis adalah baik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek sewaan dan penjualan, pencapaian *outcome* projek, pentadbiran kontrak dan pemantauan yang menjejaskan tahap kecekapan pengurusan hartanah MAIS.

3.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut.

- i. sebanyak 45 (9.8%) daripada 461 premis tidak disewakan antara empat (4) hingga 69 bulan menyebabkan MAIS kehilangan hasil sewaan hartanah berjumlah RM9.06 juta;
- ii. berlaku peningkatan tunggakan hasil sewaan antara RM145,405 hingga RM290,803 bagi tahun 2014 hingga 2016 serta tunggakan hasil sewaan sebelum tahun 2000 yang tidak dapat dikesan penyewanya berjumlah RM171,808;

- iii. terdapat hartanah masih belum berjaya dijual selama empat (4) hingga 29 bulan dari tarikh kelulusan penjualan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MAIS;
- iv. sebanyak enam (6) daripada tujuh (7) projek telah beroperasi kecuali Baitul Islah yang masih belum beroperasi selama 434 hari dari tarikh Perakuan Kerja Siap;
- v. kualiti pembinaan bagi dua (2) projek yang siap dibina pada tahun 2016 dan 2017 adalah kurang memuaskan;
- vi. semua dokumen kontrak projek pembangunan telah lewat ditandatangani antara 63 hingga 1,122 hari dari tempoh yang ditetapkan; dan
- vii. pengurusan pemantauan hartanah kurang berkesan kerana masih berlaku pencerobohan tanah di Daerah Gombak dan Klang.

3.5.3. Selain daripada isu prestasi di atas, terdapat beberapa isu pematuan syarat kontrak dan peraturan kewangan seperti berikut:

- i. tiada penguatkuasaan dilaksanakan terhadap pelanggaran kontrak oleh penyewa premis; dan
- ii. berlaku pertindihan hak milik bagi sebahagian lot tanah di Daerah Gombak.

3.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas Majlis Agama Islam Selangor dibincangkan dalam *exit conference* pada 12 April 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

3.6.1. Prestasi Pembangunan dan Pengurusan Hartanah

Berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005, agensi Kerajaan disarankan supaya menyerapkan budaya kerja berasaskan prestasi bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan sejajar dengan visi, misi dan objektif agensi. Hasil pengukuran prestasi tersebut akan memberikan gambaran mengenai penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan mencapai objektif. Semakan Audit terhadap prestasi pembangunan dan pengurusan hartanah mendapati perkara seperti berikut:

3.6.1.1. Prestasi Projek Pembangunan

- a. Berdasarkan kepada dokumen *Cascading Key Performance Indicator* (KPI) MAIS, setiap projek pembangunan hendaklah disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

- b. Pada tahun 2014 hingga 2017, MAIS telah melaksanakan tujuh (7) projek pembangunan yang mana enam (6) telah siap dibina dan satu (1) masih dalam pembinaan iaitu projek pembangunan Residensi Villa Ros yang dijadualkan siap pada 28 Februari 2019. Semakan Audit mendapati lima (5) (83.3%) dari enam (6) projek telah siap dibina mengikut tempoh yang ditetapkan, manakala satu (1) projek lewat disiapkan selama 15 hari selepas tarikh lanjutan masa yang diluluskan. Pihak Audit turut mendapati tempoh penyiapan projek adalah antara satu (1) hingga enam (6) tahun. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.2
STATUS PROJEK PEMBANGUNAN MAIS BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

BIL.	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH SEBENAR SIAP	BIL. LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN	TEMPOH PENYIAPAN SEBENAR (Tahun)
1.	Baitul Islah	5.00	15.04.2010	15.08.2011	28.09.2016	6	6
2.	Baitul Iman (Fasa 1)	5.00	15.07.2010	14.07.2011	09.05.2012	2	2
3.	Baitul Hikmah	6.50	01.08.2012	31.07.2014	15.02.2017	3	5
4.	Baitus Salam	6.82	01.04.2011	01.12.2014	30.04.2015	1	4
5.	Baitun Naim	0.71	15.03.2012	15.03.2013	15.03.2013	TB	1
6.	Baitul Iman (Fasa 2)	3.90	01.12.2012	01.12.2014	01.12.2014	TB	2
7.	Residensi Villa Ros	71.5	31.05.2017	28.02.2019	TB	TB	TB

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: TB – Tidak Berkenaan

- c. Semakan lanjut terhadap empat (4) projek yang siap dengan lanjutan masa mendapati bilangan lanjutan masa yang diluluskan oleh MAIS adalah antara satu (1) hingga enam (6) kali lanjutan masa melibatkan tempoh antara 183 hingga 1904 hari dengan jumlah tambahan kos projek berjumlah antara RM427,740 hingga RM4.11juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.3
LANJUTAN MASA PROJEK PEMBANGUNAN MAIS BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

BIL.	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)			LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN		ANTARA SEBAB KELULUSAN LANJUTAN MASA
		Asal	Sebenar	Perbezaan	Bilangan	Tempoh (Hari)	
1.	Baitul Islah	5.00	9.11	4.11	6	1904	i. Masalah cuaca ii. Penambahan kerja skop yang melibatkan rawatan cerun iii. Pindaan Kebenaran Merancang iv. Proses kelulusan semula Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur, serta permohonan kelulusan berkaitan IWK, SYABAS, JPS, dan LUAS.
2.	Baitul Hikmah	6.50	6.93	0.43	3	914	i. Masalah cerun yang menyebabkan kedudukan

BIL.	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)			LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN		ANTARA SEBAB KELULUSAN LANJUTAN MASA
		Asal	Sebenar	Perbezaan	Bilangan	Tempoh (Hari)	
							bangunan perlu dipinda dan Kebenaran Merancang di hantar untuk kelulusan semula ii. Kelewatan mendapat bekalan elektrik iii. Kelewatan penetapan lokasi penyambungan dan tekanan air selamat (ODL) oleh SYABAS iv. Masalah teknikal selepas Pengujian Dan Pentauliahan Sistem Bomba (<i>Hose Reel</i>)
3.	Baitul Iman (Fasa 1)	5.00	6.32	1.32	2	300	i. Penambahan kuantiti kerja tanah ii. Penambahan kerja penyambungan paip air. iii. Penambahan kerja pembinaan <i>slab entrance</i> iv. Penambahan kerja menaiktaraf jalan masuk utama
4.	Baitus Salam	2.00	2.86	0.86	1	183	i. Kelewatan urusan tukar syarat tanah
JUMLAH		18.5	25.22	6.72			

Sumber: Jabatan Audit Negara

- d. Antara sebab lanjutan masa diluluskan bagi projek Baitul Islah dan Baitul Hikmah masing-masing dengan enam (6) dan tiga (3) lanjutan masa adalah berikutan penambahan skop kerja bagi rawatan cerun, proses kelulusan semula pelan bangunan daripada pihak berwajib dan proses kelulusan semula Kebenaran Merancang susulan pindaan kedudukan bangunan. Pihak Audit juga mendapati kos projek bagi kedua-dua projek tersebut telah meningkat masing-masing sejumlah RM4.11 juta dan RM427,740.

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

Pihak MAIS sentiasa mengawasi kemajuan projek menerusi pemantauan pelaksanaan projek secara bulanan, pelaporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek dan menerusi Mesyuarat Teknikal Projek.

Pada pendapat Audit, MAIS perlu sentiasa memantau dengan lebih berkesan untuk memenuhi syarat-syarat dan keperluan agensi luar supaya tidak menjejaskan prestasi projek daripada aspek tempoh penyiapan dan kos.

3.6.1.2. Prestasi Pengurusan Hartanah

a. Sewaan Premis

- i. Berdasarkan kepada dokumen *Cascading Key Performance Indicator* (KPI) MAIS, KPI bagi bilangan sewaan premis tahunan dikira

berdasarkan kepada jumlah premis milik MAIS yang boleh disewakan iaitu sekurang-kurangnya 80% bagi tahun 2015 serta 90% bagi tahun 2016 dan 2017, manakala tiada KPI ditetapkan bagi tahun 2014.

- ii. Semakan Audit mendapati KPI bagi tahun 2015 dan 2017 telah tercapai iaitu masing-masing sebanyak 93.1% dan 90.2%, manakala bagi tahun 2016 tidak tercapai iaitu hanya 74.9% kerana penamatan kontrak penyewaan sebelum tempoh kontrak berakhir bagi 45 unit premis oleh pihak Universiti Selangor (UNISEL). Susulan penamatan kontrak penyewaan tersebut mulai bulan September 2016 sehingga Mei 2017, 45 unit premis tersebut kekal kosong tanpa penyewa selama sembilan (9) bulan sebelum kemasukan penyewa baharu. Kekosongan premis tersebut tanpa penyewa boleh menyumbang kepada pertambahan hasil sewaan berjumlah RM161,010. Butiran lanjut mengenai sasaran dan pencapaian KPI sewaan premis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.4
SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI
SEWAAN PREMIS BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	BIL. PREMIS BOLEH SEWA (Unit)	SASARAN KPI		PENCAPAIAN KPI	
		(Unit)	(%)	(Unit)	(%)
2015	436	349	80.0	406	93.1
2016	453	408	90.1	337	74.9
2017	461	415	90.0	416	90.2

Sumber: MAIS

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

Pencapaian KPI penyewaan premis bagi bulan Januari hingga Ogos 2016 adalah tercapai. Melalui usaha promosi yang telah dilaksanakan oleh BPH melalui pengedaran risalah, iklan kekosongan di Laman Web MAIS dan Edisi, kekosongan tersebut telah berjaya ditawarkan kepada Uitm Private Education Sdn. Bhd. bermula 1 Mei 2017.

Pada pendapat Audit, MAIS telah mencapai KPI yang disasarkan bagi tahun 2015 dan 2017. Namun bagi tahun 2016, KPI sewaan terjejas disebabkan premis yang tidak disewakan dan mengakibatkan hasil sewaan tidak dapat dijana.

b. Kutipan Hasil Hartanah

- i. Berdasarkan kepada dokumen *Cascading Key Performance Indicator* (KPI) MAIS, Bahagian Pengurusan Hartanah perlu memastikan sekurang-kurangnya 90% sewaan hartanah berjaya dikutip berbanding

dengan anggaran hasil sewaan sebagai sasaran KPI kutipan hasil hartanah.

- ii. Semakan Audit terhadap KPI hasil sewaan hartanah mendapati KPI bagi tahun 2014 dan 2017 telah tercapai iaitu masing-masing 105.6% dan 100.9%, manakala pencapaian bagi tahun 2015 dan 2016 pula tidak tercapai iaitu masing-masing adalah 78.9% dan 89.7%. Butiran anggaran, sasaran dan kutipan sebenar hasil sewaan berdasarkan kepada rekod MAIS adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.5
ANGGARAN, SASARAN DAN KUTIPAN SEBENAR
HASIL SEWAAN HARTANAH BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

TAHUN	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	SASARAN HASIL (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)	STATUS
2014	6.71	6.04	6.38	105.6	√
2015	8.67	7.80	6.15	78.9	X
2016	8.87	7.98	7.16	89.7	X
2017	9.31	8.38	8.46	100.9	√
JUMLAH	33.56	30.2	28.15	93.2	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: √ - Capai Sasaran KPI

X – Tidak Capai Sasaran KPI

- iii. KPI bagi tahun 2015 dan 2016 tidak tercapai kerana pihak berkuasa MAIS telah memberikan pengecualian sewaan kepada penyewa bagi penyewaan hotel di Kompleks MAIS, Klang selama enam (6) bulan mulai 1 September 2015 hingga 28 Februari 2016.

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

MAIS bersetuju bahawa KPI bagi tahun 2015 dan 2016 tidak mencapai sasaran disebabkan oleh beberapa dasar pengecualian sewa bagi kerja-kerja pengubahsuaian.

Pada pendapat Audit, MAIS telah mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2014 dan 2017. Namun bagi tahun 2015 dan 2016, MAIS hampir mencapai sasaran KPInya.

3.6.2. Pengurusan Hartanah

Pengurusan hartanah hendaklah dilaksanakan dengan cekap meliputi perancangan pembangunan, sewaan, penjualan premis, pentadbiran kontrak serta pemantauan projek dan hartanah. Semakan Audit terhadap pengurusan hartanah mendapati

terdapat beberapa kelemahan daripada aspek kecekapan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

3.6.2.1. Hartanah Dimanfaatkan Sepenuhnya

- a. Mengikut Manual Prosedur Kerja (MPK), MAIS hendaklah merancang pembangunan hartanah supaya dapat ditadbir secara cekap, berkesan dan patuh syariah serta memberi keselesaan kepada pelanggan. Selain mendatangkan pulangan kepada MAIS secara optimum, ia dapat mengelakkan hartanah daripada terbiar dan tidak dimanfaatkan.
- b. Setakat 31 Disember 2017, MAIS telah membangunkan 78 (51.7%) daripada 151 hartanah bagi tujuan bangunan kediaman, perniagaan, kemasyarakatan dan institusi pendidikan. Manakala baki 73 (48.3%) hartanah seluas 304.13 ekar masih belum dibangunkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.6
SENARAI TANAH BELUM
DIBANGUNKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2017**

BIL.	LOKASI	BIL. LOT	LUAS (EKAR)
1.	Gombak	10	10.80
2.	Hulu Langat	4	9.83
3.	Hulu Selangor	15	118.40
4.	Klang	5	13.38
5.	Kuala Langat	6	51.06
6.	Kuala Lumpur	1	3.44
7.	Kuala Selangor	12	20.68
8.	Petaling	8	22.86
9.	Sabak Bernam	8	20.70
10.	Sepang	4	32.98
JUMLAH		73	304.13

Sumber: MAIS

- c. Berdasarkan kepada pengelasan yang dibuat oleh pihak MAIS terhadap tanah seluas 304.13 ekar yang belum dibangunkan, tanah bersyarat nyata perniagaan atau kediaman yang boleh dibangunkan dengan pembangunan komersial hanya seluas 27.94 ekar (9.2%). Manakala baki keluasan tanah selain daripada syarat nyata perniagaan atau kediaman dan status tanah terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.7
SYARAT NYATA DAN STATUS TANAH MAIS
YANG BELUM DIBANGUNKAN SEHINGGA TAHUN 2017

SYARAT NYATA	KELUASAN		STATUS
	EKAR	(%)	
Bangunan Perniagaan/Kediaman	27.94	9.2	Seluas 8.56 ekar dalam proses penyediaan kajian kemungkinan untuk dibangunkan.
Kediaman/Tanaman	5.48	2.0	Telah dijual dan dalam proses pindah milik kepada pembeli.
Kemasyarakatan	37.46	12.3	Kegunaan JAIS untuk pembangunan atau aktiviti keagamaan.
Tanaman/Pertanian	84.24	27.7	Terdapat tanaman sedia ada di tapak dan sebahagian telah disewakan
Pertanian/Penternakan	41.91	13.8	Telah disewakan untuk aktiviti penternakan ikan
Tidak dinyatakan/Kolam Oksidasi/Pencawang Elektrik	30.91	10.0	Cadangan untuk disewakan bagi tujuan yang ditetapkan dalam syarat nyata.
Pusat Latihan MAIS	3.36	1.0	Tanah kosong - tapak Baitul Iman Lama
Bangunan Kediaman/Kemasyarakatan/Tanaman	72.83	24.0	Kegunaan Pejabat Lembaga Zakat Selangor untuk pembangunan dan aktiviti berkaitan asnaf
	304.13	100.0	

Sumber: MAIS

- d. Susulan pembangunan hartanah yang belum dilaksanakan menyebabkan pendapatan hasil daripada pembangunan projek komersial tidak dapat dijana, manfaat sosial kepada orang awam tidak dapat dilaksanakan dan tanah terbiar.

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

MAIS telah menyediakan Pelan Perancangan Pembangunan Tanah MAIS bagi tahun 2016 hingga 2025 berdasarkan faktor berikut:

- i. kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MAIS;*
- ii. pembangunan dilaksanakan mengikut kemampuan kewangan MAIS kerana pelaksanaan pembangunan projek secara serentak akan mengganggu aliran tunai MAIS; dan*
- iii. lokasi tanah dan persekitaran yang membolehkan projek yang dilaksanakan adalah berdaya maju.*

Pada pendapat Audit, MAIS perlu mempertingkatkan kecekapan pentadbiran bagi memastikan pulangan diperoleh secara optimum serta dapat mengelakkan hartanah terbiar dan tidak dimanfaatkan.

3.6.2.2. Pengurusan Sewaan Hartanah

Berdasarkan Pelan Strategik MAIS, sewaan hartanah hendaklah diuruskan dengan baik untuk mendapatkan pendapatan yang boleh menampung perbelanjaannya berdasarkan KPI yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam perenggan prestasi pengurusan hartanah.

a. Hasil Sewaan Premis

- i. Jumlah hasil sewaan premis seperti yang dilaporkan sebelum ini di **Jadual 3.5** berjumlah RM28.15 juta bagi tempoh 2014 hingga 2017. Sewaan yang dikutip adalah daripada 416 premis, manakala 45 premis tidak disewakan.
- ii. Semakan Audit terhadap senarai premis mendapati setakat 31 Disember 2017, MAIS memiliki 480 unit premis di seluruh Negeri Selangor yang diperoleh melalui kaedah pembinaan sendiri, projek usahasama dengan syarikat pemaju dan melalui pembahagian pusaka faraid. Bagaimanapun, hanya 461 (96%) daripada 480 premis berkenaan yang boleh disewakan kerana baki 19 (4%) premis telah diluluskan oleh Setiausaha MAIS untuk kegunaan MAIS, agensi MAIS dan premis yang diputuskan untuk dijual. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.8
PEMILIKAN PREMIS MAIS SEHINGGA 31 DISEMBER 2017

BIL.	LOKASI	BILANGAN PREMIS		
		KESELURUHAN	BOLEH SEWA	KEGUNAAN MAIS
1.	Gombak	66	64	2
2.	Petaling	97	90	7
3.	Wisma MAIS	234	229	5
4.	Hulu Langat	19	19	-
5.	Sabak Bernam	9	9	-
6.	Sepang	13	13	-
7.	Kuala Langat	2	2	-
8.	Klang	35	30	5
9.	Kuala Selangor	5	5	-
JUMLAH		480	461	19

Sumber: MAIS

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga bulan Disember 2017, sejumlah 416 (90.2%) daripada 461 premis yang boleh sewa telah disewakan. Manakala sejumlah 31 (6.7%) premis yang boleh disewa didapati masih kosong dan baki 14 (3.1%) premis tidak dapat disewakan kerana dalam tindakan penyenggaraan.
- iv. Semakan seterusnya terhadap 31 premis yang tidak disewakan sehingga bulan Disember 2017, pihak Audit mendapati tempoh kekosongan premis

tersebut adalah antara empat (4) hingga 69 bulan. Mengikut kiraan Audit berdasarkan kepada kadar sewa premis sebulan, anggaran hasil sewa yang boleh disumbangkan adalah berjumlah RM8.61 juta bagi tempoh 2014 hingga 2017 seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.9
KEHILANGAN HASIL BAGI PREMIS SEDIA
UNTUK DISEWAKAN BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2017

BIL.	LOKASI PREMIS	TEMPOH PREMIS KOSONG (Bulan)	KADAR SEWA SEBULAN (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Kompleks Amaniah, Gombak	66	870	57,420
2.	Kompleks Amaniah, Gombak	66	985	65,010
3.	Kompleks Amaniah, Gombak	8	930	7,440
4.	Kompleks Amaniah, Gombak	40	1,200	48,000
5.	Bukit Jelutong	61	4,000	244,000
6.	Petaling Jaya	25	1,000	25,000
7.	Petaling Jaya	10	1,000	10,000
8.	Petaling Jaya	21	1,000	21,000
9.	Petaling Jaya	11	1,800	19,800
10.	Petaling Jaya	18	1,800	32,400
11.	Petaling Jaya	4	1,000	4,000
12.	Sg Besar	69	500	34,500
13.	Sg Besar	36	500	18,000
14.	Sg Besar	31	800	24,800
15.	Kompleks MAIS Klang	33	4,000	132,000
16.	Kompleks MAIS Klang	4	900	3,600
17.	Kompleks MAIS Klang	5	770	3,850
18.	Pasaraya, Kompleks MAIS Klang	33	220,000	7,260,000
19.	Kompleks MAIS Klang	22	900	19,800
20.	Taman Seroja 3	27	500	13,500
21.	Pangsapuri Siantan	66	450	29,700
22.	Puncak Alam	4	2,976	11,904
23.	Puncak Alam	4	1,608	6,432
24.	Puncak Alam	4	2,687	10,748
25.	Wisma MAIS, Shah Alam	19	1,000	19,000
26.	Wisma MAIS, Shah Alam	8	1,000	8,000
27.	Wisma MAIS, Shah Alam	11	1,760	19,360
28.	Pangsapuri Bestari, Shah Alam	57	1,800	205,200
29.	Pangsapuri Bestari, Shah Alam	57	1,800	102,600
30.	Pangsapuri Bestari, Shah Alam	49	1,100	53,900
31.	Pangsapuri Bestari, Shah Alam	57	1,800	102,600
JUMLAH				8,613,564

Sumber: Jabatan Audit Negara

- v. Semakan seterusnya terhadap 14 premis yang dalam tindakan penyenggaraan pula mendapati berlaku kekosongan premis antara dua (2) hingga 41 bulan. Mengikut kiraan Audit berdasarkan kepada kadar sewa premis sebulan, anggaran hasil sewaan yang boleh disumbangkan adalah berjumlah RM447,857 bagi tempoh 2014 hingga 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.10
KEHILANGAN HASIL BAGI PREMIS DALAM
TINDAKAN PENYENGGARAAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

BIL.	JENIS/LOKASI PREMIS	TEMPOH PREMIS KOSONG (Bulan)	KADAR SEWA SEBULAN (RM)	JUMLAH (RM)	KOS PENYENGGARAAN (RM)
1.	Jalan 14/22 Petaling Jaya	41	880.00	36,080.00	10,065.78
2.	Kompleks Amaniah, Gombak	4	915.00	3,660.00	11,000.00
3.	Kompleks Amaniah, Gombak	3	640.00	1,920.00	3,252.40
4.	Kompleks Amaniah, Gombak	21	680.00	14,280.00	9,009.78
5.	Bandar Baru Selayang	2	932.00	1,864.00	17,914.00
6.	Jalan Raja Haroon, Kajang	17	4,631.60	78,737.20	1,534,362.50
7.	Jalan Raja Haroon, Kajang	17	2,203.70	37,462.90	
8.	Jalan Raja Haroon, Kajang	17	1,564.70	26,599.90	
9.	Jalan Raja Haroon, Kajang	17	4,631.60	78,737.00	
10.	Jalan Raja Haroon, Kajang	17	2,203.70	37,462.90	
11.	Jalan Raja Haroon, Kajang	17	1,564.70	26,599.90	
12.	Jalan Raja Haroon, Kajang	17	3,500.00	59,500.00	
13.	Jalan Raja Haroon, Kajang	17	2,000.00	34,000.00	
14.	Jalan Raja Haroon, Kajang	7	1,564.70	10,952.90	14,451.40
JUMLAH				447,856.70	1,600,055.86

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, hartanah MAIS perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjana pendapatan MAIS yang berterusan.

b. Tunggakan Hasil Sewaan Hartanah

- i. Berdasarkan MPK, bil sewaan bulanan akan dikeluarkan kepada penyewa pada 1 haribulan setiap bulan dan Notis Peringatan Pertama (NP1) disediakan sekiranya penyewa gagal menjelaskan bayaran pada setiap 15 haribulan bulan semasa. Notis Peringatan Kedua dan Notis Tamat dikeluarkan jika penyewa masih gagal menjelaskan bayaran sewaan. KPI tunggakan hasil yang ditetapkan bagi tahun 2014 adalah mengurangkan tunggakan sewaan sebanyak RM390,000 manakala bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah mengurangkan 50% tunggakan sewaan tahun sebelumnya.
- ii. Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan tahun 2014 hingga 2016 dan Laporan Tunggakan Hasil Sewaan bagi tahun 2017 mendapati MAIS tidak mencapai KPI yang telah ditetapkan kerana berlaku peningkatan tunggakan antara RM145,405 hingga RM290,803 bagi tahun 2014 hingga 2016 disebabkan terdapat penyewa yang masih ingkar terhadap perjanjian sewaan. Manakala bagi tahun 2017, terdapat pengurangan sebanyak 39.1% berjumlah RM1.02 juta, namun angka tersebut masih

belum mencapai KPI yang sepatutnya iaitu pengurangan sebanyak 50% daripada nilai tunggakan tahun 2016 berjumlah RM2.61 juta. Selain itu didapati terdapat tunggakan hasil sewaan sebelum tahun 2000 yang tidak dapat dikesan penyewanya berjumlah RM171,808. Tiada tindakan hapus kira terhadap tunggakan tersebut diambil oleh pihak MAIS. Butiran lanjut mengenai kedudukan tunggakan hasil sewaan bagi tahun 2014 hingga 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.11
KEDUDUKAN TUNGGAKAN
HASIL SEWAAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

TAHUN	TUNGGAKAN (RM Juta)	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(%)
2013	1.77	-	-
2014	1.92	0.15	8.5
2015	2.32	0.40	20.8
2016	2.61	0.29	12.5
2017	1.59	(1.02)	39.1

Sumber: MAIS

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

Pemantauan terhadap kutipan hasil sewaan MAIS, laporan penghutang MAIS dan tindakan undang-undang penghutang MAIS telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun yang diadakan pada setiap tiga (3) bulan. Tindakan untuk penyelesaian hutang dan pelupusan hutang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal MAIS Bil. 3/2018.

Pada pendapat Audit, tindakan untuk mengutip sewaan premis yang tertunggak perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan demi mencapai KPI yang ditetapkan dan bagi menjamin pelaburan MAIS dalam hartanah dapat memberikan pulangan yang setimpal kepada MAIS.

3.6.2.3. Hartanah Untuk Dijual

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MAIS (MJPM) yang bersidang pada 6 Ogos 2015 dan 6 September 2017 telah membuat keputusan untuk melupuskan tiga (3) premis hartanah milik MAIS iaitu dua (2) rumah kediaman berkembar dua setengah (2 1/2) tingkat dengan nilai jualan masing-masing berjumlah RM2.2 juta dan RM2.1 juta serta satu (1) rumah kedai di Klang bernilai RM600,000. Hartanah berkenaan dicadangkan untuk dijual kerana masalah untuk mendapatkan penyewa yang sesuai dan bebanan kos penyenggaraan serta tunggakan sewa. Berdasarkan keputusan tersebut, MAIS

tidak membuka tawaran untuk sewaan premis sebaliknya meneruskan proses untuk penjualan. Penerangan lanjut adalah seperti perenggan berikut:


a. Rumah Kediaman Milik MAIS di Subang Jaya

- i. Pada tahun 2010 MAIS telah memperoleh 18 buah rumah kediaman iaitu 16 jenis berkembar dan dua (2) jenis banglo daripada pemaju sebagai balasan pembangunan usahasama hartanah di Res Tress, Subang Jaya dan MAIS telah berjaya menjual 16 daripada 18 buah rumah berkenaan. Setakat 31 Disember 2017, masih berbaki dua (2) buah rumah kediaman milik MAIS dengan reka bentuk berkembar 2 1/2 tingkat seperti di gambar berikut. Rumah-rumah tersebut yang dianggarkan bernilai RM2 juta seunit pernah disewakan dan tarikh terakhir rumah tersebut disewakan adalah pada bulan Julai 2013 dan Jun 2015.

GAMBAR 3.1



GAMBAR 3.2



**Subang Jaya
- Premis Kediaman Masih Belum Dijual
(15.11.2017)**

- ii. Pihak Audit mendapati sehingga akhir tahun 2017, selepas 29 bulan keputusan MJPM untuk melupuskan premis diperoleh, kedua-dua rumah tersebut masih belum berjaya dijual. Perkara ini menyebabkan MAIS menanggung kos perkhidmatan kawalan keselamatan kepada pihak pengurusan berjumlah RM27,540 bagi tempoh Julai 2013 hingga Disember 2017.

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

Kertas cadangan untuk penjualan premis melalui konsep sewa beli atau rent to own akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MAIS Bil. 2/2018. Tindakan pengiklanan dalam mudah.com.my telah dibuat oleh ejen yang dilantik oleh MAIS pada 9 Mac 2018.

Pada pendapat Audit, tindakan mempromosi penjualan dua (2) unit rumah kediaman milik MAIS perlu dipertingkatkan bagi menjana pendapatan dan mengurangkan kos pegangan yang ditanggung.

b. Rumah Kedai Milik MAIS di Klang

- i. Rumah kedai di Jalan Raya Timur, Klang telah diperoleh secara faraid dan pernah disewakan sehingga bulan Ogos 2013 dengan kadar sewaan RM1,300 sebulan. Semakan Audit mendapati premis tersebut masih belum berjaya dijual selepas empat (4) bulan mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MAIS (MJPM) diperoleh. Bagaimanapun, berdasarkan laporan lawat periksa yang dilakukan oleh BPP pada bulan Jun 2014, didapati premis tersebut tidak selamat untuk disewakan dan keseluruhan premis perlu dibaikpulih dengan anggaran kos sebanyak RM151,303. Sehubungan ini, MJPM telah bersetuju untuk menjual premis tersebut.
- ii. Pemeriksaan Audit pada 29 November 2017 mendapati struktur premis berada dalam keadaan usang kerana usia premis yang telah melebihi 40 tahun dan terdapat tumbuhan pada dinding premis adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.3



GAMBAR 3.4



**Klang
- Premis Usang
(29.11.2017)**

- c. Berdasarkan dokumen berkaitan aktiviti promosi penjualan dan sewaan premis MAIS pihak Audit mendapati, antara sebab proses penjualan premis kurang memberangsangkan adalah kerana kurangnya promosi yang efektif dan program promosi pada setiap tahun tidak dirancang secara terperinci. Ini berikutan perbelanjaan program promosi yang dilaksanakan oleh MAIS adalah berjumlah RM8,427 (4.8%) daripada RM117,400 yang diperuntukkan pada tahun 2014 hingga 2017 bagi tujuan percetakan pamflet, *banner* dan *bunting*. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.12
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROMOSI
HARTANAH BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	(%)
2014	17,400	7,325	42.1
2015	20,000	380	1.9
2016	75,000	722	1.0
2017	65,000	-	0
JUMLAH	177,400	8,427	4.8

Sumber: MAIS


Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MAIS Bil. 2/2017 telah bersetuju untuk menawarkan penjualan hartanah di Jalan Raya Timur, Klang pada kadar RM600,000 kepada seorang individu pada 30 Oktober 2017. Bagaimanapun, individu tersebut hanya mampu menerima tawaran MAIS dengan harga pembelian sebanyak RM400,000. Kertas cadangan untuk penjualan premis akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MAIS Bil. 2/2018. Promosi yang telah dilaksanakan adalah seperti di gambar berikut:


GAMBAR 3.5



GAMBAR 3.6



GAMBAR 3.7



GAMBAR 3.8



Pada pendapat Audit, pengurusan penjualan hartanah MAIS adalah kurang cekap dan masih boleh ditingkatkan bagi menjana pendapatan yang optimum dengan penambahan program dan aktiviti promosi.

3.6.2.4. Pencapaian *Outcome* Projek

- a. Berdasarkan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1 tahun 2009, setiap projek pembangunan yang dilaksanakan hendaklah mencapai objektif sesuatu projek tersebut diwujudkan. Perkara ini penting bagi memastikan peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menyiapkan projek tersebut dapat memberi manfaat dan pulangan yang setimpal selari dengan objektif yang telah ditetapkan.
- b. Pada tahun 2014 hingga 2017, MAIS telah menyiapkan tujuh (7) projek pembangunan sosial untuk digunakan sebagai pusat pemulihan dadah, pusat latihan muallaf, kompleks pemurnian akidah dan rumah perlindungan bagi muallaf serta musafir. Pemeriksaan Audit terhadap tujuh (7) dokumen projek berkenaan mendapati sebanyak enam (6) projek telah beroperasi kecuali projek Baitul Islah yang telah disiapkan pada 28 September 2016. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.13
STATUS PENGOPERASIAN PROJEK
PEMBANGUNAN SOSIAL MAIS BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

BIL.	NAMA PROJEK	PROJEK SIAP (Tahun)	TUJUAN PROJEK	STATUS
1.	Baitul Iman (Fasa 1)	2012	Kompleks Pemurnian Akidah	Beroperasi
2.	Baitun Naim	2013	Rumah Musafir	Beroperasi
3.	Baitul Iman (Fasa 2)	2014	Kompleks Pemurnian Akidah	Beroperasi
4.	Baitus Salam (Fasa 1)	2015	Rumah Perlindungan Muallaf	Beroperasi
5.	Baitus Salam (Fasa 2)	2015	Rumah Perlindungan Muallaf	Beroperasi
6.	Baitul Islah	2016	Pusat Pemulihan Dadah Tegar	Belum Beroperasi
7.	Baitul Hikmah	2017	Pusat Latihan Muallaf	Beroperasi

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Semakan lanjut terhadap satu (1) daripada tujuh (7) projek MAIS yang masih belum beroperasi iaitu projek Baitul Islah mendapati projek adalah usahasama antara MAIS dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi tujuan pusat pemulihan, rawatan dan perlindungan penagih dadah yang menghidap penyakit HIV dan AIDS di negeri Selangor. MAIS bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pentadbiran berkaitan pelantikan dan penempatan pegawai MAIS serta menanggung segala kos pembangunan, penyenggaraan bangunan dan aset. AADK pula bertanggungjawab menguruskan operasi berkaitan pendaftaran penghuni Baitul Islah, pelaksanaan program rawatan dan pemulihan, sesi kaunseling kepada penghuni, penempatan pegawai AADK, menanggung kos utiliti serta memberi latihan kepada *care giver*, pegawai keselamatan dan pegawai MAIS yang berkhidmat di Baitul Islah.
- d. Pemeriksaan Audit pada 6 Disember 2017 mendapati Baitul Islah masih belum beroperasi selama 434 hari daripada tarikh Perakuan Kerja Siap.

Baitul Islah masih belum beroperasi kerana persefahaman bagi kerjasama pengoperasian antara MAIS dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) masih belum dimuktamadkan. Antara perkara masih belum dimuktamadkan adalah seperti bidang kuasa dan tanggungjawab MAIS dan AADK, perjawatan, bayaran gaji dan elaun, penempatan pegawai AADK, penglibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO), perolehan perabot dan peralatan, penyediaan dokumen perjanjian, persetujuan Kementerian Dalam Negeri serta isu pewartaan Baitul Islah. Keadaan bangunan Baitul Islah pada tarikh lawatan Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.9



Tempat Letak Kereta, Baitul Islah
- Kerja Membina Bumbung Tempat Letak Kereta
Sedang Dijalankan
(06.12.2017)

GAMBAR 3.10



Bilik Sakit, Baitul Islah
- Kerja Pendawaian Sedang Dilaksanakan
(06.12.2017)

GAMBAR 3.11




Bilik Kaunseling, Baitul Islah
- Kerja Pendawaian Elektrik Sedang Dilaksanakan
(06.12.2017)

GAMBAR 3.12



GAMBAR 3.13



Bilik Belajar, Baitul Islah
- Bilik Masih Belum Digunakan dan Berhabuk
(06.12.2017)

GAMBAR 3.14



Bilik Asrama, Baitul Islah
- Bilik Masih Belum Digunakan dan Berhabuk
(06.12.2017)

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

Baitul Islah telah mula beroperasi pada 1 Januari 2018 selepas MAIS menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan AADK pada 18 Disember 2017. Pengoperasian Baitul Islah dikawalselia oleh Bahagian pemulihan Ar-Riqab, MAIS.

Pada pendapat Audit, projek pembinaan perlu disiapkan dan digunakan mengikut tempoh yang ditetapkan agar dapat memberi manfaat dan selari dengan objektif yang telah ditetapkan.

3.6.2.5. Perancangan Projek

- a. Setiap projek pembangunan hendaklah dirancang dengan teliti dan menyeluruh supaya projek yang dilaksanakan dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan, dalam lingkungan kos dan juga kualiti kerja seperti yang telah ditentukan. Antara perkara yang disemak adalah pelaksanaan kajian kemungkinan, pelaksanaan pengurusan nilai dan pematuhan terhadap proses pelantikan perunding dan kontraktor.
- b. Semakan Audit terhadap dokumen bagi lapan (8) projek pembangunan mendapati pada tahun 2014 hingga 2017, MAIS telah melaksanakan semua aspek perancangan projek dengan baik seperti yang ditetapkan bagi projek yang telah siap dan sedang dilaksanakan.

3.6.2.6. Pelaksanaan Projek

- a. Berdasarkan KPI tahunan MAIS, setiap kerja pembinaan hendaklah dibina dengan berkualiti supaya memenuhi kehendak pelanggan dan mencapai objektif projek. Tindakan yang bersesuaian hendaklah diambil sekiranya kerja tidak disiapkan mengikut tempoh dan kualiti kerja yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit terhadap dua (2) dokumen projek mendapati pelaksanaan projek pembinaan telah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, hasil pemeriksaan fizikal di tapak projek pada bulan Disember 2017 mendapati kualiti pembinaan adalah kurang memuaskan seperti diterangkan dalam perenggan berikut:


i. Projek Baitul Islah

- Projek pembinaan Baitul Islah telah disiapkan pada 28 September 2016. Semakan Audit mendapati tempoh kecacatan yang ditetapkan adalah selama satu (1) tahun sehingga bulan September 2017.

Berdasarkan Laporan Pemeriksaan MAIS, sejumlah 13 kecatatan telah dikenal pasti pada bulan Disember 2016 untuk tindakan pembetulan oleh pihak kontraktor. Tindakan pembetulan berhubung aduan kecacatan tersebut telah selesai diambil tindakan pada bulan April 2017.

- Bagaimanapun, pemeriksaan Audit pada 6 Disember 2017 mendapati terdapat kecacatan pada kualiti pembinaan yang tidak disenaraikan dalam surat Arahan Pembaikan Kecacatan Kerja yang dikeluarkan oleh MAIS kepada kontraktor. Perkara ini berlaku berikutan pemeriksaan bagi mengenalpasti kecacatan yang berlaku tidak dilaksanakan dengan terperinci. Butiran terperinci adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.15



Bilik Rehat di Pejabat, Baitul Islah
- Lepaan pada Tiang Tidak Lurus
(06.12.2017)

GAMBAR 3.16



GAMBAR 3.17



Bilik Kaunseling, Baitul Islah
- Dinding Berlubang pada Bingkai Pintu
(06.12.2017)

GAMBAR 3.18




Ruang Luar Pejabat, Baitul Islah
- Lepaan pada Tiang Tidak Lurus
(06.12.2017)

GAMBAR 3.19



Bilik Mandi Pelatih, Baitul Islah
- Sudut Bilik Mandi Tidak Tepat
(06.12.2017)

GAMBAR 3.20



Bilik Sakit Lelaki, Baitul Islah
- Bingkai Cermin Dipasang Tidak Lurus
(06.12.2017)

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

MAIS telah memajukan kecacatan kerja kepada kontraktor pada 4 April 2018 bagi tujuan pembaikan. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina oleh anak syarikat MAIS yang bertanggungjawab terhadap pemantauan pelaksanaan kerja dan pemantauan kecacatan projek. Bagi pelaksanaan projek baru, pihak MAIS akan menambah baik tanggungjawab kontraktor dan perunding.

Pada pendapat Audit, pemeriksaan terhadap sebarang kecacatan kerja selepas projek siap dibina perlu dilaksanakan dengan lebih cekap dan terperinci agar tidak mengakibatkan kerugian kepada MAIS.

ii. Projek Baitul Hikmah

- Projek pembangunan Baitul Hikmah telah siap pada 15 Februari 2017 dan tempoh tanggungan kecacatan adalah sehingga 15 Ogos 2018. MAIS telah menjalankan pemeriksaan terhadap projek pembinaan tersebut pada 25 Mei 2017 bagi mengenal pasti kerosakan pada binaan. Berdasarkan Laporan Pemeriksaan, sebanyak lapan (8) kecacatan telah dikenalpasti seperti di jadual berikut:


JADUAL 3.14
KECACATAN KERJA BAGI PROJEK BAITUL HIKMAH

BIL.	BUTIRAN KECACATAN
1.	Kesan titisan cat pada lantai dan <i>skirting</i> perlu digilap
2.	Terdapat tumbuhan liar pada bumbung, parit dan pagar <i>anti climb</i> yang perlu dibersihkan/diracun
3.	Terdapat kebocoran pada rasuk bumbung dan terdapat <i>stalactite</i>
4.	Kesan cat telah luntur pada bumbung dan dinding
5.	Cat pada <i>railing</i> telah mengelupas dan rosak
6.	Dinding perlu dikemaskan
7.	Lantai jubin berongga
8.	Terdapat alat pemadam api telah tamat tempoh pada 01.12.2016 dan perlu ditukar

Sumber: MAIS

- MAIS selanjutnya telah mengarahkan kontraktor untuk membuat pembaikan atas laporan tersebut melalui surat bertarikh 1 Jun 2017. Satu surat peringatan bertarikh 4 November 2017 telah dikeluarkan oleh MAIS apabila tiada tindakan pembaikan dilaksanakan oleh kontraktor dan pemeriksaan Audit pada 6 Disember 2017 mendapati kerosakan tersebut masih belum dibaiki. Kontraktor telah melaksanakan pembaikan pada 6 Mac 2018 dan butiran gambar sebelum dan selepas pembaikan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.21



**Gelanggang Badminton, Baitul Hikmah
- Cat pada Railing Mengelupas
(06.12.2017)**

GAMBAR 3.22




**Gelanggang Badminton, Baitul Hikmah
- Railing Telah Dicat Semula
(06.03.2018)**

GAMBAR 3.23



**Blok Pentadbiran, Baitul Hikmah
- Ruang Antara Dinding Pemisah Tandas
Lelaki dan Wanita
(06.12.2017)**

GAMBAR 3.24




**Blok Pentadbiran, Baitul Hikmah
- Ruang Antara Dinding Pemisah Tandas
Lelaki dan Wanita Telah Dibaiki
(06.03.2018)**

GAMBAR 3.25




**Blok Pentadbiran, Baitul Hikmah
- Lepaan Dinding Tidak Kemas
(06.12.2017)**

GAMBAR 3.26




**Blok Pentadbiran, Baitul Hikmah
- Lepaan Dinding Telah Dikemaskan
(06.03.2018)**


GAMBAR 3.27




GAMBAR 3.28



GAMBAR 3.29



GAMBAR 3.30



Bangunan Asrama, Baitul Hikmah
- Bumbung Bocor dan Terdapat Stalactite
Akibat Kerja Water Proofing Tidak Berkualiti
(06.12.2017)

Bangunan Asrama, Baitul Hikmah
- Surface Waterproofing Telah Dibuat
Semula pada R.C. Gutter Asrama
(06.03.2018)

GAMBAR 3.31



GAMBAR 3.32



Blok Pentadbiran, Baitul Hikmah
- Lantai Jubin Berongga Dalam Tandas Lelaki
(06.12.2017)

Blok Pentadbiran, Baitul Hikmah
- Keseluruhan Rongga pada Jubin Ditutup
(06.03.2018)

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

Kecacatan kerja telah siap dibaiki oleh kontraktor pada 6 Mac 2018.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap sebarang kerja membaik pulih kecacatan selepas projek siap dibina perlu diambil tindakan dengan segera dalam tempoh tanggungan kecacatan oleh kontraktor agar tidak mengakibatkan kos penyenggaraan kepada MAIS sekiranya tamat tempoh kecacatan.

3.6.2.7. Pentadbiran Kontrak

Menurut Pekeliling Perbendaharaan bagi kontrak kerja, aspek pengurusan kontrak menetapkan agar menyegerakan proses menandatangani kontrak dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani. Bagi kontrak sewaan hartanah pula, Borang Setuju Terima Tawaran dan Perjanjian Sewaan perlu dilengkapkan oleh penyewa dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh Surat Tawaran. Semakan Audit terhadap pentadbiran kontrak mendapati perkara seperti berikut:

a. Tandatangan Kontrak

Semakan Audit terhadap 40 kontrak sewaan hartanah mendapati kontrak telah disediakan dengan teratur dan lengkap. Semakan terhadap 10 dokumen kontrak projek pembangunan juga mendapati kontrak telah disediakan dengan lengkap bagi semua projek. Bagaimanapun, didapati kesemua kontrak telah lewat ditandatangani antara 63 hingga 1,122 hari daripada tempoh yang ditetapkan. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.15
TEMPOH KONTRAK LEWAT DITANDATANGAN SELEPAS
SURAT SETUJU TERIMA DIKELUARKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

BIL.	NAMA SYARIKAT	PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TARIKH TAWARAN	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH TANDATANGAN PERJANJIAN		BIL. HARI LEWAT
						SEPATUTNYA	SEBENAR	
1.	Azli Yusof Architect	Perunding Projek Baitul Iman (Fasa 1) 6%	0.30	21.07.2009	23.07.2009	20.11.2009	29.06.2011	586
2.	Johari Architect	Perunding Projek Baitul Naim 0.75%	0.05	12.11.2009	31.03.2010	29.07.2010	29.10.2010	92
3.	MAIS Construction & Properties Sdn. Bhd.	Baitul Islah	5.00	03.07.2008	T.M.	31.10.2008	21.11.2011	1,116
4.	MAIS Construction & Properties Sdn. Bhd.	Baitul Iman (Fasa 1)	5.00	22.06.2010	29.06.2010	27.10.2010	01.11.2011	370
5.	MAIS Construction & Properties Sdn. Bhd.	Baitus Salam (Fasa 1)	2.00	20.07.2010	27.10.2010	24.02.2011	04.04.2013	770
6.	MAIS Construction & Properties Sdn. Bhd.	Baitul Hikmah	6.50	14.10.2011	21.10.2011	18.02.2012	16.03.2015	1,122
7.	MAIS Construction & Properties Sdn. Bhd.	Baitun Naim	0.71	08.02.2012	13.02.2012	12.06.2012	TM	TM
8.	MAIS Construction & Properties Sdn. Bhd.	Baitul Iman (Fasa 2)	3.90	30.08.2012	04.09.2012	02.01.2013	19.06.2013	168

BIL.	NAMA SYARIKAT	PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TARIKH TAWARAN	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH TANDATANGAN PERJANJIAN		BIL. HARI LEWAT
						SEPATUTNYA	SEBENAR	
9.	MAIS Construction & Properties Sdn. Bhd.	Baitus Salam (Fasa 2)	4.82	30.08.2012	04.09.2012	02.01.2013	19.06.2013	168
10.	Bakti Suci Properties Sdn. Bhd.	Residensi Villa Ros	71.50	TM	31.05.2017	29.09.2017	Belum Tandatangan	75

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: TM - Bilangan Hari Lewat Tidak Dapat Dikira Kerana Tiada Tarikh Perjanjian

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

MAIS mengambil maklum terhadap teguran Audit. Buat masa ini, penyediaan dokumen kontrak adalah tanggungjawab anak syarikat selain perunding yang dilantik oleh pihaknya.

Tindakan penambahbaikan bagi projek akan datang adalah seperti berikut:

- menyediakan Senarai Semak bagi penyediaan dokumen kontrak kepada kontraktor dan perunding mengikut tempoh yang ditetapkan; dan*
- mewujudkan Unit Ukur Bahan dan Kontrak bagi memantau perkara yang melibatkan kontraktual.*

Pada pendapat Audit, kontrak yang tidak diuruskan dengan efisien menyebabkan kepentingan MAIS tidak terjamin sekiranya berlaku pelanggaran kontrak oleh kontraktor. Pihak MAIS hendaklah memastikan kelewatan di pihak anak syarikat dan perunding dikawal supaya tidak berlaku lagi kelewatan.

3.6.2.8. Penyenggaraan Premis

- Merujuk kepada fungsi BPP, tanggungjawab BPP adalah mengurus penyenggaraan bangunan milik MAIS secara cekap dan berkesan supaya memberi keselesaan kepada pelanggan.
- Semakan Audit terhadap laporan penyenggaraan mendapati tiada pelan penyenggaraan berjadual telah disediakan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. BPP hanya melaksanakan penyenggaraan berdasarkan kepada aduan dan surat permohonan daripada BPH. Bagaimanapun, bermula pada tahun 2017, MAIS telah menyediakan Pelan Strategik Penyelenggaraan bagi tahun 2017 hingga 2022 yang meliputi Pelan Jangka Masa Pendek iaitu

berdasarkan aduan kerosakan dan pemantauan premis serta Pelan Jangka Masa Panjang yang berdasarkan kepada keperluan terkini Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Bomba dan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Daftar Hak Milik Premis dan mewujudkan pengurusan fasiliti yang sistematik melalui Sistem Pengurusan Fasiliti Bangunan.

3.6.2.9. Pemantauan Projek

- a. MPK menetapkan BPP bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan projek. Setiap projek pembangunan yang dilaksanakan hendaklah dikawal dan dipantau supaya kontraktor mematuhi syarat kontrak, keperluan projek, spesifikasi dan dilaksanakan mengikut piawaian kualiti, garis panduan serta amalan kejuruteraan terbaik.
- b. Semakan Audit terhadap dokumen bagi tujuh (7) projek pembangunan mendapati MAIS telah melaksanakan pemantauan mengikut prosedur yang telah ditetapkan bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar dan mengikut jadual yang ditetapkan.

3.6.2.10. Pemantauan Hartanah

- a. MPK BPH dan BPP telah menetapkan lawatan tapak secara berkala hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun terhadap tanah dan premis MAIS. Laporan siasatan hendaklah disediakan dalam tempoh lima (5) hari bekerja. Selain itu, tanah kosong yang belum dibangunkan perlu dikawal bagi mengelakkan berlakunya pencerobohan sama ada secara di pagar atau lain-lain kaedah serta tanah sempadan perlu dikenal pasti.
- b. Semakan Audit terhadap Laporan Pemantauan Tanah dan Premis mendapati hartanah telah dipantau secara berkala mengikut penggal bagi tahun 2014 hingga 2016 iaitu antara bulan Januari hingga Jun bagi penggal pertama, manakala penggal kedua pula antara bulan Julai hingga Disember. Bagaimanapun, pemantauan bagi tahun 2017 hanya dibuat pada penggal pertama oleh BPH.
- c. Lawatan Audit dilaksanakan di 14 hartanah MAIS pada bulan November dan Disember 2017 untuk memeriksa keberkesanan pemantauan yang telah dijalankan oleh MAIS dan didapati walaupun papan tanda tanah milik MAIS telah diletakkan di lokasi hartanah sebagai makluman kepada orang awam dan amaran kepada penceroboh, masih berlaku pencerobohan terhadap hartanah MAIS di Daerah Gombak dan Klang seperti yang dinyatakan dalam perenggan berikut:

i. PT 1886 HSD 55030 Bandar Ulu Kelang, Gombak

Pemeriksaan Audit pada 21 November 2017 mendapati tanah tersebut digunakan sebagai tempat penyimpanan barangan terpakai dan pembuangan barangan lusuh serta penempatan sementara berdasarkan kepada pakaian yang digantung di pondok yang dibina di atas tanah berkenaan. Selain itu, terdapat juga aktiviti perkebunan dan memasak oleh dua (2) individu. Keadaan lokasi lot tanah tersebut adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.33



GAMBAR 3.34



Taman Ukay Perdana, Bandar Ulu Kelang, Gombak
- Pandangan dari Atas: Pencerobohan Tanah Walaupun Terdapat Papan Tanda MAIS
(21.11.2017)

GAMBAR 3.35



GAMBAR 3.36



Taman Ukay Perdana, Bandar Ulu Kelang, Gombak
- Tanah Dijadikan Tempat Pembuangan Sampah dan Barang Terpakai
(21.11.2017)

GAMBAR 3.37



GAMBAR 3.38



Taman Ukay Perdana, Bandar Ulu Kelang, Gombak
- Aktiviti Berkebun dan Memasak
(21.11.2017)

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

Pada 10 Oktober 2017, MAIS telah membuat lawatan ke tanah tersebut dan laporan polis telah dibuat di Balai Polis Hulu Kelang, Ampang Jaya pada 23 Oktober 2017 berkenaan pencerobohan tanah tersebut. Lawatan bersama wakil Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Majlis Perbandaran Ampang Jaya juga telah dibuat pada 28 Februari 2018.

Pada pendapat Audit, pemantauan hartanah MAIS perlu dilaksanakan dengan lebih cekap supaya pencerobohan tanah milik MAIS dapat ditangani dengan berkesan.

ii. PT 655 HS(D) 135052 Pekan Meru, Klang

- Pemeriksaan fizikal pada 29 November 2017 mendapati sebahagian tanah berkenaan telah dijadikan sebagai jalan utama dan jalan penghubung oleh penduduk setempat dengan tanah yang lain seperti di gambar berikut. Penolong Pengurus BPH memaklumkan kepada pihak Audit bahawa jalan tersebut telah wujud ketika MAIS menerima hak milik terhadap tanah berkenaan. Pihak Audit mendapati tiada tindakan diambil berhubung perkara tersebut. Selain itu, sebahagian kawasan tanah tersebut dijadikan tempat pembuangan sampah dan barangan lama seperti tilam oleh penduduk setempat seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.39



GAMBAR 3.40



Pekan Meru, Klang
- Jalan Utama dan Jalan Penghubung yang Dibina di Atas Tanah Milik MAIS
(29.11.2017)



GAMBAR 3.41
Pekan Meru, Klang
 - Tanah Milik MAIS Dijadikan Tempat
 Pembuangan Sampah dan Barangan Lama
 (29.11.2017)

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

MAIS telah membuat jadual lawatan tanah secara berkala iaitu dua (2) kali setahun bagi mengelakkan pencerobohan tanah MAIS. Lawatan MAIS pada 17 Januari 2017 dan 17 Oktober 2017 mendapati tiada longgokan sampah di tanah yang berkenaan.

Tindakan penambahbaikan berkaitan perkara ini adalah seperti berikut:

- i. membuat pengelasan tanah yang berisiko untuk dicerobohi; dan*
- ii. meningkatkan jumlah pemantauan tanah iaitu setiap tiga (3) bulan bagi tanah yang telah dikenal pasti melalui pengelasan tanah tersebut.*

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap hartanah perlu dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi memastikan hartanah MAIS tidak diceroboh dan disalahguna untuk kepentingan peribadi.

3.6.3. Pematuhan Terhadap Kontrak dan Peraturan Kewangan

Beberapa aspek ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan diperhatikan seperti berikut:

3.6.3.1. Pentadbiran Kontrak Sewaan

- a. Mengikut perjanjian sewaan, penyewa hendaklah mematuhi syarat perjanjian yang dimeterai dengan MAIS supaya struktur dan persekitaran premis berada dalam keadaan bersih, kemas dan selesa serta menyerahkan premis dalam keadaan baik setelah tamat tempoh sewaan. Selain itu segala deposit perlu dibayar oleh penyewa yang akan dipegang oleh MAIS sebagai jaminan ganti rugi kos.
- b. Mengikut perjanjian klausa 1(k), penyewa hendaklah membaiki dan menjaga premis tersebut termasuk sistem perparitan, kebersihan, peralatan, perairan,

dan kesemua benda lekat mati kepunyaan/milik Majlis padanya dalam keadaan seperti mana tarikh mula sewaan ini bermula (susutan nilai dari kegunaan biasa adalah dikecualikan) sepanjang tempoh sewaan dan menyerahkannya dalam keadaan baik pada tamat tempoh sewaan atau mana-mana lanjutan tempoh yang dipersetujui antara pihak.

- c. Semakan Audit terhadap laporan pemeriksaan premis kosong mendapati premis yang telah disewa oleh Universiti Selangor dan Hospital Pusrawi SMC Sdn. Bhd. (PUSRAWI) tidak dibaik pulih terlebih dahulu sebelum premis tersebut diserahkan kepada MAIS setelah tamat tempoh sewaan. Keterangan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti berikut:

- i. **Universiti Selangor (UNISEL)**

UNISEL telah menyewa 45 premis MAIS di Wisma MAIS, Shah Alam sejak tahun 2005 dan telah menamatkan sewaan pada bulan Ogos 2016. Kos baik pulih premis tersebut berjumlah RM213,433 didapati telah dibiayai sepenuhnya oleh pihak MAIS kerana UNISEL hanya mampu untuk melakukan kerja-kerja mengecat sahaja disebabkan ketidakmampuan kewangan. Selain itu, pihak UNISEL menyatakan kerosakan yang berlaku dianggap sebagai *wear and tear* yang berlaku selepas suatu tempoh penggunaan. Setakat bulan November 2017, MAIS telah menghantar dua (2) surat tuntutan bayaran bagi kerja pembaikan 45 unit tersebut dan tiada sebarang maklum balas diterima daripada pihak UNISEL setakat ini.

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

Pada 9 Mac 2018, MAIS telah mengadakan mesyuarat bersama UNISEL bagi membincangkan isu tuntutan kos baik pulih berjumlah RM213,433. UNISEL diminta untuk mengemukakan permohonan secara bertulis bagi pengurangan kos baik pulih tersebut.

Pada pendapat Audit, tuntutan kos membaik pulih premis milik MAIS hendaklah disusul selaras dengan syarat kontrak sewaan bagi memelihara kepentingan MAIS.

- ii. **Hospital Pusrawi SMC Sdn. Bhd. (PUSRAWI)**

PUSRAWI telah menyewa sembilan (9) unit premis di Kajang sejak tahun 1998 dan telah menamatkan sewaan pada bulan Mei dan Julai 2017. Mengikut BPP, anggaran kos baik pulih bagi sembilan (9) premis

tersebut adalah berjumlah RM1.53 juta. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Bilangan 2 Tahun 2017 bertarikh 4 Februari 2017 telah memutuskan bahawa kos baik pulih premis tersebut turut dibiayai oleh MAIS disebabkan MAIS merupakan pemilik bersama PUSRAWI dengan pegangan saham sebanyak 4,207,411 unit (48%) daripada 8,765,440 saham PUSRAWI. Mengikut kiraan Audit berdasarkan peratusan pegangan saham, MAIS perlu menanggung kos baik pulih berjumlah RM736,494.

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

Pada 2 April 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MAIS Bil. 1/2018 telah memutuskan perkara berikut:

- i. menamatkan sewaan klinik PUSRAWI di Kajang;*
- ii. menangguhkan pembelian unit perniagaan di Pekan Subang Jaya, Petaling milik PUSRAWI; dan*
- iii. menyemak semula pengenalan kos baik pulih ke atas PUSRAWI berdasarkan maklumat terkini yang dikemukakan oleh PUSRAWI pada 12 Mac 2018.*

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak perlu diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi menjamin kepentingan MAIS.

3.6.3.2. Pertindihan Lot Tanah


- a. Pihak MAIS hendaklah memastikan semua harta miliknya berada dalam pengawasan yang sah mengikut undang-undang dan peraturan tanah yang berkuatkuasa bagi mengelakkan daripada tuntutan pihak ketiga.
- b. Hasil semakan dan temu bual dengan Penolong Pengurus BPH mendapati berlaku pertindihan hak milik bagi sebahagian lot tanah di Mukim Bandar Selayang Daerah Gombak. Kronologi isu pertindihan tanah adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.16
KRONOLOGI ISU PERTINDIHAN TANAH DI MUKIM BANDAR SELAYANG

TARIKH	BUTIRAN
31.05.2006	MMK mengurniakan tanah kepada MAIS di Lot PT8505 HSD 68136 berkeluasan 5,097 meter persegi.
01.07.2009	Tanah didaftarkan atas nama MAIS dengan syarat nyata tanah adalah untuk tujuan kemasyarakatan.
21.11.2016	Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Gombak memaklumkan satu mesyuarat akan diadakan bersama kedua-dua pihak apabila menyedari berlaku pertindihan hak milik antara MAIS dan Syarikat WCT Construction Sdn. Bhd. (WCT) di sebahagian tanah, sewaktu syarikat berkenaan membuat semakan atas tanah lot berkenaan melibatkan Lot 2463 berkeluasan 1,574 meter persegi.
21.03.2017	WCT mengemukakan surat makluman kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) mengenai perkara ini.
28.04.2017	PWS memanjangkan surat daripada WCT kepada MAIS.
09.05.2017	Masih belum ada tindakan walaupun MAIS telah memohon secara bertulis kepada PTG Gombak untuk menyelesaikan isu tersebut dengan segera.

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Sehingga tarikh pengauditan dilaksanakan masih tiada tindakan penyelesaian walaupun MAIS telah mengemukakan surat permohonan kepada Pejabat Tanah dan Galian Gombak pada 9 Mei 2017. Keadaan yang berlaku menyebabkan MAIS berisiko kehilangan sebahagian tanah miliknya jika tiada tindakan segera diambil mengenainya. Pelan lakaran tanah yang bertindih adalah seperti di gambar berikut:



Nota: — Kawasan Tanah Milik MAIS

— Kawasan Tanah Milik MAIS yang Bertindih Hak Milik Dengan Sebuah Syarikat

GAMBAR 3.42
Pelan Lakaran Hak Milik Tanah yang Bertindih

Maklum Balas MAIS yang Diterima pada 13 April 2018

Mesyuarat bersama Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Gombak dan wakil Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor telah diadakan pada 7 Mac 2018. PTD Gombak telah memutuskan agar MAIS menyerahkan tanah yang bertindih lot kepada Syarikat WCT dengan syarat MAIS akan diberikan tanah gantian kerana WCT telah mendapat pemilikan tanah tersebut pada 20 April 2007, manakala MAIS mendapat pemberimilikan tanah pada 1 Julai 2009. Cabutan penemuan audit mengenai perkara ini telah dikemukakan kepada PTG Selangor dan PTD Gombak pada 13 April 2018.

Pada pendapat Audit, kaveat perlu dimasukkan ke atas tanah tersebut bagi menghalang apa-apa urusan niaga demi menjaga kepentingan pihak MAIS.

Selain itu, MAIS perlu mengemas kini rekod hak milik tanah MAIS serta memantapkan pemantauan terhadap hak milik tanah dengan lebih teliti bagi memastikan MAIS tidak kehilangan tanah miliknya.

3.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pembangunan hartanah dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, adalah disyorkan Majlis Agama Islam Selangor mengambil tindakan berikut:

- 3.7.1. memastikan tindakan pemantauan disusuli hingga selesai bagi setiap isu yang ditemui;
- 3.7.2. meningkatkan bilangan pegawai dan pemantauan serta penguatkuasaan kutipan tunggakan sewaan terutama terhadap premis yang telah tertunggak melebihi setahun;
- 3.7.3. meningkatkan bilangan pegawai dan pemantauan terutama di kawasan yang telah berlaku pencerobohan dan meningkatkan kawalan di lokasi yang berisiko tinggi; dan
- 3.7.4. mempertingkatkan promosi hartanah yang hendak dijual dan sewa melalui media cetak dan media elektronik supaya hartanah dapat disewakan serta mengelakkan kehilangan hasil yang berterusan.

4. PI BRILLIANT BERHAD

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. PI Brilliant Berhad (PIB) ditubuhkan pada 8 Mei 1993 di bawah Akta Syarikat 1965. Pada awal penubuhannya, PIB adalah sebuah syarikat berhad menurut syer dengan nama PKNS Infra Sdn. Bhd. Pada 5 Mei 1995, syarikat ini telah bertukar kepada syarikat awam dengan nama PKNS Infra Berhad. Seterusnya pada 31 Mei 2017, PKNS Infra Berhad telah membuat pertukaran nama kepada PI Brilliant Berhad. PIB beroperasi di Petaling Jaya, Selangor serta mempunyai modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM10 juta dan RM6 juta. Pemegang saham berbayar terbesar adalah syarikat induk iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berjumlah RM5.42 juta atau 90.3% dan baki 9.7% berjumlah RM581,147 dipegang oleh dua (2) pemegang saham lagi iaitu anggota PKNS dan PIB. Syarikat PIB memiliki sebuah syarikat subsidiari iaitu Excelon Sdn. Bhd. Objektif penubuhan adalah untuk menjalankan perniagaan dalam bidang pembinaan, agen pembangunan hartanah dan perniagaan lain yang membawa keuntungan kepada syarikat. PIB menjalankan aktiviti sebagai kontraktor pembinaan, pembangunan hartanah dan perkhidmatan kejuruteraan. PIB tersenarai sebagai Kontraktor Kelas A (PKK) dengan Kementerian Kerja Raya Malaysia dan Kategori G7 dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

4.1.2. PIB dianggotai oleh tiga (3) orang ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PKNS sebagai Pengerusi dan dua (2) orang ahli Lembaga Pengarah iaitu Ketua Pegawai Operasi dan Pengurus Besar Pembangunan & Khidmat Teknikal daripada PKNS. Pengurusan PIB diketuai oleh CEO dan dibantu oleh Ketua Pegawai Operasi serta 43 kakitangan lain. Pengurusan PIB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan serta Standard Polisi dan Prosedur Operasi (SOPP) syarikat.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai kedudukan kewangan adalah kukuh, amalan tadbir urus syarikat adalah baik serta pengurusan aktiviti PIB telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kedudukan kewangan bagi tahun 2014 hingga 2016 serta amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017. Bagi pengurusan aktiviti, sebanyak satu (1) daripada tiga (3) aktiviti telah diaudit iaitu perniagaan dalam bidang pembinaan. Aktiviti ini dipilih untuk pengauditan kerana ia menyumbang peratusan paling tinggi kepada pendapatan utama syarikat iaitu 86.2% bagi tahun 2016, 88.5% bagi tahun 2015 dan 71.6% bagi tahun 2014. Pengauditan ini telah dijalankan di pejabat syarikat PIB di Petaling Jaya, Selangor.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Penilaian kedudukan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan PIB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 yang telah diaudit dan diberi Sijil Tanpa Teguran oleh Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan dan analisis aliran tunai. Bagi amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti, kaedah pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan PIB. Selain itu, pihak Audit juga menjalankan analisis terhadap data syarikat, menemu bual pegawai berkaitan dan menjalankan lawatan tapak terhadap aktiviti yang dijalankan.

4.5. RUMUSAN AUDIT

4.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2017 merumuskan perkara seperti berikut:

4.5.1.1. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan PIB adalah stabil yang mana jumlah pendapatan PIB menunjukkan trend yang meningkat bagi tiga (3) tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM32.57 juta bagi tahun 2014, RM70.12 juta bagi tahun 2015 dan RM93.59 juta bagi tahun 2016. Nisbah hutang atas ekuiti PIB adalah baik iaitu pada 31.5% bagi tahun 2016 berbanding 3% nisbah bagi industri yang sama. Ini menunjukkan syarikat tidak bergantung kepada liabiliti jangka panjang dan mempunyai sumber kewangan dalaman yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti syarikat.

4.5.1.2. Pengurusan Aktiviti

Objektif penubuhan syarikat adalah untuk menjalankan perniagaan dalam bidang pembinaan, agen pembangunan hartanah dan perniagaan lain yang membawa keuntungan kepada syarikat. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac

hingga Mei 2017 mendapati syarikat telah menjalankan perniagaan dalam bidang pembinaan yang menyumbang peratusan paling tinggi kepada pendapatan utama syarikat iaitu 86.2% bagi tahun 2016, 88.5% bagi tahun 2015 dan 71.6% bagi tahun 2014. Prestasi penyertaan tender oleh syarikat bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 adalah cecap iaitu 56.8% manakala prestasi penganugerahan kontrak bagi tempoh yang sama adalah kurang cecap iaitu 44.2%. Selain itu, prestasi pendapatan daripada projek bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 pula didapati cecap iaitu pencapaian sebanyak 63.4% daripada sasaran yang ditetapkan.

4.5.1.3. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus PIB adalah baik kecuali Lembaga Pengarah berstatus bukan bebas.

4.5.2. Pengurusan pelaksanaan aktiviti perniagaan dalam bidang pembinaan bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 daripada aspek spesifikasi, kualiti kerja dan keselamatan di tapak adalah kurang cecap namun masih boleh dipertingkatkan dengan memberikan perhatian kepada pematuhan spesifikasi kerja, peningkatan tahap kualiti kerja dan pemantauan keselamatan di tapak.

4.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas PIB telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 13 Februari 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

4.6.1. Kedudukan Kewangan

4.6.1.1. Analisis terhadap kedudukan kewangan syarikat PIB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.1
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016


BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Pendapatan	32.40	69.77	93.43
Kos Kontrak	27.44	65.54	85.24
Keuntungan Kasar	4.96	4.23	8.19
Pendapatan Lain	0.17	0.35	0.16
Belanja Operasi dan Pentadbiran	5.29	4.51	5.04
Keuntungan/(Kerugian) Operasi Sebelum Cukai	(0.16)	0.07	3.31
Cukai	0.66*	(0.06)	(0.99)
Keuntungan Selepas Cukai	0.50	0.01	2.32
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	8.03	7.73	9.75
JUMLAH ASET	63.65	83.62	101.02
JUMLAH LIABILITI	49.57	69.84	85.22
JUMLAH EKUITI	14.08	13.78	15.80
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	63.65	83.62	101.02
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	4.18	11.11	3.66

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIB Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016


Nota: * - Pelarasan Jumlah Cukai yang Terlebih Diperuntukkan Tahun Sebelum

4.6.1.2. Pendapatan utama PIB adalah daripada hasil aktiviti pembinaan. Selain itu, PIB juga menerima pendapatan terdiri daripada pembangunan hartanah, lain-lain projek, pembaikan kenderaan dan jentera. Pendapatan lain yang diperoleh PIB juga termasuk faedah, sewaan dan lain-lain. Analisis Audit mendapati jumlah pendapatan PIB menunjukkan trend yang meningkat. Bagi tahun 2014, jumlah pendapatan adalah RM32.57 juta dan meningkat kepada RM70.12 juta tahun 2015 seterusnya meningkat pada tahun 2016 kepada RM93.59 juta. Perbelanjaan PIB pula terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu kos kontrak dan belanja operasi serta pentadbiran. Analisis Audit mendapati jumlah perbelanjaan juga menunjukkan trend peningkatan selaras dengan trend pendapatan. Jumlah perbelanjaan pada tahun 2015 meningkat kepada RM70.05 juta berbanding RM32.73 juta pada tahun 2014. Jumlah perbelanjaan ini seterusnya meningkat kepada RM90.28 juta pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Carta 4.1**.

CARTA 4.1
TREND PENDAPATAN
DAN PERBELANJAAN BAGI
TAHUN 2014 HINGGA 2016



CARTA 4.2
TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN)
SEBELUM CUKAI DAN KEUNTUNGAN
TERKUMPUL BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit PIB Bagi Tahun 2014 Hingga 2016

4.6.1.3. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah memberi kesan kepada keuntungan PIB. Analisis terhadap untung rugi PIB bagi tahun 2014 hingga 2016 mendapati PIB mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM160,114 bagi tahun 2014. Namun begitu, keuntungan sebelum cukai dicatatkan bagi tempoh dua (2) tahun masing-masing RM69,470 bagi tahun 2015 dan RM3.31 juta bagi tahun 2016. Keuntungan sebelum cukai menunjukkan trend meningkat bagi tahun 2015 dan 2016 dengan peningkatan masing-masing sejumlah RM229,584 dan RM3.24 juta. Peningkatan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2015 dan 2016 adalah disebabkan peningkatan dalam jumlah pendapatan yang disumbangkan daripada aktiviti pembinaan. Pada tahun 2014 hingga 2016, syarikat telah mencatatkan keuntungan terkumpul kesan daripada keuntungan selepas cukai yang dicatatkan setiap tahun. Sehingga 31 Disember 2016, keuntungan terkumpul PIB adalah berjumlah RM9.75 juta. Trend untung rugi dan keuntungan terkumpul adalah seperti di **Carta 4.2**.

4.6.1.4. Berdasarkan **Jadual 4.1**, jumlah aset PIB direkodkan meningkat setiap tahun iaitu berjumlah RM63.65 juta bagi tahun 2014, RM83.62 juta bagi tahun 2015 dan RM101.02 juta bagi tahun 2016. Komponen terbesar bagi aset adalah penghutang perniagaan yang terdiri daripada kontrak pembinaan, pembangunan perniagaan dan usaha sama (*joint venture*) yang menjadi penyumbang utama kepada peningkatan aset. Peningkatan liabiliti PIB juga direkodkan setiap tahun yang berjumlah RM49.57 juta bagi tahun 2014, RM69.84 juta bagi tahun 2015 dan RM85.22 juta bagi tahun 2016. Pemiutang perniagaan merupakan komponen yang terbesar menyumbang kepada peningkatan liabiliti syarikat.

4.6.1.5. Secara keseluruhannya, kedudukan aliran tunai PIB adalah memuaskan disebabkan aliran tunai PIB adalah berbaki positif bagi tempoh tiga (3) tahun masing-masing berjumlah RM4.18 juta, RM11.11 juta dan RM3.66 juta. Walaupun aliran tunai PIB berbaki positif bagi tempoh tiga (3) tahun tersebut, prestasi aliran tunai ini perlu diberi perhatian kerana penyumbang kepada kedudukan aliran tunai yang positif pada tahun 2016 adalah dari baki tunai pada awal tahun berjumlah RM11.11 juta dan tunai bersih yang dijana dalam aktiviti pembiayaan berjumlah RM2.17 juta melalui pinjaman jangka panjang.

4.6.1.6. Analisis lanjut Audit mendapati pada 31 Disember 2016, tahap kecairan PIB adalah kurang memuaskan kerana jumlah liabiliti semasa telah melebihi jumlah aset semasa berjumlah RM1.88 juta. Peningkatan aset semasa yang disumbangkan oleh penghutang perniagaan menunjukkan pengurusan kredit PIB adalah tidak cekap yang mana tempoh kutipan yang lama iaitu 224 hari pada tahun 2016 berbanding penanda aras industri iaitu 85.2 hari. Bagi tahun 2016 pulangan keuntungan dari PIB masih belum memuaskan kerana pendapatan yang dijana masih belum berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi dan syarikat kurang cekap menggunakan aset bagi meningkatkan keuntungan. Selain itu, pulangan ke atas ekuiti masih kurang memuaskan kerana hanya memberi pulangan pada kadar RM0.15 kepada pemegang saham berbanding penanda aras industri pada kadar RM0.77.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan PIB adalah stabil dan boleh dipertingkatkan dengan memberi perhatian kepada tahap kecairan, pengurusan kredit yang kurang cekap yang mana tempoh kutipan yang lama melebihi enam (6) bulan dan meningkatkan prestasi aliran tunai daripada aktiviti operasi bagi mengelakkan aliran tunai yang negatif pada masa hadapan.

4.6.2. Pengurusan Aktiviti

4.6.2.1. Prestasi Aktiviti

a. Prestasi Penyertaan Tender dan Penganugerahan Kontrak

- i. PIB telah menetapkan nilai sasaran untuk penyertaan tender dan penganugerahan kontrak bagi tahun 2014 hingga 2017. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, prestasi penyertaan tender bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 adalah cekap iaitu 56.8% daripada sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, prestasi penganugerahan kontrak bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 adalah kurang cekap

iaitu 44.2% daripada sasaran yang ditetapkan. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.2
PRESTASI PENYERTAAN TENDER DAN
PENGANUGERAHAN KONTRAK BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

TAHUN	PENYERTAAN TENDER				PENGANUGERAHAN KONTRAK		
	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR		PERATUS TREND PENINGKATAN (%)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR	
		(RM Juta)	(%)			(RM Juta)	(%)
2014	1,000	470.42	47.0	TB	100	9.97	10.0
2015	1,500	698.41	46.6	48.5	150	162.22	108.1
2016	900	936.89	104.1	34.1	90	0	0
2017	500	109.84	22.0	TB	50	0	0
JUMLAH	3,900	2,215.56	56.8		390	172.19	44.2

Sumber: PIB

Nota: TB - Tidak Berkenaan

Maklum Balas PIB yang Diterima pada 19 September 2017

Penyertaan tender bagi tahun 2017 adalah sehingga bulan Mac 2017 sahaja yang mana tidak banyak tender yang dikeluarkan. Bagi penganugerahan kontrak pula, persaingan untuk mendapatkan projek adalah sangat tinggi. Kebanyakan penender menawarkan harga yang terlalu rendah dan PIB tidak yakin dapat menyiapkan projek pada kadar harga tersebut.

- ii. Merujuk **Jadual 4.2** prestasi penyertaan tender bagi tahun 2014 hingga 2017 didapati tidak konsisten yang mana prestasi adalah kurang cekap iaitu 47% bagi tahun 2014 dan 46.6% bagi tahun 2015. Pada tahun 2016 pula, prestasi didapati sangat cekap iaitu 104.1% manakala prestasi bagi tahun 2017 sehingga bulan Mac adalah didapati kurang cekap iaitu 22%. Selain itu, trend penyertaan tender didapati menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 48.5% bagi tahun 2015 berbanding penyertaan pada tahun 2014 dan 34.1% pada tahun 2016 berbanding penyertaan pada tahun 2015. Bagi penganugerahan kontrak pula, didapati prestasi juga adalah tidak konsisten yang mana bagi tahun 2014 adalah tidak cekap iaitu 10%, bagi tahun 2015 adalah sangat cekap iaitu 108.1% manakala bagi tahun 2016 dan 2017 adalah tidak cekap iaitu tiada penganugerahan kontrak.
- iii. Selain menilai prestasi penyertaan tender dan penganugerahan kontrak berdasarkan sasaran yang ditetapkan oleh PIB, pihak Audit juga menyemak prestasi penganugerahan kontrak berdasarkan nilai dan bilangan penyertaan tender. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017, prestasi penganugerahan kontrak adalah tidak cekap iaitu enam (6) daripada 56 penyertaan atau 10.7% yang bernilai

RM172.19 juta daripada RM2.22 bilion atau 7.8% seperti maklumat di jadual berikut:

JADUAL 4.3
STATUS PENYERTAAN TENDER MENGIKUT
NILAI DAN BILANGAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

TAHUN	NILAI PENYERTAAN TENDER (RM Juta)	STATUS TENDER				BIL. PENYERTAAN TENDER	STATUS TENDER			
		BERJAYA		GAGAL			BERJAYA		GAGAL	
		NILAI (RM Juta)	(%)	NILAI (RM Juta)	(%)		BIL.	(%)	BIL.	(%)
2014	470.42	9.97	2.1	460.45	97.9	13	1	7.7	12	92.3
2015	698.41	162.22	23.2	536.19	76.8	21	5	23.8	16	76.2
2016	936.89	0	0	936.89	100	19	0	0	19	100.0
2017	109.84	0	0	109.84	100	3	0	0	3	100.0
JUMLAH	2,215.56	172.19	7.8	2,043.37	92.2	56	6	10.7	50	89.3

Sumber: PIB

iv. Semakan Audit mendapati antara sebab tender tidak berjaya adalah seperti berikut:

- Mengikut minit mesyuarat Lembaga Pengarah PIB Kali ke 77 bertarikh 16 Mei 2014, harga yang ditawarkan oleh syarikat bagi kerja infrastruktur didapati terlalu tinggi berbanding penender lain yang mempunyai mesin dan jentera sendiri yang menyebabkan mereka mampu menawarkan kadar yang lebih murah. Minit mesyuarat ini juga menyatakan, bagi kerja bangunan syarikat belum mempunyai jaringan pembekal yang bersedia untuk mengemukakan kadar mereka kepada syarikat walaupun telah dipelawa. Perkara ini berlaku selaras dengan kaedah penyertaan tender yang telah diamalkan oleh syarikat iaitu meminta pihak sub kontraktor yang telah dikenal pasti untuk mengemukakan harga dan pihak syarikat kemudian menambah keuntungan pada kadar tertentu ke atas harga tersebut.
- Mengikut Laporan Status KPI Syarikat 2015, punca kegagalan pencapaian KPI adalah kerana persaingan yang sengit dari segi kadar harga dan kurang rangkaian dengan pembekal bahan binaan.

Maklum Balas PIB yang Diterima pada 19 September 2017

Pada tahun 2016, penawaran harga tender oleh kontraktor adalah sangat kompetitif kerana kebanyakan kontraktor tiada projek menyebabkan mereka menyertai tender pada kadar harga yang rendah untuk mendapatkan projek baru. Bagi tahun 2017, PIB berjaya memperoleh projek baru pada bulan Julai berjumlah RM40 juta. Antara usaha penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PIB adalah:

- *Bekerjasama dengan lebih banyak syarikat untuk mendapatkan kadar harga yang lebih kompetitif;*
 - *Syarikat juga mengguna pakai kaedah kerja secara sub-trade serta menubuhkan Unit Purchasing untuk membantu Bahagian Pengurusan Projek;*
 - *Menjalinkan kerjasama dengan syarikat luar yang mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh bagi mengemukakan cadangan pelaksanaan projek yang berkonsepkan bayaran secara bullet payment; dan*
 - *Mengemukakan kertas cadangan kepada klien tertentu untuk melaksanakan projek secara Reka dan Bina mengikut keperluan semasa.*
- v. Semakan Audit terhadap penyertaan tender mengikut pemaju projek pula mendapati bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017, PIB telah menyertai 15 tender bernilai RM576.74 juta bagi projek PKNS, 16 tender bernilai RM568.10 juta bagi projek Syarikat Berkaitan PKNS dan Kerajaan Negeri, lima (5) tender bernilai RM142 juta bagi projek Sektor Awam dan 20 tender bernilai RM928.72 juta bagi projek Sektor Swasta adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.4
PENGANUGERAHAN KONTRAK MENGIKUT
PEMILIK PROJEK BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

PENYERTAAN/ STATUS	PKNS		SYARIKAT BERKAITAN PKNS & KERAJAAN NEGERI		SEKTOR AWAM		SEKTOR SWASTA		JUMLAH	
	NILAI (RM Juta)	BIL.	NILAI (RM Juta)	BIL.	NILAI (RM Juta)	BIL.	NILAI (RM Juta)	BIL.	NILAI (RM Juta)	BIL.
Penyertaan	576.74	15	568.10	16	142	5	928.72	20	2,215.56	56
Berjaya	9.97	1	162.22	5	0	0	0	0	172.19	6
Peratus Berjaya	1.7	6.7	28.6	31.3	0	0	0	0	7.8	10.7

Sumber: PIB

- vi. Merujuk **Jadual 4.4**, secara keseluruhannya, bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 didapati PIB berjaya mendapat penganugerahan kontrak paling banyak daripada Syarikat Berkaitan PKNS dan Kerajaan Negeri iaitu lima (5) daripada 16 penyertaan atau 31.3% diikuti oleh PKNS iaitu satu (1) daripada 15 penyertaan atau 6.7%. PIB didapati tidak berjaya memperoleh sebarang penganugerahan kontrak daripada Sektor Awam dan Sektor Swasta walaupun telah menyertai masing-masing lima (5) tender bernilai RM142 juta dan 20 tender bernilai RM928.72 juta.

Maklum Balas PIB yang Diterima pada 19 September 2017

- *Penyertaan yang terlalu ramai bagi tender di Sektor Awam menyebabkan persaingan harga terlalu kompetitif.*
- *Status syarikat yang berkaitan dengan kerajaan negeri mempengaruhi keputusan perolehan tender.*
- *Pihak syarikat telah memutuskan untuk lebih fokus menyertai tender yang berpotensi sahaja serta mempunyai kepakaran dan pengalaman berdasarkan projek yang lepas.*
- *Meluaskan asas pendapatan dengan menceburi bidang lain seperti pembangunan hartanah dan khidmat kejuruteraan.*

- vii. Kegagalan memperoleh penganugerahan kontrak bagi tahun 2016 dan 2017 (sehingga bulan Mac) menyebabkan syarikat dijangka menghadapi cabaran yang getir bagi tahun 2018 seperti yang dinyatakan dalam Ringkasan Bajet Tahun 2018.

Pada pendapat Audit, prestasi penyertaan tender bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 adalah cecap iaitu 56.8% manakala prestasi penganugerahan kontrak bagi tempoh yang sama adalah kurang cecap iaitu 44.2% daripada sasaran yang ditetapkan. Selain itu, PIB juga hendaklah memberi perhatian kepada prestasi penganugerahan kontrak daripada Sektor Awam dan Sektor Swasta yang mana tiada penganugerahan kontrak yang diperolehi bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017.

b. Prestasi Pendapatan daripada Projek

- i. Prestasi pendapatan daripada projek merujuk kepada pencapaian pendapatan berbanding nilai sasaran pendapatan yang ditetapkan oleh syarikat bagi setiap tahun. PIB telah menetapkan nilai pendapatan daripada projek yang ingin dicapai bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya prestasi pendapatan daripada projek bagi tempoh tersebut adalah cecap iaitu 63.4% seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.5
PRESTASI PENDAPATAN DARIPADA
PROJEK BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

TAHUN	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PERATUS (%)
2014	25.30	19.00	75.1
2015	90.07	52.44	58.2
2016	130.01	79.73	61.3
2017	2.01	1.68	83.6
JUMLAH	247.39	156.85	63.4

Sumber: PIB

- ii. Berdasarkan sasaran syarikat mengikut KPI yang ditetapkan, PIB sepatutnya boleh mencapai nilai pendapatan daripada projek yang lebih tinggi berdasarkan perancangan kerja yang akan dilaksanakan. Bagaimanapun, mengikut Laporan Status KPI Syarikat yang dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah, antara sebab sasaran pendapatan daripada projek tidak tercapai adalah seperti berikut:
 - Bagi tahun 2014 berlaku kelewatan pelaksanaan di tapak bagi projek Persimpangan Bertingkat Dari Lebuhraya Persekutuan ke Kawasan Pembangunan Seksyen 7 Shah Alam kerana perubahan jajaran atau jambatan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Projek ini sepatutnya disiapkan pada 30 September 2013 namun telah disiapkan pada 30 April 2015 setelah diberi lanjutan masa sebanyak tiga (3) kali. Lanjutan masa diberikan berikutan kelewatan oleh pihak ketiga dan tiada denda dikenakan. Selain itu, projek Menyiapkan 224 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Superlink Bandar Utama Batang Kali juga didapati lewat berikutan kerja pemeriksaan paip pembetulan oleh Indah Water Consortium. Projek ini yang bermula pada 2 Februari 2012 sepatutnya disiapkan pada 1 Ogos 2013 namun telah disiapkan pada 30 Disember 2014. Permohonan lanjutan masa tidak diluluskan oleh pemilik projek dan sejumlah RM1.84 juta denda telah dikenakan bagi kelewatan selama 235 hari.
 - Bagi tahun 2015 berlaku kelewatan memulakan kerja di tapak bagi projek 30 Unit Kedai Pejabat, Taman Keruing Rasa, disebabkan oleh proses pelantikan kontraktor *sub trade*, kelewatan proses Pihak Berkuasa Tempatan untuk kerja tanah, masalah keadaan di tapak serta dokumen kontrak yang tidak jelas. Projek ini telah bermula pada 15 Oktober 2014 dan sepatutnya disiapkan pada 24 Jun 2016 namun telah disiapkan pada 14 September 2017. Denda berjumlah RM804,400 telah dikenakan bagi kelewatan selama 126 hari. Bagi projek *Proposed Reclamation Shore Protection At Phase 3C*, Pulau Indah yang mula dilaksanakan pada 19 Januari 2015, kerja

penambahan pasir lewat dilakukan kerana kelewatan pihak klien mendapatkan kelulusan *Environmental Management Plan* yang telah menjejaskan prestasi perolehan pada tahun tersebut. Walaupun projek ini mengalami kelewatan di peringkat awal pelaksanaan, namun ia telah disiapkan pada 18 Julai 2016 iaitu seperti tarikh siap asal yang ditetapkan.

- iii. Bagi tahun 2016 tempoh projek Perkhidmatan Pembersihan di Lebuhraya KESAS dan Pemotongan Rumput KESAS telah ditamatkan serta projek baharu belum diperoleh. Tarikh tamat projek mengikut perjanjian masing-masing adalah pada 30 Julai 2017 dan 31 Julai 2017. Bagaimanapun, kedua-dua projek ini telah ditamatkan lebih awal iaitu pada 21 Julai 2016 disebabkan sub-kontraktor yang dilantik telah gagal menghadirkan diri untuk menjalankan kerja di tapak. PIB tidak mengenakan denda kepada syarikat, namun PIB tidak memulangkan wang jaminan pelaksanaan sebanyak 5% iaitu berjumlah RM16,000 daripada bayaran kerja yang telah dilaksanakan dalam tempoh kontrak. Bagi tahun 2017 pula, projek baharu masih belum diperoleh.

Maklum Balas PIB yang Diterima pada 19 September 2017

Projek 30 Unit Kedai Pejabat, Taman Keruing Rasa adalah projek pertama yang dilaksanakan secara Construction Management Service (CMS). Syarikat adalah sebagai Pengurus Pembinaan dan kontraktor yang dilantik dengan kelulusan daripada klien. PIB memulakan kerja di tapak pada 23 Januari 2015 tetapi tidak dibenarkan oleh pihak konsultan kerana kelulusan pelan kerja tanah belum diperoleh. Selain itu, banyak cerucuk yang mengalami keretakan kerana profil tanah yang berbatu kapur menyebabkan berlakunya penambahan kerja bagi menambah bilangan cerucuk.

Pada pendapat Audit, prestasi pendapatan daripada projek secara keseluruhan bagi tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 adalah cekap iaitu pencapaian sebanyak 63.4% daripada sasaran yang ditetapkan.

4.6.2.2. Pengurusan Pelaksanaan Aktiviti

Lawatan tapak bersama Bahagian Teknikal, Sektor Audit Prestasi telah dijalankan pada 25 Mei 2017. Hasil lawatan tapak dan semakan terhadap dokumen berkaitan dua (2) projek yang dilaksanakan pada tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 mendapati perkara berikut:


a. Pematuhan Spesifikasi dan Kualiti Kerja

i. Projek Kerja Infrastruktur di Jalan Mahogani Utama 1 & 2 Berserta Sebuah Tangki Simpanan Air Konkrit Berkapasiti 650,000 Gelen di Seksyen 4, Batang Kali

• Lukisan Pembinaan

- ❖ Merujuk Senarai Kuantiti (Rujukan *Bill 6.0 Electrical Infra Services* di muka surat *ELECT INFRA_1*) dan Lukisan Pembinaan bagi lampu jalan rujukan KJP/1011/95/SEK 4/ST/3, ketinggian *service door* sepatutnya adalah 500 mm dari *base flange* (tapak asas) bagi tiang lampu 10 meter adalah seperti di **Gambar 4.1**. Bagaimanapun, lawatan Audit terhadap sampel yang dipilih mendapati ketinggian *Service Door* tiang lampu yang dipasang adalah 100 mm dari aras tanah iaitu lebih rendah daripada yang ditetapkan adalah seperti di **Gambar 4.2**.
- ❖ Perkara ini berlaku akibat dari penyeliaan tapak yang kurang berkesan yang mana ia boleh menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan kerja senggaraan kerana kedudukan *service door* terlalu rendah.

GAMBAR 4.1



HT (m)	PLANTING DEPTH 'P'	'A'	'B'	'C'	'D'
6	1100	500	90	300	305
7	1200	500	90	300	305
8	1300	450	120	300	500
9	1400	450	120	300	500
10	1500	450	120	335	500
11	1600	450	120	335	500
12	1700	450	120	400	500

Lukisan Pembinaan Terperinci Lampu Jalan KJP/1011/95/SEK 4/ST/3
- Ketinggian *Service Door* Tiang Lampu yang Sepatutnya Dipasang Adalah 500 mm dari Tapak Asas

GAMBAR 4.2



- Ketinggian *Service Door* Tiang Lampu yang Telah Dipasang Adalah 100 mm dari Aras Tanah (25.05.2017)

Maklum Balas PIB yang Diterima pada 19 September 2017


Kontraktor yang melakukan pemasangan telah diberi surat NCP/NCR pada 4 Oktober 2016 bagi pemasangan yang tidak mengikut spesifikasi.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang teliti perlu dilakukan terhadap kerja di tapak bagi memastikan pemasangan dibuat mengikut spesifikasi.

ii. **Projek Membina dan Menyiapkan 30 Unit Rumah Kedai Pejabat Dua Tingkat Taman Keruing, Rasa, Mukim Serendah**

- **Kualiti Kerja**

- Mengikut amalan kejuruteraan yang baik sebagai contoh panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (*Mechanical System Design and Installation Guidelines For Architects and Engineers Edition 2011*), perlu ada ruang kelegaan antara paip dan dinding/lantai untuk memudahkan kerja penyenggaraan pada masa akan datang. Bagaimanapun lawatan Audit di unit No. 2 aras bawah mendapati tiada ruang kelegaan antara paip dan dinding adalah seperti di **Gambar 4.3**.
- Antara sebab berlakunya perkara ini adalah penyeliaan tapak yang kurang berkesan. Ini akan menyukarkan kerja penyenggaraan dan pembaikan paip jika berlaku kebocoran kerana ia melibatkan kerja memecah dinding. Selepas teguran Audit, kerja pembaikan dengan menyediakan ruang kelegaan antara paip dan dinding telah dijalankan oleh kontraktor adalah seperti di **Gambar 4.4**.



Maklum Balas PIB yang Diterima pada 19 September 2017

Kontraktor yang melakukan pemasangan telah diberi surat NCP/NCR bagi pemasangan yang tidak mengikut spesifikasi. Kerja pembaikan semula telah dilaksanakan di tapak.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang teliti perlu dilakukan terhadap kerja di tapak bagi memastikan kualiti kerja memuaskan.

- **Spesifikasi Kerja**

- Merujuk Lukisan Pembinaan bagi pemasangan sinki dapur rujukan PKNS/A/US/1160/KP-5, sinki dapur hendaklah dipasang dengan ketinggian 825 mm adalah seperti di **Gambar 4.5**. Bagaimanapun, lawatan Audit terhadap sampel yang dipilih mendapati sinki dapur telah dipasang lebih rendah iaitu dengan ketinggian 780 mm adalah seperti di **Gambar 4.6**. Selepas teguran Audit sinki dapur telah dipasang mengikut ketinggian seperti lukisan pembinaan iaitu 825 mm seperti yang ditunjukkan pada pita pengukur adalah seperti di **Gambar 4.7**.

GAMBAR 4.5




- Lukisan Pembinaan Bagi Pemasangan Sinki Dapur Rujukan PKNS/A/US/1160/KP-5 Menunjukkan Sinki Dapur Hendaklah Dipasang Dengan Ketinggian 825 mm

GAMBAR 4.6



- Sinki Dapur Telah Dipasang Dengan Ketinggian 780 mm (25.05.2017)

GAMBAR 4.7



- Sinki Dapur Telah Dipasang Dengan Ketinggian 825 mm atau 82.5 cm (20.02.2018) (Sumber: PIB)



Maklum Balas PIB yang Diterima pada 19 September 2017


Kontraktor yang melakukan pemasangan telah diberi surat NCP/NCR bagi pemasangan yang tidak mengikut spesifikasi. Kerja pembaikan semula telah dilaksanakan di tapak mengikut spesifikasi ketinggian seperti di lukisan pembinaan.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang teliti perlu dilakukan terhadap kerja di tapak bagi memastikan pemasangan dilaksanakan mengikut lukisan pembinaan.

- **Lukisan Siap Bina Tidak Sama Seperti yang Dibina**


- Merujuk Lukisan Siap Bina bagi papan suis elektrik rujukan ASYHRA/ABD/ELEC/GF/2017-1 bagi aras bawah dan ASYHRA/ABD/ELEC/FF/2017-2 bagi aras atas, *Moulded Case Circuit Breaker* (MCCB) telah dipasang pada papan suis elektrik seperti di **Gambar 4.8**. Bagaimanapun, lawatan Audit ke rumah kedai pejabat di Taman Keruing, Rasa mendapati MCCB tidak dipasang pada papan suis elektrik seperti di **Gambar 4.9**.

GAMBAR 4.8



- Lukisan Siap Bina Bagi Papan Suis Elektrik Rujukan ASYHRA/ABD/ELEC/GF/2017-1 Bagi Aras Bawah Menunjukkan MCCB Telah Dipasang pada Papan Suis Elektrik


GAMBAR 4.9



- MCCB Tidak Dipasang pada Papan Suis Elektrik (25.05.2017)

- Sistem perlindungan elektrik yang dipasang tidak lengkap sebagaimana keperluan sebenar dan papan suis elektrik tersebut tidak boleh digunakan sehingga MCCB dipasang. Selepas teguran Audit, kerja pemasangan MCCB telah dilaksanakan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.10




- MCCB Telah Dipasang pada Papan Suis Elektrik (20.02.2018)
(Sumber: PIB)

Pada pendapat Audit, Lukisan Siap Bina sepatutnya menggambarkan pembinaan atau pemasangan sebenar yang telah disediakan di tapak.


- Mengikut Lukisan Siap Bina bagi papan suis elektrik rujukan ASYHRA/ABD/ELEC/FF/2017-2 bagi aras atas, kadaran (*rating*) *Miniature Circuit Breaker* (MCB) yang telah dipasang adalah 32 *Ampere* seperti di **Gambar 4.11**. Bagaimanapun, lawatan Audit ke rumah kedai pejabat yang dipilih di Taman Keruing, Rasa mendapati kadaran MCB yang dipasang adalah 20 *Ampere* seperti di **Gambar 4.12**.
- Perkara ini berlaku akibat dari penyeliaan tapak yang kurang berkesan yang mana ia boleh menyebabkan kesukaran untuk kerja penyenggaraan pada masa hadapan. Selepas teguran Audit, MCB 32 *Ampere* telah dipasang seperti di **Gambar 4.13**.

GAMBAR 4.11



- Lukisan Siap Bina Bagi Papan Suis Elektrik Rujukan ASYHRA/ABD/ELEC/FF/2017-2 Bagi Aras Atas Menunjukkan kadaran (rating) MCB yang Telah Dipasang Adalah 32 Ampere

GAMBAR 4.12



- Kadaran MCB yang Dipasang Adalah Dengan Kadaran 20 Ampere (25.05.2017)



GAMBAR 4.13

- MCB 32 Ampere telah dipasang Pada Papan Suis Elektrik (20.02.2018) (Sumber: PIB)

Maklum Balas PIB yang Diterima pada 19 September 2017

Pemasangan itu belum disahkan oleh Jurutera Elektrik dan kontraktor yang membuat pemasangan mengakui kesilapan tersebut dan kerja pembaikan dengan memasang MCB 32 Ampere telah dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang teliti perlu dilakukan terhadap kerja di tapak bagi memastikan pemasangan seperti yang ditunjukkan pada Lukisan Siap Bina.

b. Keselamatan di Tapak Bina

- i. Merujuk Seksyen 15 dan Seksyen 24 Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, pekerja hendaklah menggunakan kelengkapan dan peralatan perlindungan individu di tapak bina. Bagaimanapun, lawatan di tapak pada 25 Mei 2017 mendapati pekerja tidak menggunakan kelengkapan dan peralatan perlindungan individu di tapak iaitu topi, jaket dan kasut keselamatan. Contoh ketidakpatuhan seperti di **Gambar 4.14**.
- ii. Perkara ini berlaku kerana kurang penyeliaan terhadap keselamatan dan risiko kemalangan di tapak bina.



GAMBAR 4.14

Taman Keruing Rasa, Mukim Serendah
- Pekerja Tidak Menggunakan Kelengkapan dan
Peralatan Keselamatan Individu di Tapak Bina
(25.02.2017)

Maklum Balas PIB yang Diterima pada 19 September 2017

Pihak kontraktor telah diberi peringatan tentang keperluan mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan di tapak bina melalui mesyuarat bulanan dan tool box briefing yang sering diadakan. Namun demikian, masih terdapat pekerja yang ingkar dan tidak mematuhi peraturan keselamatan berkenaan. Sebagai penambahbaikan, pihak PIB akan mengenakan penalti/denda kepada pekerja yang ingkar pada masa akan datang.

Pada pendapat Audit, pegawai yang bertanggungjawab perlu membuat pemantauan keselamatan pekerja di tapak dan memastikan pekerja mematuhi peraturan keselamatan dengan lebih kerap lagi bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

4.6.3. Tadbir Urus

4.6.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Pihak Audit telah menilai amalan tadbir urus syarikat berdasarkan *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2017, The*

Green Book - Enhancing Board Effectiveness April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook MKD*] dan Panduan Tadbir Urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditors*.

4.6.3.2. Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus PIB adalah baik berdasarkan aspek amalan terbaik yang telah diamalkan oleh PIB iaitu pelantikan dan peranan Pengerusi dan CEO, Jawatankuasa Audit, Audit Dalam, *Standard Operating Procedures* dan Pelan Strategik.

4.6.3.3. Aspek tadbir urus yang tidak diamalkan oleh PIB adalah seperti berikut:

a. Lembaga Pengarah

Berdasarkan MCCG 2017 *practice* 4.1, sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah hendaklah Pengarah berstatus bebas. Semakan Audit terhadap komposisi keahlian Lembaga Pengarah PIB mendapati semua Lembaga Pengarah PIB adalah berstatus bukan bebas. PIB boleh mempertimbangkan komposisi Lembaga Pengarah berdasarkan amalan terbaik agar pengawasan yang lebih berkesan terhadap pihak pengurusan syarikat.

Pada pendapat Audit, pelantikan ahli Lembaga Pengarah PIB adalah tidak mengikut amalan terbaik bagi bilangan ahli bebas.

4.7. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan supaya PIB mengambil tindakan seperti berikut:

4.7.1. meningkatkan kedudukan kewangan dengan mengurangkan liabiliti semasa dan meningkatkan kecekapan mengutip balik hutang dari penghutang bagi memastikan aliran tunai yang cukup untuk belanja operasi agar tidak bergantung kepada pembiayaan dari luar;

4.7.2. meningkatkan penyertaan tender bagi mendapatkan lebih banyak peluang untuk penganugerahan kontrak. Selain itu, meningkatkan pemantauan dan pematuhan spesifikasi, kualiti kerja dan keselamatan di tapak;

4.7.3. mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan amalan tadbir urus korporat syarikat bagi memastikan kecemerlangan operasi syarikat; dan

4.7.4. mempertimbangkan komposisi Lembaga Pengarah berdasarkan amalan terbaik agar pengawasan yang lebih berkesan terhadap pihak pengurusan syarikat.

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

5. COMMUNICATION CORPORATION SDN. BHD.

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Syarikat Communication Corporation Sdn. Bhd. (CCSB) merupakan syarikat milik penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] dengan modal saham dibenarkan dan berbayar berjumlah RM5 juta. CCSB telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mula beroperasi pada 18 Februari 2009 di Seksyen 13, Shah Alam. CCSB adalah syarikat yang terlibat dalam aktiviti yang tidak bermotifkan keuntungan di bawah jenama Media Selangor. CCSB melaksanakan aktiviti melalui sumber kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui MBI. Objektif penubuhan syarikat adalah untuk menguruskan komunikasi antara Kerajaan Negeri dan rakyat. Aktiviti utama syarikat adalah memberikan khidmat rangkaian komunikasi umum, pengiklanan media massa serta perkhidmatan perunding dan latihan. Perniagaan rangkaian komunikasi umum terdiri daripada surat khabar, televisyen, laman sesawang dan media sosial iaitu *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*. Komunikasi melalui surat khabar iaitu Selangor Kini dikeluarkan dalam versi Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil secara bercetak dan dalam talian di alamat <https://selangorkini.my>.

5.1.2. CCSB mempunyai empat (4) orang ahli Lembaga Pengarah yang diterajui oleh Menteri Besar Selangor. Ahli Lembaga Pengarah yang lain ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Pegawai Eksekutif MBI. Peranan dan fungsi Lembaga Pengarah akan dibantu oleh Jawatankuasa Exco dan Lembaga Penasihat Editorial yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan syarikat CCSB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 65 pegawai dan kakitangan. Pengurusan CCSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan serta Prosedur Operasi Standard (SOP) syarikat.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kedudukan kewangan CCSB adalah kukuh, pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan dan amalan tadbir urus adalah baik.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kedudukan kewangan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 serta pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017. Bagi pengurusan aktiviti, satu (1) daripada tiga (3) aktiviti telah diaudit iaitu khidmat rangkaian komunikasi umum yang difokuskan kepada surat khabar Selangor Kini edisi Bahasa Melayu bercetak (Selangor Kini). Aktiviti ini dipilih untuk pengauditan kerana kos pencetakan dan pengedaran Selangor Kini merupakan penyumbang kos jualan yang paling tinggi iaitu 50% bagi tahun 2014, 45.6% bagi tahun 2015 dan 50.3% bagi tahun 2016.

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Penilaian kedudukan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan CCSB yang telah diaudit dan diberi pandangan adil dan saksama oleh Juruaudit Luar iaitu Tetuan Halim Ahmad & Co. bagi tahun 2014 dan 2015 serta Tetuan BDO bagi tahun 2016. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, trend aset dan liabiliti, nisbah kewangan dan aliran tunai. Bagi amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti, kaedah pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan CCSB. Pengauditan telah dijalankan di pejabat CCSB di Seksyen 13, Shah Alam. Selain itu, pihak Audit juga menjalankan analisis terhadap data syarikat dan menemu bual pegawai berkaitan di CCSB dan penyelaras yang dilantik di pejabat Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dewan Negeri Selangor. Pihak Audit telah menjalankan lawatan bersama wakil CCSB di pusat membeli belah terpilih dan 17 pejabat PKM bagi menyemak pengedaran Selangor Kini.

5.5. RUMUSAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

5.5.1. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan CCSB adalah stabil yang mana CCSB mempunyai sumber dana yang mencukupi bagi memenuhi obligasi liabilitinya pada masa diperlukan kerana jumlah asetnya melebihi jumlah liabiliti sepanjang tempoh tiga (3) tahun. Selain itu, CCSB juga mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai yang tinggi berjumlah RM432,139 pada akhir tahun 2016 berbanding RM23,949 bagi tahun 2015 dan RM302,876 bagi tahun 2014.

5.5.2. Pengurusan Aktiviti

Objektif penubuhan syarikat adalah untuk menguruskan komunikasi antara Kerajaan Negeri dan rakyat. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2017 mendapati objektif penubuhan syarikat secara umumnya telah dicapai yang mana syarikat telah memulakan operasinya pada tahun 2009. Bagi tahun 2015 hingga bulan Ogos 2017, syarikat telah menghasilkan sebanyak 24.04 juta naskhah Selangor Kini. Ini menunjukkan geran berjumlah RM28 juta yang disalurkan bagi tahun 2014 hingga 2016 oleh Kerajaan Negeri melalui MBI bagi menjalankan operasi syarikat telah digunakan untuk memberikan manfaat kepada rakyat Negeri Selangor. Prestasi penerbitan bagi tahun 2015 hingga bulan November 2017 adalah cecap. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:

5.5.2.1. pelantikan pembekal perkhidmatan tidak mematuhi SOP dan kontrak formal tidak disediakan;

5.5.2.2. kelompok sasar tidak ditetapkan, kajian terperinci bagi menetapkan bilangan naskhah dan lokasi Selangor Kini tidak dijalankan, kaedah pelaksanaan serta pemantauan pengedaran Selangor Kini perlu dipertingkatkan; dan

5.5.2.3. pemantauan melalui kajian bersama penyelidik berwibawa bagi mendapatkan maklum balas rakyat berhubung aktiviti komunikasi yang dijalankan belum dilaksanakan.

5.5.3. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus adalah kurang memuaskan kerana SOP dan prestasi pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta Pelan Perniagaan tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Selain itu, tiada surat pelantikan CEO dan semua Lembaga Pengarah CCSB adalah berstatus bukan bebas.

5.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui serta maklum balas CCSB telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 27 April 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.6.1. Kedudukan Kewangan

5.6.1.1. Analisis terhadap kedudukan kewangan syarikat CCSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan

dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.1
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016

BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Pendapatan	8.46	8.65	12.58
Kos Jualan ***	7.52	7.54	10.95
Untung Kasar	0.94	1.11	1.63
Pendapatan Lain	0.00*	0.00**	0.04
Belanja Pentadbiran Dan Belanja Lain	1.67	1.83	2.60
Kos Kewangan	0.00	0.00	0.01
Kerugian Operasi Sebelum Cukai	(0.73)	(0.72)	(0.94)
Cukai	0.00	0.00	0.00
Kerugian Selepas Cukai	(0.73)	(0.72)	(0.94)
KERUGIAN TERKUMPUL	(2.36)	(3.08)	(4.02)
JUMLAH ASET	3.99	3.37	2.65
JUMLAH LIABILITI	1.35	1.45	1.67
JUMLAH EKUITI	2.64	1.92	0.98
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	3.99	3.37	2.65
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	0.30	0.02	0.43

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit CCSB Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

Nota:

* - RM3,283

** - RM3,188

*** - Penggunaan Terma Kos Jualan Akan Ditukarkan Kepada Kos Operasi Mulai Tahun Kewangan 2017


5.6.1.2. Pendapatan utama CCSB adalah geran daripada Kerajaan Negeri Selangor melalui MBI yang berjumlah RM8 juta bagi tahun 2014, RM8.25 juta bagi tahun 2015 dan RM11.75 juta bagi tahun 2016. Selain itu, CCSB turut memperoleh pendapatan hasil pengiklanan di surat khabar bercetak berjumlah RM456,762 bagi tahun 2014, RM400,181 bagi tahun 2015 dan RM721,453 bagi tahun 2016. Lain-lain pendapatan operasi CCSB terdiri daripada produksi program, pencetakan dan penerbitan serta tajaan. Analisis Audit mendapati jumlah pendapatan CCSB menunjukkan trend yang meningkat. Bagi tahun 2014, jumlah pendapatan adalah RM8.46 juta dan meningkat kepada RM8.65 juta pada tahun 2015 seterusnya meningkat pada tahun 2016 kepada RM12.62 juta. Trend peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan terimaan geran dari Kerajaan Negeri Selangor pada setiap tahun.

5.6.1.3. Perbelanjaan CCSB pula terdiri daripada kos jualan, belanja pentadbiran dan kos kewangan. Analisis Audit mendapati jumlah perbelanjaan juga menunjukkan trend peningkatan selaras dengan trend pendapatan CCSB. Jumlah perbelanjaan pada tahun 2015 meningkat kepada RM9.37 juta berbanding RM9.19 juta pada tahun 2014. Jumlah perbelanjaan ini seterusnya meningkat kepada RM13.56 juta pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Komponen utama dalam kos jualan yang menyumbang kepada jumlah perbelanjaan yang besar setiap tahun adalah daripada perbelanjaan surat khabar Selangor Kini. Kos jualan surat khabar Selangor Kini pada tahun 2015


meningkat kepada RM5.81 juta berbanding RM5.36 juta pada tahun 2014. Kos jualan ini seterusnya meningkat kepada RM8.14 juta pada tahun 2016 berbanding tahun 2015.

5.6.1.4. Hasil daripada analisis terhadap trend pendapatan dan perbelanjaan di atas, CCSB mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM945,219 pada tahun 2016 iaitu peningkatan kerugian sejumlah RM222,666 (30.8%) berbanding kerugian RM722,553 pada tahun 2015. Seterusnya, kerugian sebelum cukai juga dicatatkan RM726,162 bagi tahun 2014. Peningkatan kerugian sebelum cukai pada tahun 2015 dan 2016 adalah disebabkan peningkatan dalam jumlah perbelanjaan daripada aktiviti berkaitan surat khabar Selangor Kini. Sehingga 31 Disember 2016, kerugian terkumpul CCSB adalah berjumlah RM4.02 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

CARTA 5.1
TREND PENDAPATAN
DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016



CARTA 5.2
TREND KERUGIAN SEBELUM CUKAI
SERTA KERUGIAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 3 Mei 2018

CCSB berusaha menampung kos operasi melalui aktiviti ruang pengiklanan (advertising space). Kesannya, Earnings Before Interest, Tax, Depreciation and Amortization (EBITDA) tahun 2017 merekodkan break even. Selain itu, kerugian yang ditunjukkan dalam akaun adalah kerana pada tahun 2014 sejumlah RM2 juta iaitu 20% daripada jumlah geran yang diterima telah dipermodalkan sebagai saham syarikat (ekuiti). Perkara ini telah memberi impak kerugian mulai tahun 2014 dan berikutnya. Mulai tahun 2017, semua geran telah diakaunkan sebagai terimaan (pendapatan).

5.6.1.5. Berdasarkan **Jadual 5.1**, syarikat CCSB mempunyai sumber dana yang mencukupi bagi memenuhi obligasi liabilitinya pada masa diperlukan kerana jumlah asetnya melebihi jumlah liabiliti sepanjang tempoh tiga (3) tahun. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset syarikat ialah Akaun Belum Terima dan terimaan lain manakala bagi liabiliti adalah pemiutang dan pemiutang lain. Aset CCSB bagi tahun 2016 menurun sejumlah RM718,745 berbanding tahun 2015. Penurunan ini adalah disebabkan pada tahun 2016 tiada lagi geran terakru berbanding tahun 2015 sejumlah RM2.25 juta dan RM3 juta pada tahun 2014. Liabiliti CCSB adalah sejumlah RM1.35 juta pada tahun 2014, RM1.45 juta pada tahun 2015 dan RM1.67 juta pada tahun 2016. Peningkatan liabiliti syarikat direkodkan setiap tahun dengan peningkatan sejumlah RM101,039 dan RM226,474 bagi tahun 2015 dan 2016 masing-masing berbanding tahun sebelumnya yang mana pemiutang perniagaan merupakan komponen yang terbesar menyumbang kepada liabiliti syarikat.

5.6.1.6. Secara keseluruhannya, tunai dan kesetaraan tunai CCSB adalah baik pada tahun 2016 dengan sejumlah RM432,139 berbanding RM23,949 pada akhir tahun 2015. Pertambahan yang ketara sejumlah RM408,190 pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah disebabkan penerimaan tunai daripada geran terakru tahun 2015 sejumlah RM2.2 juta.

5.6.1.7. Analisis lanjut Audit mendapati pada 31 Disember 2016, tahap kecairan CCSB adalah kurang memuaskan kerana jumlah liabiliti semasa telah melebihi jumlah aset semasa berjumlah RM151,323. Ini disebabkan pengurangan aset semasa susulan dari geran terakru yang telah dibayar pada tahun 2016 oleh syarikat induk sejumlah RM2.25 juta. Bagi tahun 2016, nisbah cepat CCSB adalah kurang memuaskan iaitu pada nisbah 0.90:1. Ini menunjukkan syarikat kurang mampu membayar liabiliti semasa tanpa bergantung kepada inventori. Selain itu, syarikat juga tidak cekap mengutip hutang dagangan kerana purata tempoh kutipan hutang yang lama iaitu 215 hari berbanding 30 hari kebiasaan tempoh kredit yang diberi kepada penghutang.

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 3 Mei 2018

Syarikat sedang menyelesaikan invois lama dan segala hutang dijangka dapat diselesaikan pada bulan November 2018. Selain itu, CCSB juga telah melantik seorang pegawai khas bagi menguruskan akaun penghutang syarikat mulai bulan Januari 2018. Sehubungan itu, purata tempoh kutipan suku tahun semasa adalah 38 hari.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan CCSB adalah stabil kerana CCSB mempunyai sumber dana yang mencukupi bagi memenuhi obligasi liabilitinya

pada masa diperlukan. Kedudukan kewangan CCSB juga boleh dipertingkatkan dengan memberi perhatian terhadap tempoh purata kutipan hutang yang melebihi 30 hari. Selain itu, CCSB hendaklah sentiasa meningkatkan pendapatan operasi selain daripada bergantung kepada geran Kerajaan Negeri.

5.6.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama CCSB adalah memberikan khidmat rangkaian komunikasi umum, pengiklanan media massa serta perkhidmatan perunding dan latihan. Aktiviti ini dipilih untuk pengauditan kerana kos pencetakan dan pengedaran Selangor Kini merupakan penyumbang kos jualan yang paling tinggi iaitu 50% bagi tahun 2014, 45.6% bagi tahun 2015 dan 50.3% bagi tahun 2016. Surat khabar Selangor Kini edisi Bahasa Melayu bercetak (Selangor Kini) merupakan salah satu khidmat rangkaian komunikasi umum yang dilaksanakan oleh syarikat sejak penubuhannya. Kitaran aktiviti penerbitan dan pengedaran Selangor Kini adalah seperti di carta berikut:

CARTA 5.3
KITARAN AKTIVITI PENERBITAN
DAN PENGEDARAN SELANGOR KINI



Sumber: CCSB

5.6.2.1. Prestasi Penghasilan/Penerbitan (Penerbitan) Selangor Kini

- a. CCSB menilai prestasi syarikat dengan menetapkan sasaran penerbitan Selangor Kini. Semakan Audit mendapati CCSB tidak menilai prestasi penerbitan bagi tahun 2014 kerana syarikat tidak mempunyai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) selama lebih empat (4) tahun mulai bulan Julai 2011 hingga Oktober 2015. Bagi tahun 2015, CCSB telah menetapkan sasaran penerbitan dengan mengambil kira bilangan naskhah surat khabar yang dihasilkan. Bagi tahun 2016 pula, CCSB telah mengukur prestasi berdasarkan bilangan berita yang diterbitkan dalam Selangor Kini.

- b. Secara keseluruhannya, prestasi penerbitan Selangor Kini bagi tahun 2014 hingga bulan November 2017 tidak dapat dinilai kerana CCSB tidak mempunyai sasaran bagi tahun 2014. Bagaimanapun, prestasi penerbitan Selangor Kini bagi tahun 2015 hingga bulan November 2017 adalah sangat baik iaitu 118% adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.2
PRESTASI PENERBITAN SELANGOR KINI
BERCETAK BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN NOVEMBER 2017

TAHUN	SASARAN	SEBENAR	PRESTASI (%)
2014	Tidak ditetapkan	Tidak Dinilai	-
	BIL. NASKHAH (Juta)	BIL. NASKHAH (Juta)	PRESTASI (%)
2015	8.60	8.68	100.9
	BIL. BERITA	BIL. BERITA	PRESTASI (%)
2016	2,833	3,858	136.2
2017	2,000	2,336	116.8
Prestasi Tahun 2015 Hingga 2017	-	-	118.0

Sumber: CCSB

- c. Merujuk kepada **Jadual 5.2** prestasi bagi tahun 2015 adalah sangat baik iaitu 100.9% yang mana sebanyak 8.68 juta naskhah surat khabar telah diterbitkan berbanding 8.60 juta naskhah yang disasarkan. Prestasi bagi tahun 2016 adalah sangat baik iaitu 136.2% yang mana sebanyak 3,858 berita telah diterbitkan berbanding 2,833 berita yang disasarkan. Prestasi bagi tahun 2017 sehingga bulan November adalah sangat baik iaitu 116.8% yang mana sebanyak 2,336 berita telah diterbitkan berbanding 2,000 berita yang disasarkan.

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 3 Mei 2018

Sebelum tahun 2015, syarikat tidak mempunyai KPI namun mulai tahun 2016 CCSB telah mengguna pakai Balanced Scorecard dan KPI untuk mengukur prestasi tahunan.

Pada pendapat Audit, prestasi penerbitan Selangor Kini adalah cekap kerana melebihi tahap sasaran yang ditetapkan. Namun sasaran perlu ditetapkan setiap tahun bagi memantau dan menambah baik prestasi syarikat.

5.6.2.2. Pelantikan Pembekal Perkhidmatan

- a. Mengikut SOP/2015/1 pengesahan daripada Jawatankuasa Eksekutif perlu diperoleh sebelum kelulusan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bagi perbelanjaan yang melebihi RM1 juta. Semakan Audit mendapati tiada pengesahan daripada Jawatankuasa Eksekutif dan kelulusan ALP bagi pelantikan pembekal perkhidmatan pencetakan dan pengedaran Selangor Kini bernilai RM4.87 juta bagi tahun 2016. Pelantikan pembekal adalah berdasarkan kepada prestasi tahun terdahulu namun tiada sebarang surat pelantikan yang dikeluarkan kepada pembekal bagi perkhidmatan tahun 2016.
- b. Mengikut amalan terbaik yang digariskan bagi kontrak formal Kerajaan Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 176.1(c), semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa, hendaklah diadakan kontrak formal walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000 dan Arahan Perbendaharaan 204 hendaklah dipatuhi. Semakan Audit mendapati hanya tiga (3) daripada 14 perolehan perkhidmatan yang bernilai RM4.54 juta daripada RM16.80 juta (27%) telah disediakan kontrak formal. Baki 11 perolehan perkhidmatan yang bernilai RM12.26 juta daripada RM16.80 juta (73%) tidak disediakan kontrak formal. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.3
KONTRAK FORMAL PERKHIDMATAN
PENCETAKAN DAN PENGEDARAN SERTA
PENYELARASAN SEMULA PENGEDARAN
SELANGOR KINI BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN OKTOBER 2017

TAHUN	PEMBEKAL PERKHIDMATAN		KONTRAK FORMAL			
			ADA		TIADA	
	BIL.	NILAI (RM Juta)	BIL.	NILAI (RM Juta)	BIL.	NILAI (RM Juta)
2014	4	3.43	0	0	4	3.43
2015	4	3.72	0	0	4	3.72
2016	2	5.41	1	0.54	1	4.87
2017	4	4.24	2	4.00	2	0.24
JUMLAH	14	16.80	3	4.54	11	12.26

Sumber: CCSB

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 3 Mei 2018

Mulai bulan Mac 2017 CCSB telah memastikan semua pembekal perkhidmatan pencetakan dan pengedaran dilantik mengikut prosedur yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelantikan pembekal perkhidmatan adalah tidak cekap kerana CCSB tidak mematuhi SOP mengenai had kuasa dan kontrak formal tidak diadakan bagi perkhidmatan bermasa.

5.6.2.3. Pengedaran Selangor Kini

- a. Surat khabar Selangor Kini hendaklah diedarkan kepada kelompok sasar yang ditetapkan mengikut bilangan naskhah dan lokasi yang ditentukan berdasarkan kajian terperinci. Ini adalah bagi memastikan sumber yang terhad iaitu Selangor Kini yang diberikan secara percuma melalui penyaluran geran oleh Kerajaan Negeri digunakan dengan optimum.
- b. Semakan Audit mendapati kaedah pengedaran Selangor Kini tidak difokuskan kepada kelompok sasar tertentu dan penetapan bilangan naskhah serta lokasi juga tidak berdasarkan kajian terperinci. Semakan lanjut Audit mendapati sejak awal penubuhan syarikat, Selangor Kini diedarkan dengan meletakkan rak khas Selangor Kini di pasar raya terpilih, Pejabat Daerah dan lain-lain agensi Kerajaan Negeri berdasarkan bilangan naskhah yang ditetapkan oleh CCSB. Selain itu, Selangor Kini juga diedarkan di 56 pejabat Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) di Negeri Selangor berdasarkan bilangan yang ditetapkan oleh wakil rakyat ketika awal penubuhan CCSB. Seterusnya di peringkat PKM, Selangor Kini akan diedarkan ke lokasi seperti rumah ibadat, rumah kedai, rumah ketua kampung dan terus ke rumah penduduk mengikut bilangan yang ditetapkan oleh PKM. Bilangan naskhah dan lokasi pengedaran Selangor Kini berubah mengikut permintaan dari pejabat PKM. Bagaimanapun, perubahan yang dilakukan tidak direkodkan dengan sempurna.
- c. Semakan secara fizikal dan temu bual bersama pegawai yang bertanggung jawab terhadap penerimaan Selangor Kini telah dibuat di lokasi yang menempatkan 25 (30%) daripada 84 rak khas Selangor Kini. Ini adalah bagi mengesahkan kewujudan lokasi serta bilangan agihan seperti bayaran yang dituntut oleh pembekal. Semakan Audit mendapati sebanyak lima (5) (20%) lokasi rak tidak menerima sebanyak 35,200 naskhah Selangor Kini antara satu (1) hingga 12 bulan yang melibatkan sejumlah RM2,816 tuntutan bayaran kos edaran dan RM12,672 kos pencetakan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.4
BILANGAN NASKHAH SELANGOR KINI
YANG TIDAK DITERIMA DI LOKASI BAGI TAHUN 2016 DAN 2017

LOKASI	TEMPOH * (BULAN)	BIL. (NASKHAH)	KOS EDARAN (RM)	KOS CETAK (RM)	JUMLAH KOS (RM)
Giant Hypermarket Cheras	12	19,200	1,536	6,912	8,448
Giant Hypermarket Seksyen 7	4	6,400	512	2,304	2,816
Giant Hypermarket The Mines	3	4,800	384	1,728	2,112
Giant Hypermarket IOI Bandar Puteri	1	1,200	96	432	528
Giant Hypermarket Putra Height	3	3,600	288	1,296	1,584
JUMLAH		35,200	2,816	12,672	15,488

Sumber: CCSB

Nota: * - Bilangan Bulan Adalah Berdasarkan Temu Bual di Lokasi

- d. Semakan secara fizikal dan temu bual bersama pekerja yang bertanggungjawab terhadap penerimaan Selangor Kini di pejabat PKM juga telah dijalankan. Semakan Audit mendapati, pembekal telah menyediakan Borang SOP/2-2016 dan melatih pemakaiannya di peringkat PKM sebagai satu sistem kawalan pengedaran. Pihak Audit telah memilih 17 (30%) daripada 56 PKM bagi mengesahkan bilangan agihan dan maklumat lokasi agihan PKM seperti dalam senarai edaran yang disediakan oleh pembekal. Penemuan Audit mendapati 17 (100%) PKM yang dilawati tidak menggunakan Borang SOP/2-2016 mulai tahun 2017 yang menyebabkan bilangan agihan dan maklumat lokasi agihan lanjut PKM tidak dapat disahkan. Perkara ini melibatkan sebanyak 46,400 naskhah Selangor Kini melibatkan bayaran pengedaran oleh PKM berjumlah RM2,320 setiap minggu. Pemansuhan penggunaan borang ini juga tidak dikemukakan kepada CCSB untuk persetujuan.
- e. Selain itu, semakan lanjut Audit juga mendapati CCSB mempunyai SOP pengedaran yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2016. Dalam SOP tersebut telah ditetapkan CCSB hendaklah menjalankan audit pengedaran setiap tiga (3) bulan dan syarikat pengedaran membuat kajian keberkesanan kuantiti dan lokasi setiap enam (6) bulan. Semakan Audit mendapati CCSB tidak pernah menjalankan audit pengedaran dan syarikat pengedaran juga tidak pernah membuat kajian mengenai keberkesanan kuantiti dan lokasi.

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 2 Julai 2018

Mesyuarat ALP pada bulan November 2013 telah memaklumkan bahawa pengedaran Selangor Kini adalah berdasarkan penempatan:

- i. 45 rak di 45 buah pasaraya Giant;*
- ii. sembilan (9) rak di sembilan (9) buah pasaraya Econsave;*

iii. 12 rak di 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);

iv. dua (2) di Unisel; dan

v. sembilan (9) rak di sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah, satu (1) rak di setiap anak Syarikat Kerajaan Negeri dan sembilan (9) buah masjid sekitar Ijok.

Mulai bulan Januari 2018, pengedaran telah dikemas kini melalui kaedah agihan bilangan naskhah dan lokasi berdasarkan perbincangan dari semasa ke semasa bersama pusat perkhidmatan ADUN dan agen pengedaran. Lokasi edaran yang telah dikenal pasti adalah Pusat Khidmat ADUN dan penyelaras PBT, Pejabat Daerah, anak Syarikat Kerajaan Negeri, Pasaraya (Giant dan Econsave) serta tempat-tempat awam. Selain itu, CCSB telah menjalankan audit pengedaran pada bulan November 2017.

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 3 Mei 2018

Tindakan sedang dibuat untuk melantik agensi penyelidikan iaitu Institut Darul Ehsan bagi melaksanakan kajian terperinci mengenai keberkesanan kuantiti dan lokasi. CCSB telah mengarahkan syarikat pembekal pengedaran untuk memberikan surat tunjuk sebab. Syarikat pembekal pengedaran mengakui tidak mengikuti SOP yang telah ditetapkan yang mengakibatkan Selangor Kini tidak diterima di lokasi. CCSB telah mengeluarkan surat amaran terakhir terhadap pengedar serta memasukkan terma baharu untuk memastikan pihak pengedar menjalankan tanggungjawab mengikut terma perjanjian dalam kontrak pengedaran yang baharu berkuatkuasa mulai bulan Februari 2018. Syarikat dalam tindakan mengarahkan syarikat pembekal untuk memberikan surat tunjuk sebab kerana gagal menggunakan borang SOP/2-2016.

Pada pendapat Audit, pengedaran Selangor Kini adalah kurang cekap kerana ia dilaksanakan tanpa menetapkan kelompok sasar berdasarkan kajian terperinci bagi menetapkan bilangan naskhah dan lokasi pengedaran Selangor Kini. Selain itu, perubahan yang telah dibuat terhadap senarai edaran tidak direkodkan dengan sempurna, Selangor Kini tidak diterima di lokasi, Borang SOP/2-2016 tidak diguna pakai, audit pengedaran dan kajian keberkesanan kuantiti dan lokasi tidak dijalankan. Pihak CCSB mengakui semua perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit.

5.6.2.4. Pemantauan Maklum Balas Rakyat

- a. Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan syarikat CCSB iaitu anak syarikat di bawah MBI pada 14 Januari 2009. Menurut Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), pemantauan akan dilaksanakan melalui kajian bersama badan penyelidik berwibawa seperti Merdeka Centre dan juga universiti tempatan bagi mendapat maklum balas rakyat berhubung komunikasi yang dijalankan. Dapatan daripada kajian ini akan digunakan untuk mengatur aktiviti dan strategi komunikasi.
- b. Semakan Audit mendapati syarikat belum melaksanakan sistem pemantauan seperti yang dimaklumkan dalam Kertas MMKN tersebut bagi mendapatkan maklum balas rakyat berhubung komunikasi yang dijalankan. Sehubungan itu, syarikat tidak dapat menggunakan dapatan kajian tersebut untuk mengatur strategi komunikasi.

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 3 Mei 2018

CCSB akan melantik agensi penyelidikan iaitu Institut Darul Ehsan untuk melaksanakan kajian bagi mendapatkan maklum balas rakyat berhubung dengan pemantauan dasar, hala tuju dan strategi komunikasi Kerajaan Negeri pada bulan Jun 2018.

Pada pendapat Audit, aktiviti pemantauan maklum balas rakyat adalah kurang cekap kerana CCSB tidak mengumpul maklum balas daripada rakyat bagi mengetahui tahap kepuasan pelanggan dan mengatur aktiviti serta strategi komunikasi.

5.6.3. Tadbir Urus

5.6.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Pihak Audit telah menilai tadbir urus syarikat berdasarkan *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2017*, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook MKD*] dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditors*.

5.6.3.2. Secara keseluruhannya amalan tadbir urus di CCSB adalah kurang memuaskan berdasarkan aspek amalan terbaik telah diamalkan oleh CCSB iaitu Pengerusi, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman.

5.6.3.3. Aspek tadbir urus yang tidak diamalkan oleh CCSB adalah seperti berikut:

a. Lembaga Pengarah

- i. Berdasarkan MCCG 2017 *practice* 4.1, sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah hendaklah Pengarah berstatus bebas. Semakan Audit terhadap komposisi keahlian Lembaga Pengarah CCSB mendapati semua Lembaga Pengarah CCSB adalah berstatus bukan bebas. CCSB boleh mempertimbangkan komposisi Lembaga Pengarah berdasarkan amalan terbaik bagi pengawasan yang lebih berkesan terhadap pihak pengurusan syarikat.
- ii. MCCG 2017 *practice* 3.1 menyarankan Lembaga Pengarah mewujudkan kod etika rasmi syarikat. Pihak Audit mendapati tiada kod etika yang diguna pakai oleh pengurusan dan pegawai CCSB. Peranan Lembaga Pengarah CCSB dalam mewujudkan budaya korporat dan tata kelakuan beretika adalah penting di mana Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan kod etika rasmi bagi memastikan pelaksanaan sokongan sistem dalaman yang bersesuaian serta menjamin ketelusan syarikat.

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 3 Mei 2018

Syarikat akan bekerjasama dengan MBI untuk mengkaji semula cadangan komposisi ahli bebas Lembaga Pengarah CCSB. Syarikat juga akan mengguna pakai Buku Panduan Peraturan Pengurusan Tatatertib Dan Disiplin dan Buku Panduan Pentadbiran Pengurusan Sumber Manusia yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah MBI Bilangan 4/2010 pada 30 Ogos 2010 untuk dibentangkan dalam mesyuarat ALP CCSB pada bulan Julai 2018.

Pada pendapat Audit, komposisi Lembaga Pengarah CCSB perlu dikaji semula supaya selaras dengan amalan terbaik.

b. Ketua Pegawai Eksekutif

- i. Berdasarkan amalan terbaik, CEO hendaklah dilantik oleh pemegang saham/Menteri/agensi yang bertanggungjawab. Selain itu, *Green Book*

perenggan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab CEO hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas.

- ii. Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khodzali telah dilantik sebagai Pengurus Besar pada 15 Oktober 2015 dan kemudian dilantik sebagai CEO pada 1 Januari 2016 melalui Mesyuarat ALP pada 29 Februari 2016. Semakan lanjut Audit mendapati CCSB tidak mengeluarkan surat pelantikan sebagai CEO kepada Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khodzali.

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 3 Mei 2018

CCSB telah menyediakan surat pelantikan CEO CCSB untuk kelulusan ALP dalam mesyuarat Lembaga Pengarah CCSB Bilangan 2/2018 yang dijadualkan pada bulan Julai 2018.

Pada pendapat Audit, pelantikan CEO di CCSB tidak mengikut amalan terbaik kerana tiada pelantikan secara bertulis bagi menyatakan tugas dan tanggungjawabnya secara jelas daripada syarikat.

c. Prosedur Operasi Standard

- i. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti dalam menguruskan syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati CCSB telah mempunyai SOP yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 dan 1 Oktober 2016. Bagaimanapun, SOP tersebut masih belum diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah CCSB.
- iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap SOP Jabatan Kewangan mendapati penambahbaikan perlu dilakukan terhadap prosedur perolehan yang mana CCSB tiada prosedur untuk menentukan had jumlah dan jenis pembekalan yang memerlukan kontrak formal. Ini perlu dibuat bagi menjaga kepentingan syarikat. Ketiadaan prosedur ini boleh menyebabkan tindakan tidak boleh diambil terhadap syarikat pembekal perkhidmatan sekiranya berlaku kecuai syarikat yang membekal

perkhidmatan. Selain itu, SOP bagi menilai prestasi kontraktor atau pembekal juga tidak disediakan menyebabkan prestasi pembekal tidak dapat diukur untuk pelanjutan atau pelantikan kontraktor dan pembekal pada masa akan datang.

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 3 Mei 2018

Syarikat telah menyediakan SOP bagi semua jabatan berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 dan 1 Oktober 2016 serta telah diluluskan di peringkat CEO. SOP ini akan dibentangkan untuk makluman ALP dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2018 yang dijadualkan pada bulan Julai 2018. CCSB juga sedang mengemas kini untuk penambahbaikan SOP Jabatan Kewangan pada suku keempat tahun 2018 dengan mengambil kira segala teguran Audit yang berkaitan.

Pada pendapat Audit, SOP yang diwujudkan perlu mendapat kelulusan ALP dan kajian semula ke atas SOP untuk penambahbaikan perlu dibuat serta diangkat untuk kelulusan ALP supaya dapat mewujudkan keberkesanan serta pengurusan yang cekap kepada syarikat selaras dengan amalan terbaik.

d. Pelan Perniagaan

- i. Mengikut amalan terbaik MCCG 2017 (*practice 1.1, guidance 1.1*) menyarankan antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya.
- ii. Semakan Audit mendapati CCSB telah menyediakan Pelan Perniagaan CCSB 2016 hingga 2020 seperti mana yang telah ditetapkan dalam amalan terbaik. Pelan perniagaan terbahagi kepada tiga (3) fasa iaitu pelan perniagaan jangka pendek, jangka tengah dan jangka panjang. Pelan perniagaan ini telah diluluskan di peringkat Mesyuarat ALP pada 27 November 2015. Semakan lanjut terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2016 mendapati tiada pembentangan status pencapaian pelan perniagaan sebagai kaedah pemantauan di peringkat ALP terhadap kemajuan pelaksanaannya.

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 3 Mei 2018

Walaupun syarikat tidak membentangkan status pencapaian berbanding dengan pelan perniagaan namun syarikat sentiasa melaporkan prestasi terkini operasi dalam setiap mesyuarat ALP. Mulai bulan Julai 2018, syarikat akan membentangkan status pencapaian kemajuan pelaksanaan Pelan Perniagaan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, CCSB telah mengikut amalan terbaik dengan mempunyai pelan perniagaan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Namun begitu, ketiadaan pemantauan akan menyebabkan kemajuan pelaksanaan pelan perniagaan tidak dapat dinilai.

e. Petunjuk Prestasi Utama

- i. Berdasarkan amalan terbaik *Green Book* Bahagian 1 perenggan 3.2 menyarankan peranan Lembaga Pengarah adalah memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan KPI.
- ii. Semakan Audit mendapati CCSB telah mula menggunakan kaedah KPI secara *Balanced Scorecard* yang diluluskan dalam Mesyuarat ALP pada 27 November 2015 untuk KPI bagi tahun 2016. Semakan lanjut mendapati tiada pembentangan status prestasi pencapaian KPI sebagai kaedah pemantauan di peringkat ALP terhadap kemajuan pelaksanaan KPI bagi tahun 2016.

Maklum Balas CCSB yang Diterima pada 3 Mei 2018

Walaupun syarikat tidak membentangkan status prestasi pencapaian KPI dalam mesyuarat ALP tahun 2016 namun Kertas Kerja Laporan KPI mengenai pencapaian operasi setiap jabatan telah dikemukakan secara edaran kepada semua ALP pada 24 Mei 2017 iaitu selepas Penyata Kewangan Tahun 2016 diaudit. Semua pencapaian KPI tersebut telah dipersetujui oleh semua ALP pada 29 Mei 2017.

Pada pendapat Audit, pemantauan KPI perlu dibuat secara berkala melalui Lembaga Pengarah bagi menilai prestasi dan pencapaian syarikat selaras dengan amalan terbaik.

5.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan penubuhan CCSB memenuhi tujuan penubuhannya, adalah disyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

5.7.1. mengurangkan perbelanjaan serta meningkatkan kecekapan penggunaan sumber serta pendapatan operasi syarikat;

5.7.2. memantau pelaksanaan KPI dan Pelan Perniagaan syarikat bagi memastikan syarikat mencapai hala tuju yang ditetapkan;

5.7.3. menambah baik kaedah pelaksanaan pelantikan pembekal perkhidmatan melalui pematuhan dan penambahbaikan SOP serta meningkatkan keberkesanan pengedaran melalui penetapan kelompok sasaran dan kajian terperinci terhadap keperluannya; dan

5.7.4. melaksanakan amalan tadbir urus yang baik agar selaras dengan amalan terbaik terutamanya pemantauan oleh Lembaga Pengarah dan menambah baik SOP bagi aktiviti utama syarikat.



BAHAGIAN II

**PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI**

PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) JABATAN/AGENSI NEGERI

6. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

6.1. PENDAHULUAN

6.1.1. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaiannya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

6.1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

6.1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama akan diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang Cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Agensi Negeri akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti jadual berikut:

JADUAL 6.1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.1.4. Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

6.1.4.1. Pada tahun 2017, kajian semula terhadap pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak dan juga *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan. Antara isu yang dikenal pasti dan dikaji semula adalah:

- a. Auditi dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain;
- b. persampelan Audit tidak mengambil kira saiz sesebuah Auditi; dan
- c. aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria.

6.1.4.2. Pindaan kepada Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah mengambil kira penambahbaikan berikut:

- a. klasifikasi Kementerian kepada dua (2) kategori iaitu Jabatan Mengakaun Sendiri dan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri;
- b. persampelan – saiz sampel mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain;
- c. setiap kriteria audit diberikan tahap risiko;
- d. tempoh pengauditan bagi Jabatan/Agensi yang dilaksanakan secara pusingan; dan

- e. format pelaporan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI) disediakan dengan berteraskan konsep "ABC" iaitu tepat, padat dan sempurna (*accuracy, brevity and completeness*).

6.1.5. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Agensi Negeri mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.2
SKALA PEMARKAHAN BERDASARKAN TAHAP RISIKO

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjejaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjejaskan operasi organisasi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.1.6. Memandangkan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) pada tahun 2017 menggunakan pendekatan baru iaitu berdasarkan risiko, hanya prestasi kewangan tahun 2017 sahaja dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 dan tiada perbandingan dengan prestasi tahun sebelum.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 6.2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 6.2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 6.2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan

6.2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

6.3.1. Bagi Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2017 melibatkan empat (4) Jabatan.

6.3.2. Bagi Agensi Negeri penilaian telah dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di 11 Agensi. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2017 serta penyata kewangan Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN


6.4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko yang disediakan berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). ISSAI 4000 *Compliance Audit* menggalakkan amalan tadbir urus organisasi yang baik dengan memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

6.4.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipilih. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperolehi dan memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

6.5. PENEMUAN AUDIT

6.5.1. Prestasi Keseluruhan


Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 15 Jabatan/Agensi Negeri Selangor bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan enam (6) Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang, lapan (8) Jabatan/Agensi tahap Baik dan satu (1) Jabatan/Agensi tahap Memuaskan. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi secara keseluruhan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:



Sumber: Jabatan Audit Negara

Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 15 Jabatan/Agensi yang dinilai pada tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI SELANGOR TAHUN 2017



6.5.2. Prestasi Jabatan/Agensi Mengikut Kawalan


6.5.2.1. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi empat (4) Jabatan Negeri mendapati empat (4) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap Cemerlang, tiga (3) kawalan berada pada tahap Baik dan satu (1) kawalan berada pada tahap Memuaskan seperti carta berikut:

CARTA 6.3
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN



6.5.2.2. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi 11 Agensi Negeri pula mendapati enam (6) daripada sembilan (9) kawalan berada pada tahap Cemerlang, dua (2) kawalan berada pada tahap Baik dan satu (1) kawalan berada pada tahap Memuaskan seperti carta berikut:


CARTA 6.4
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
AGENS Negeri BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN



a. Kawalan Pengurusan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, dua (2) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan dalam elemen Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, lapan (8) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan tiga (3) berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.5
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria bagi empat (4) Jabatan dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.6
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria bagi 11 Agensi dalam Kawalan Pengurusan adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.7
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN PENGURUSAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.3
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Mesyuarat JPKA, JKA, JITU dan JTPK tidak/lewat diadakan mengikut tempoh ditetapkan	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	Majlis Perbandaran Kajang	Boleh menyebabkan isu berbangkit lewat dikenal pasti dan diambil tindakan.
2.	Laporan Suku Tahun Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam tidak/lewat dihantar kepada Urus setia Tatatertib mengikut tempoh yang ditetapkan.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor		Boleh menyebabkan JPA tidak mempunyai data yang lengkap mengenai tindakan tatatertib yang diambil terhadap penjawat awam.
3.	Pusingan tugas tidak dilaksanakan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	i. Majlis Perbandaran Ampang Jaya ii. Majlis Perbandaran Kajang iii. Majlis Daerah Kuala Selangor iv. Majlis Bandaraya Shah Alam v. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Boleh menyebabkan: i. Pegawai selesa dengan tugas sedia ada yang dilaksanakan ii. Membuka ruang kepada penyelewengan iii. Penyalahgunaan kuasa dan fraud iv. Ketua Jabatan tidak dapat mengambil tindakan terhadap penyelewengan
4.	Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali. (AP309)	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	i. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor ii. Majlis Daerah Kuala Langat iii. Majlis Daerah Kuala Selangor iv. Lembaga Urus Air Selangor	Boleh menyebabkan kelemahan pengurusan tidak dapat dikenal pasti dengan segera serta tindakan pembetulan tidak/lewat diambil yang boleh membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa.
5.	Pemeriksaan dalaman tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik. (AP308)	i. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor iii. Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Selangor		Boleh menyebabkan kelemahan pengurusan tidak dapat dikenal pasti dengan segera serta tindakan pembetulan tidak/lewat diambil yang boleh membuka ruang kepada penyelewengan/penyalahgunaan kuasa.

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kawalan Bajet


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik. Bagi Agensi Negeri, sembilan (9) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Agensi berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.8
PENCAPAIAN KAWALAN BAJET JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017




- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria bagi empat (4) Jabatan dalam Kawalan Bajet adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.9
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN BAJET



- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap sembilan (9) kriteria bagi 11 Agensi dalam Kawalan Bajet adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.10
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN BAJET



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.4
KELEMAHAN DALAM KAWALAN BAJET

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Pindah peruntukan tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus		Majlis Perbandaran Subang Jaya	Boleh menyebabkan perbelanjaan tidak teratur/ <i>improper payment</i> .
2.	Semua pindah peruntukan dibuat sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus		Majlis Daerah Kuala Selangor	Boleh menyebabkan perbelanjaan tidak teratur/ <i>improper payment</i>
3.	Peruntukan tambahan/ khas/luar jangka/ viremen tidak dibelanjakan.		Majlis Bandaraya Shah Alam	Perbelanjaan tidak mengikut perancangan yang diluluskan.
4.	Laporan Bajet Program dan Prestasi Tahun Kewangan Diaudit dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri lewat dari tarikh ditetapkan.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor		Boleh menyebabkan kelewatan dalam meluluskan bajet.
5.	Peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50%.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor		Perbelanjaan tidak mengikut perancangan.


Sumber: Jabatan Audit Negara

c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik. Bagi


Agensi Negeri, lapan (8) Agensi mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Agensi mencapai tahap Baik dan dua (2) Agensi mencapai tahap Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.11
PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria bagi empat (4) Jabatan dalam Kawalan Terimaan adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.12
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria bagi lima (5) Agensi dalam Kawalan Terimaan adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.13
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.5
KELEMAHAN DALAM KAWALAN TERIMAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Borang hasil dikeluarkan tidak mengikut susunan nombor yang betul.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling		Boleh menyebabkan: i. Terimaan tidak direkodkan dengan tepat. ii. Membuka ruang kepada penyelewengan.
2.	Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak buku tunai dengan resit setiap hari.		i. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor ii. Majlis Daerah Kuala Langat	Boleh menyebabkan: i. Kelewatan mengesan kesilapan. ii. <i>Teeming and lading</i> . iii. Ketirisan hasil Kerajaan.
3.	Pegawai yang membatalkan resit tidak diberi kuasa secara bertulis.		i. Majlis Perbandaran Kajang ii. Majlis Perbandaran Subang Jaya iii. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor iv. Majlis Agama Islam Selangor	Boleh menyebabkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
4.	Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan setiap bulan mengikut tempoh ditetapkan.		i. Majlis Perbandaran Subang Jaya ii. Majlis Agama Islam Selangor	Kelewatan dalam mengenal pasti item yang perlu diselaraskan.
5.	Resit yang dipinda tidak dibatalkan.	Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Selangor		Boleh menyebabkan: i. Kesilapan ke atas pelaporan kutipan hasil. ii. Penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Sumber: Jabatan Audit Negara

d. Pengurusan Perolehan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, dua (2) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, dan dua (2) Jabatan berada pada tahap Baik. Bagi Agensi Negeri, tujuh (7) Agensi mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Agensi mencapai tahap Baik dan tiga (3) Agensi berada pada tahap Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.14
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria bagi empat (4) Jabatan dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.15
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 49 kriteria bagi 11 Agensi dalam Pengurusan Perolehan adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.16
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.6
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN PEROLEHAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan melebihi RM20,000 setahun atau had yang ditetapkan dalam peraturan kewangan Agensi.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	i. Majlis Perbandaran Kajang ii. Majlis Sukan Negeri Selangor iii. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor iv. Majlis Daerah Kuala Selangor v. Lembaga Urus Air Selangor vi. Majlis Agama Islam Selangor vii. Majlis Bandaraya Shah Alam	Boleh menyebabkan: i. Risiko tidak melaksanakan sebut harga (pecah kecil perolehan). ii. Perolehan dibuat dengan pembekal tidak berdaftar. iii. Pembaziran dan penyelewengan dari aspek harga tidak kompetitif dan pemilihan pembekal yang tidak berkelayakan.
2.	Pesanan Tempatan/ Pesanan Pembelian tidak dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan diterima.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	i. Majlis Sukan Negeri Selangor ii. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor iii. Majlis Daerah Kuala Langat iv. Majlis Daerah Kuala Selangor v. Majlis Bandaraya Shah Alam	Boleh menyebabkan perbelanjaan tanpa kelulusan/peruntukan.
3.	Perolehan setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 atau had yang ditetapkan dalam peraturan kewangan tidak dibuat dengan mempelawa Sebut Harga.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	i. Majlis Sukan Negeri Selangor ii. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor iii. Majlis Bandaraya Shah Alam	Tidak mendapat <i>value for money</i> terhadap perbelanjaan yang dibuat.
4.	Kajian pasaran tidak dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	i. Majlis Sukan Negeri Selangor ii. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor iii. Majlis Daerah Kuala Langat	Tidak mendapat <i>value for money</i> terhadap perbelanjaan yang dibuat.
5.	Proses perolehan secara Rundingan Terus tidak teratur.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	i. Majlis Perbandaran Subang Jaya ii. Majlis Sukan Negeri Selangor iii. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor iv. Majlis Daerah Kuala Selangor v. Lembaga Urus Air Selangor	Peraturan kewangan tidak dipatuhi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

e. Kawalan Perbelanjaan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, dua (2) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, lapan (8) Agensi mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Agensi mencapai tahap Baik, satu (1) Agensi berada pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Agensi berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/ Agensi dari aspek elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.17
PENCAPAIAN KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria bagi empat (4) Jabatan dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.18
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria bagi 11 Agensi dalam Kawalan Perbelanjaan adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.19
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.7
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Had kuasa meluluskan baucar bayaran yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	i. Majlis Daerah Kuala Langat ii. Majlis Daerah Kuala Selangor	Boleh menyebabkan baucar diluluskan oleh pegawai yang tidak diturunkan kuasa mengikut had kuasa yang diluluskan.
2.	Proses Bayaran tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	i. Majlis Perbandaran Subang Jaya ii. Majlis Perbandaran Kajang iii. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor iv. Majlis Daerah Kuala Selangor v. Majlis Bandaraya Shah Alam vi. Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Boleh menyebabkan kerugian, penyelewengan dan salah guna kuasa.
3.	Capaian dalam sistem tidak dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	Majlis Daerah Kuala Selangor	Boleh menyebabkan kerugian, penyelewengan dan salah guna kuasa.
4.	Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan mengikut tempoh ditetapkan.		i. Majlis Daerah Kuala Langat ii. Majlis Daerah Kuala Selangor iii. Majlis Bandaraya Shah Alam	Kelewatan dalam mengenal pasti item yang perlu diselaraskan.


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
5.	Bil tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari atau tempoh yang ditetapkan oleh Agensi.		i. Majlis Perbandaran Kajang ii. Majlis Perbandaran Subang Jaya iii. Majlis Daerah Kuala Langat	Boleh menjejaskan imej dan reputasi Jabatan/Agensi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik. Bagi Agensi Negeri, tiga (3) Agensi mencapai tahap Cemerlang, dua (2) Agensi mencapai tahap Baik, dua (2) Agensi berada pada tahap Memuaskan, tiga (3) Agensi berada pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Agensi berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.20
PENCAPAIAN KAWALAN KUMPULAN WANG/
AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria bagi empat (4) Jabatan dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.21
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN
DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria bagi 11 Agensi dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.22
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI
DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.8
KELEMAHAN DALAM KAWALAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan (serta tidak diperlukan) tidak diwartakan.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	i. Majlis Perbandaran Ampang Jaya ii. Majlis Daerah Kuala Langat iii. Majlis Bandaraya Shah Alam	Memberi kesan kepada penyata kewangan - amaun deposit tidak diakaunkan dengan tepat.
2.	Kelulusan Pendahuluan Pelbagai tidak diperoleh daripada Ketua Agensi.		i. Majlis Daerah Kuala Langat ii. Lembaga Urus Air Selangor iii. Majlis Bandaraya Shah Alam	Boleh menyebabkan ketirisan berlaku tanpa pengetahuan pegawai atasan.
3.	Bayaran balik dan pelarasan Pendahuluan Pelbagai tidak dibuat mengikut tempoh ditetapkan.		i. Majlis Perbandaran Subang Jaya ii. Majlis Sukan Negeri Selangor iii. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor iv. Majlis Daerah Kuala Langat v. Lembaga Urus Air Selangor vi. Majlis Bandaraya Shah Alam vii. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Boleh menyebabkan: i. Bayaran balik tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan penalti tidak dikenakan. ii. Kehilangan hasil.
4.	Denda/ Surcaj dikenakan kepada pegawai bertanggungjawab sekiranya Pendahuluan Pelbagai tidak diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.		i. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor ii. Majlis Daerah Kuala Langat iii. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Boleh menyebabkan kehilangan hasil, terutamanya pegawai yang telah berhenti daripada perkhidmatan.
5.	Daftar pendahuluan pelbagai diselenggarakan dengan lengkap.		i. Majlis Perbandaran Subang Jaya ii. Majlis Sukan Negeri Selangor iii. Majlis Daerah Kuala Langat iv. Majlis Agama Islam Selangor v. Majlis Bandaraya Shah Alam	Boleh menyebabkan rekod pendahuluan pelbagai tidak tepat.


Sumber: Jabatan Audit Negara

g. Pengurusan Aset dan Stor

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, dua (2) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, tiga (3) Agensi mencapai tahap Cemerlang, tiga (3) Agensi mencapai tahap Baik, tiga (3) Agensi berada pada tahap Memuaskan dan dua (2) Agensi berada pada tahap Kurang Memuaskan. Pencapaian Jabatan/


Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.23
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN
ASET DAN STOR JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria bagi empat (4) Jabatan dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.24
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 98 kriteria bagi 11 Agensi dalam Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.25
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.9
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN ASET DAN STOR


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan membincangkan perkara mengikut agenda yang ditetapkan.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	i. Majlis Perbandaran Kajang ii. Majlis Sukan Negeri Selangor iii. Majlis Daerah Kuala Langat iv. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Perkara-perkara berbangkit mengenai aset Kerajaan tidak dibincangkan secara menyeluruh dalam mesyuarat tersebut.
2.	Pegawai bertauliah tidak menjalankan pemeriksaan teknikal.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	i. Majlis Sukan Negeri Selangor ii. Majlis Daerah Kuala Langat iii. Majlis Daerah Kuala Selangor iv. Lembaga Urus Air Selangor v. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Boleh menyebabkan spesifikasi barang tidak memenuhi fungsi barang yang sepatutnya.
3.	Aset yang dibeli tidak digunakan.		i. Majlis Perbandaran Ampang Jaya ii. Majlis Perbandaran Kajang iii. Majlis Bandaraya Shah Alam	Boleh menyebabkan pembaziran berlaku kerana aset tersebut tidak digunakan.
4.	Ketua Agensi/Pegawai bertanggungjawab tidak membuat Laporan Polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ii. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	Majlis Perbandaran Subang Jaya ii. Lembaga Urus Air Selangor iii. Majlis Bandaraya Shah Alam iv. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Boleh menyebabkan: i. Keadaan fizikal aset tidak dapat disahkan. ii. Kehilangan aset tidak dapat dikesan. iii. Maklumat aset tidak tepat.
5.	Pemeriksaan aset tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	i. Majlis Perbandaran Kajang ii. Majlis Sukan Negeri Selangor iii. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor iv. Majlis Daerah Kuala Langat v. Majlis Daerah Kuala Selangor vi. Majlis Bandaraya Shah Alam vii. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Boleh menyebabkan: i. Keadaan fizikal aset tidak dapat disahkan ii. Kehilangan aset tidak dapat dikesan iii. Maklumat aset tidak tepat.

Sumber: Jabatan Audit Negara

h. Pengurusan Kenderaan Kerajaan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, satu (1) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, dua (2) Jabatan berada pada tahap Baik dan satu (1) Jabatan mencapai tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.26
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN
KENDERAAN KERAJAAN JABATAN BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi empat (4) Jabatan adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.27
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI JABATAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.10
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	IMPAK
		JABATAN	
1.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	i. Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor iii. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	Semakan terhadap Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak dapat dilaksanakan dan boleh menyebabkan penyalahgunaan kad inden tidak dapat dikesan.
2.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.	i. Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	Boleh menyebabkan Ketua Jabatan tidak dapat mengesan salah guna/kehilangan kad inden.
3.	Penyata Pembelian/Penyata Kad tidak disemak silang dengan salinan resit dan disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan.	i. Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor iii. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	Boleh menyebabkan Kad Inden disalahgunakan tidak dapat dikesan.
4.	Penyata penggunaan KSBTTR bagi kenderaan jabatan tidak diterima/ dicetak daripada syarikat pembekal KSBTTR dan tiada semakan dilaksanakan oleh pegawai kenderaan.	i. Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor iii. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	Boleh menyebabkan: i. Penyalahgunaan KSBTTR tidak dapat dikesan. ii. Kerugian kepada Kerajaan sekiranya pembayaran adalah tidak wajar. (Kerajaan menanggung kos bagi salah guna KSBTTR - kehilangan wang awam.
5.	Buku Log diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk semua kenderaan kecuali untuk Kereta Rasmi Jawatan bagi Pegawai Gred Utama.	i. Jabatan Kehakiman dan Syariah Negeri Selangor ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor iii. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	Boleh menyebabkan: i. Salah guna kenderaan Kerajaan. ii. Tiada pegawai boleh dipertanggungjawabkan jika ada kes kehilangan/ kemalangan/saman. iii. Rekod penggunaan minyak tidak dapat disemak. iv. Kelemahan kawalan dalaman penggunaan kenderaan Kerajaan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

h. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman


- i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, 10 Agensi mencapai tahap Cemerlang, dan satu (1) Agensi mencapai tahap Baik. Pencapaian Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.28
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN
PELABURAN DAN PINJAMAN AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi 11 Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.29
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP
KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.11
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	IMPAK
		AGENSI	
1.	Pelaburan tidak didaftar dengan lengkap.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Boleh menyebabkan: i. Pemantauan berkesan tidak dapat dibuat terhadap pelaburan dari aspek tempoh matang, institusi kewangan dan keuntungan. ii. Pemantauan terhadap lain-lain pelaburan (jenis, had lulus, dividen diterima dan lain-lain) tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. iii. Keputusan berkenaan pelaburan tidak dapat dibuat dengan cepat dan tepat. iv. Tidak dapat memaksimumkan pulangan pelaburan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

i. Pengurusan Penyata Kewangan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, kesemua Agensi mencapai tahap Cemerlang. Pencapaian Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan Penyata Kewangan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 6.30
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN
PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TAHUN 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Pengurusan Penyata Kewangan bagi 11 Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 6.31
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA BAGI AGENSI DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.12
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN AGENSI	IMPAK
1.	Perkara berkaitan Sistem SAGA tidak dibincangkan dalam mesyuarat yang berkaitan oleh Agensi.	i. Majlis Sukan Negeri Selangor ii. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Boleh menyebabkan: Kelewatan dalam pelaksanaan Sistem SAGA.
2.	Penyerahan penyata kewangan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan. Sekiranya penyata kewangan lewat dikemukakan, Agensi mendapat kelulusan daripada SUK.	Lembaga Urus Air Selangor	Boleh menyebabkan: Tidak mematuhi arahan SUK.
3.	Mendapat Sijil Berteguran.	Lembaga Urus Air Selangor	Boleh menyebabkan: Penyata Kewangan tidak menggambarkan kedudukan kewangan yang sebenar.

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Selangor bagi tahun 2017 berada pada tahap Baik berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu meningkatkan dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang

serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

6.6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;

6.6.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;

6.6.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan.

6.6.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan;

6.6.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan;

6.6.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut;

6.6.7. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius; dan

6.6.8. pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

7. PENGAUDITAN MENGEJUT

7.1. PENDAHULUAN

Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya.

Pengauditan Mengejut adalah satu pendekatan Audit yang meliputi pemeriksaan, penyiasatan dan pengauditan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengauditan kepada pihak Auditi.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan Mengejut adalah untuk menentukan sama ada penerimaan, kutipan, kawalan perbelanjaan, kawalan aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan mengejut meliputi kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan dan kawalan umum. Pengauditan mengejut dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai bagi kes-kes tertentu. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, borang hasil yang dikawal dan barang berharga bagi tahun 2017 di 11 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) di bawah sembilan (9) Jabatan Negeri dan 12 Pejabat di 11 Agensi Negeri adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.1
**PENGAUDITAN MENGEJUT DI PUSAT TANGGUNGJAWAB/
PUSAT KOS MENGIKUT JABATAN NEGERI PADA TAHUN 2017**

BIL.	JABATAN NEGERI	BILANGAN PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PUSAT KOS YANG DIAUDIT
1.	Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	1
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Hulu Selangor	1
3.	Pejabat Kebajikan Masyarakat	2
4.	Pejabat Agama Islam Daerah Gombak (Kuang)	1
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	1
6.	Mahkamah Rendah Syariah	2
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Petaling	1
8.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	1
9.	Pejabat Pertanian Daerah Klang	1
JUMLAH		11

Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 7.2
PENGAUDITAN MENGEJUT DI AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2017

BIL.	AGENSI NEGERI	BILANGAN PEJABAT YANG DIAUDIT
1.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2
2.	Majlis Perbandaran Kajang	1
3.	Majlis Bandaraya Shah Alam	1
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	1
5.	Majlis Daerah Kuala Langat	1
6.	Majlis Daerah Kuala Selangor	1
7.	Majlis Agama Islam Selangor	1
8.	Majlis Sukan Negeri Selangor	1
9.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	1
10.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	1
11.	Lembaga Urus Air Selangor	1
JUMLAH		12

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam, aset dan stor, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta kenderaan. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan terhadap kaunter kutipan dan keadaan peti besi yang sentiasa berkunci. Lawatan dan tinjauan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor juga dilakukan.

7.5. PENEMUAN AUDIT

7.5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan Pejabat Diaudit

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di PTJ/PK/Pejabat dinilai berdasarkan 84 kriteria melibatkan 22 kriteria di kawalan terimaan, 25 di kawalan perbelanjaan dan 37 kriteria di kawalan umum. Pihak Audit mendapati ketidakpatuhan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.3
BILANGAN KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/PK DAN PEJABAT YANG DIAUDIT

BIL.	KAWALAN	JUMLAH KRITERIA	KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/PK	KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PEJABAT
1.	Terimaan	22	5	7
2.	Perbelanjaan	25	6	6
3.	Umum	37	11	7
JUMLAH		84	22	20


Sumber: Jabatan Audit Negara

7.5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan Pejabat yang Diaudit Mengikut Kawalan

a. Kawalan Terimaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak empat (4) PTJ/PK tidak mematuhi lima (5) kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:
 - Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan terimaan sebanyak dua (2) PTJ/PK melibatkan daftar borang hasil tidak diselenggarakan.
 - Manakala ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan terimaan masing-masing satu (1) PTJ/PK melibatkan notis pemberitahuan awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan, kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera, tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut dan tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.

CARTA 7.1
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:


- a Daftar borang hasil diselenggarakan
- b Notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar ada dipamerkan
- c Kutipan direkodkan dalam buku tunai dengan segera
- d Semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut
- e Perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat

Kawalan terimaan yang tidak mematuhi peraturan/pekeliling menunjukkan kawalan dalaman PTJ/PK yang lemah, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan penyalahgunaan borang hasil. Kelemahan-kelemahan ini memberi implikasi kepada ketirisan hasil kerajaan kerana perkhidmatan/bekalan yang diberikan adalah tanpa bayaran.

ii. Analisis Audit mendapati sebanyak enam (6) Pejabat tidak mematuhi tujuh (7) kriteria dalam kawalan terimaan. Hasil analisis mendapati:

- Ketidakpatuhan paling signifikan dalam kawalan terimaan adalah melibatkan dua (2) pejabat di mana daftar borang hasil tidak diselenggarakan dan perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.
- Selainnya, masing-masing melibatkan satu (1) ketidakpatuhan iaitu buku daftar kad kredit tidak diselenggarakan, kutipan tidak direkodkan ke dalam buku tunai dengan segera, tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut, kutipan yang tidak sempat dibankkan tidak disimpan dalam peti besi dan notis pemberitahuan awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan.

CARTA 7.2
BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:


- a Daftar borang hasil diselenggarakan
- b Perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat
- c Buku daftar kad kredit diselenggarakan
- d Kutipan direkodkan ke dalam buku tunai dengan segera
- e Semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut
- f Kutipan yang tidak sempat dibankkan, disimpan dalam peti besi
- g Notis pemberitahuan orang awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar ada dipamerkan

Kawalan terimaan yang tidak patuh ini memberi risiko kepada perekodan yang tidak tepat, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan penyalahgunaan kuasa/borang hasil. Kelemahan-kelemahan ini memberi implikasi kepada ketirisan hasil kerajaan dan menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna.

b. Kawalan Perbelanjaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak lima (5) PTJ/PK tidak mematuhi enam (6) kriteria dalam kawalan perbelanjaan. Hasil analisis mendapati:
 - Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan perbelanjaan adalah tiada surat kelulusan had apungan panjar wang runcit (PWR), baucar bayaran tidak direkodkan dalam buku tunai (PWR) dengan lengkap, had kuasa menandatangani baucar bayaran tidak ditetapkan, baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap “TELAH DIBAYAR”, baucar bayaran yang disemak tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap dan Buku Vot/Buku Vot Elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia masing-masing oleh satu (1) PTJ/PK.

CARTA 7.3
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK
MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota:

- a Surat kelulusan had apungan panjar wang runcit (PWR) diperoleh
- b Baucar bayaran direkodkan dalam buku tunai PWR dengan lengkap
- c Had kuasa menandatangani baucar bayaran ditetapkan
- d Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar ditebuk/cap "TELAH DIBAYAR"
- e Baucar bayaran yang disemak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap
- f Buku Vot/Buku Vot Elektronik disemak sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia

Kelemahan-kelemahan dalam perbelanjaan yang ditemui semasa pengauditan mengejut di PTJ/PK adalah berpunca daripada kawalan dalaman yang lemah yang meningkatkan risiko kepada berlakunya penyelewengan.

- ii. Analisis Audit mendapati sebanyak lima (5) pejabat tidak mematuhi enam (6) kriteria dalam kawalan perbelanjaan. Hasil analisis mendapati:
 - Sebanyak masing-masing satu (1) pejabat tidak mematuhi peraturan mengenai baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap "TELAH DIBAYAR", Buku Vot/Buku Vot Elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia, tiada surat kelulusan had apungan panjar wang runcit (PWR), had kuasa berbelanja tidak ditetapkan, terdapat pendahuluan dibuat melalui PWR dan tiada surat kuasa bagi pegawai yang meluluskan pesanan kerajaan.

CARTA 7.4
BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK MEMATUHI
PERATURAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a Baucar bayaran/dokumen sokongan yang dibayar ditebuk/cap "TELAH DIBAYAR"
- b Buku Vot/Buku Vot Elektronik disemak sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia
- c Surat kelulusan had apungan panjar wang runcit (PWR) diperoleh
- d Had kuasa berbelanja ditetapkan
- e Tiada pendahuluan dibuat melalui PWR
- f Pesanan Kerajaan diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa

Penemuan Audit di pejabat yang diaudit juga menunjukkan terdapat kelemahan melibatkan penurunan kuasa dan had kuasa berbelanja. Kelemahan ini memberi risiko penyelewengan dan salah guna kuasa.


c. Kawalan Umum

i. Analisis Audit mendapati enam (6) PTJ/PK tidak mematuhi tujuh (7) kriteria dalam kawalan umum. Hasil analisis mendapati:

- Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan umum adalah melibatkan sebanyak empat (4) PTJ/PK iaitu Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya dalam tempoh enam (6) bulan sekali.
- Selanjutnya, ketidakpatuhan melibatkan dua (2) PTJ/PK iaitu hasil pemeriksaan mengejut yang dilakukan tidak direkodkan dengan lengkap.
- Ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan umum melibatkan masing-masing satu (1) kriteria adalah peti besi tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga,

peti besi/bilik kebal yang tidak mempunyai kunci dan kod kombinasi yang berasingan dan dipegang oleh hanya seorang pegawai yang tidak diberi penurunan kuasa, daftar setem tidak diselenggara, terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Pejabat, dan daftar pembayaran tidak disemak oleh Ketua Pejabat/wakilnya.

CARTA 7.5
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN UMUM



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a Ketua Jabatan melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya dalam tempoh enam (6) bulan sekali
- b Pemeriksaan mengejut yang dilakukan direkodkan dengan lengkap
- c Peti besi digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga
- d Peti besi/bilik kebal yang mempunyai kunci dan kod kombinasi yang berasingan dan dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan
- e Daftar setem diselenggarakan
- f Terimaan dan pengeluaran setem disahkan oleh Ketua Pejabat
- g Daftar pembayaran disediakan dan disemak oleh Ketua Jabatan/Wakilnya


Penemuan Audit di PTJ/PK menunjukkan kelemahan di kawalan umum melibatkan ketidakpatuhan terhadap AP 309, penggunaan peti besi serta penerimaan dan pengeluaran setem/barang berharga yang memberi implikasi kehilangan wang awam/barang berharga. Selain itu, kelemahan ini juga berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di PTJ/PK tersebut.

ii. Analisis Audit mendapati sebanyak lapan (8) pejabat tidak mematuhi tujuh (7) kriteria dalam kawalan umum. Hasil analisis mendapati:

- Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan umum adalah sebanyak tiga (3) PTJ/PK iaitu Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya dalam tempoh enam (6) bulan sekali dan daftar pelaburan tidak diselenggara dengan kemas kini.

- Selanjutnya, ketidakpatuhan paling rendah dalam kawalan umum melibatkan masing-masing satu (1) kriteria adalah hasil pemeriksaan mengejut yang dilakukan tidak direkodkan dengan lengkap, sijil pelaburan tidak disimpan selamat dalam peti besi, peti besi/bilik kebal mempunyai kunci dan kod kombinasi yang berasingan namun dipegang oleh pegawai yang tidak diberi penurunan kuasa, terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Pejabat serta stok setem fizikal tidak bersamaan dengan daftar setem.

CARTA 7.6
BILANGAN PEJABAT YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN UMUM



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a Ketua Jabatan melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh enam (6) bulan
- b Daftar pelaburan diselenggarakan dengan kemas kini
- c Pemeriksaan mengejut yang dilakukan direkodkan dengan lengkap
- d Sijil pelaburan disimpan selamat dalam peti besi
- e Peti besi/bilik kebal mempunyai kunci dan kod kombinasi yang berasingan dan dipegang oleh pegawai yang diberi penurunan kuasa
- f Terimaan dan pengeluaran setem disahkan oleh Ketua Pejabat
- g Stok setem fizikal bersamaan dengan daftar setem

Ketidakpatuhan dalam kawalan umum bagi pejabat yang diaudit mendapati terdapat kelemahan melibatkan ketidakpatuhan terhadap AP 309, rekod pelaburan, penggunaan peti besi dan setem. Kelemahan ini boleh memberi implikasi kehilangan wang awam dan berisiko terhadap penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai di pejabat berkaitan.

7.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di PTJ/PK dan pejabat yang diaudit adalah baik berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi tiga (3) kawalan yang diaudit. Ketua PTJ/PK dan pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah

diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK dan pejabat agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan pada masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK dan pejabat di setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

7.6.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;

7.6.2. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;

7.6.3. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;

7.6.4. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;

7.6.5. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;

7.6.6. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan

7.6.7. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah tidak ada mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan, serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

12 Jun 2018



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my